

Jilid I
Bil. 34



Hari Rabu
30hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4957]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4995]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.49 dan B.50 [Ruangan 4996]

Maksud B.51 [Ruangan 5000]

Maksud B.52 [Ruangan 5035]

Maksud B.53 [Ruangan 5096]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991

Jawatankuasa—

Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 4996]

Maksud P.51 [Ruangan 5000]

Maksud P.52 [Ruangan 5035]

Maksud P.53 [Ruangan 5096]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5065]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 30hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEGUAM CARA DAN PEGUAM
BELA—TINDAKAN TATATERTIB

1. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah bilangan Peguam Cara dan Peguam Bela yang telah diambil tindakan tatatertib/disiplin yang menyalahi dan menyeleweng etika Profesion Guaman dan Undang-undang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Peguam Bela dan Peguam Cara yang telah dikenakan tindakan tatatertib kerana menyeleweng atau melanggar peraturan etika profesion guaman dan undang-undang semenjak tahun 1985 sehingga kini ialah seramai 161 orang.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penerangan yang lebih lanjut berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan dan tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian sebagai usaha untuk

mengelakkan perkara-perkara seperti itu berlanjutan untuk membolehkan atau memelihara pandangan orang ramai terhadap profesion guaman dan undang-undang di negeri ini?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kesalahan yang membabitkan pengamal undang-undang ialah dari segi melanggar tatatertib berkenaan dengan akujanji, penyelewengan ataupun pecah amanah. Daripada tahun 1985 tindakan yang diambil bagi menentukan yang disiplin terhadap Peguam Bela dan Peguam Cara dapat dikawal dan diawasi dengan sempurna:

Tahun	Sijil Amalannya Dibatalakan	Digantung	Dikenakan denda penalti (diimpeach)	Dicela
	(orang)	(orang)	(orang)	(orang)
1985	2	2	5	3
1986	2	-	4	-
1987	7	6	4	-
1988	7	6	6	-
1989	1	7	13	18
1990	12	4	20	15

Daripada tindakan-tindakan ini ia akan menentukan yang nama baik pengamal undang-undang ataupun Peguam Bela dan Peguam Cara dapat dikawal.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya di antara sebab-sebab atas peguam-peguam yang dikenakan tindakan disiplin adalah oleh kerana pecah amanah. Bolehkah saya dapat tahu berapa ramai peguam-peguam yang ada di mana tindakan diambil oleh Majlis Peguam oleh kerana pecah amanah, tetapi tidak ada dituduh dalam mahkamah? Bolehkah saya dapat tahu bilangan seperti ini?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak mempunyai maklumat berkenaan berapa ramai peguam yang telah diambil tindakan oleh Majlis Peguam mengikut Akta Profesion Guaman iaitu berapa ramai di antara mereka yang telah diambil tindakan disiplin dan berapa ramai di antara mereka yang dituduh, tetapi saya akan mendapatkan maklumat itu untuk Yang Berhormat.

ALAT GANTI KERETA TIRUAN—JUALAN

2. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan tindakan undang-undang yang diambil oleh Kerajaan terhadap pembuat-pembuat alat ganti tiruan, untuk menjaga industri kereta tempatan daripada kerugian berikutan penjualan berleluasa alat-alat ganti tiruan di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah, sedang dan akan terus mengambil tindakan untuk membanteras aktiviti pembuatan dan penjualan alat-alat ganti kereta tiruan melalui penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 1972.

Butir-butir mengenai tindakan undang-undang yang telah diambil adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kes</i>	<i>Nilai Rampasan</i>
1987	21	\$ 193,602.00
1988	13	\$ 7,984.20
1989	22	\$ 32,671.20
1990	10	\$ 102,803.60

(Jan-15 Nov)

Dr Haji Jamaluddin bin Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudah semestinyalah alat-alat pembuat atau alat-alat ganti tiruan ini ada yang dibuat di tempatan dan ada yang dibuat

di luar negeri. Adakah Kerajaan mempunyai langkah-langkah khusus mengenai alat yang dibuat di tempatan itu senang kerana mereka ini ada di sini dan senang kita hendak mengawasi dan mengawal. Tetapi kalau alat-alat ganti tiruan yang datang daripada negara-negara lain seperti Taiwan, Hong Kong dan lain-lain, adakah usaha yang khusus untuk membanteras dan untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, alat tiruan itu alat tiruanlah juga sama ada ianya datang dari luar ataupun dari dalam, Kerajaan boleh mengambil tindakan. Jadi, dalam hubungan ini kebanyakan kes-kes yang telah kita mengambil tindakan, laporannya datang dari orang ramai. Salah satu cara yang paling berkesan iaitu kita harapkan penerangan ataupun "feedback" daripada public. Di samping itu, Pegawai Penguatkuasa ada lebih kurang 600 orang lebih di seluruh negara tetapi memanglah ini tidak mencukupi. Jadi, kita berharap supaya public akan memberi bekerjasama dalam usaha kita ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kedua tadi bahawa Kerajaan boleh mengambil tindakan kepada barang-barang tiruan yang diimport, saya ingin bertanya Yang Berhormat adakah ataupun tidak kes-kes di mana barang tiruan ini dikenakan cukai. Jika bila dikenakan cukai, bila ia masuk ke sini, maknanya kata ia telah diiktirafkan oleh Kerajaan. Sebagai contohnya, barang alat-alat gantian tiruan daripada Thailand yang kita bawa masuk ke sini dikenakan cukai dan banyak barang-barang lain, bukan sahaja alat gantian tiruan, termasuk kasut Bally, Charles Jourdan dan lain-lain lagi yang kita import dikenakan cukai, tokenlah. Dan ini, kalau kita kenakan cukai kita

mengiktiraf. Jadi, macam mana kita hendak mengambil tindakan? Soalan saya adakah dikenakan cukai dan yang kedua, kalau dikenakan cukai, mengapa mesti diambil tindakan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas angle yang baru ini (*Ketawa*) namun demikian, sebagaimana kita tahu cukai adalah dikenakan oleh pihak Kastam tetapi butir-butir kepakaran untuk menentukan sesuatu itu tiruan atau tidak adalah terletak kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dan mereka boleh bertindak di bawah Akta Hal Perdagangan 1972. Insya Allah, angle baru yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dan kita akan cuba mengatasi sebarang masalah yang berbangkit.

BOT NELAYAN ASING/ TEMPATAN YANG DIDAKWA

3. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan kapal-kapal nelayan asing dan nelayan tempatan yang telah didakwa di bawah Akta Perikanan 1985 sejak tahun 1985; dan
- (b) sama ada Akta Perikanan 1985 akan dipinda untuk kepentingan nelayan-nelayan laut dalam (*off-shore fishermen*), khasnya kebebasan kapal-kapal nelayan seberat 10 hingga 15 tan dari tahanan oleh pihak penguatkuasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kapal-kapal ataupun bot nelayan asing dan nelayan-nelayan tempatan yang telah

didakwa atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 sejak Akta tersebut dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1986 ialah sebanyak 616 kes kapal asing dan 3,636 kes kapal tempatan. Perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian memang memandang serius terhadap kegiatan pencerobohan sama ada oleh nelayan-nelayan asing ataupun nelayan-nelayan tempatan. Kementerian akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang tidak menghormati undang-undang negara.

- (b) Kementerian Pertanian memang bercadang untuk meminda Akta Perikanan 1985. Sebelum berbuat demikian, Kementerian kini sedang berusaha untuk mendapatkan maklumat-balas dan pandangan daripada nelayan-nelayan yang terlibat, persatuan-persatuan nelayan, pertubuhan-pertubuhan, individu-individu serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana kawasan pilihanraya mereka mempunyai nelayan. Mereka diminta mengemukakan pandangan dan ulasan berkaitan dengan perkara ini seberapa segera untuk membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan seterusnya. Dengan demikian, adalah diharapkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyumbangkan pandangan masing-masing kepada Kementerian Pertanian melalui:

Urusetia,
31 Jawatankuasa Tetap,
Pindaan Akta Perikanan 1985,
Kementerian Pertanian
Malaysia,
Wisma Tani,
1 Jalan Sultan Salahuddin,
50624 Kuala Lumpur.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bot-bot nelayan, khususnya nelayan asing, yang diambil tindakan itu kebanyakannya dilonggok di pelabuhan-pelabuhan nelayan dan ini menjadi masalah kepada nelayan-nelayan tempatan. Mengapa perkara-perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan berhubung dengan perkara ini?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bot-bot asing yang dirampas setengahnya dimusnahkan ataupun ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan, dan sebahagiannya akan dijual kepada agensi-agensi lain untuk tujuan pelancongan dan juga bagi tujuan pengangkutan.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana kita semua tahu bahawa pada 24hb Januari tahun ini, sebuah kapal nelayan yang bernombor Serial PKFA 8922 telah ditembak di Selat Melaka, dekat Pulau Jarak oleh sebuah bot peronda yang disyaki dari negara jiran, sebuah negara jiran ASEAN. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Pertanian sudah menjalankan penyiasatan. Setakat ini, apakah keputusan penyiasatan itu?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan masih lagi dijalankan dan setakat ini tidak ada jawapan lagi.

ANGGOTA TENTERA MENAMATKAN PERKHIDMATAN

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan anggota-anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan mereka sejak 10 tahun yang lalu mengikut peringkat pegawai dan lain-lain peringkat; dan

- (b) apakah rancangan Kementerian membela nasib bekas tentera ini dan sejauh manakah kejayaan rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan sejak 10 tahun yang lalu (iaitu daripada Januari, 1980 hingga Oktober, 1990) ialah seramai 50,378 orang di mana 2,429 berpangkat pegawai dan 47,949 adalah lain-lain pangkat.
- (b) Kementerian Pertahanan telah menyediakan rancangan-rancangan untuk membela nasib bekas-bekas tentera seperti berikut:
- (i) Program Latihan Per-alihan;
 - (ii) Program Pendaftaran Pekerja;
 - (iii) Program Penyertaan Pembangunan Tanah; dan
 - (iv) Program Kursus Usahawan.

Usaha-usaha lain terus dijalankan untuk membantu mereka dari segi kebajikan seperti bantuan kepada balu, anggota hilang upaya, biasiswa dan persekolahan anak-anak bekas tentera yang menelan belanja kira-kira \$600,000 setahun melalui Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

Lt. Kol.(B) Ibrahim bin Sareh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan atas berbagai rancangan dan usaha untuk menjaga kepentingan bekas perajurit. Namun demikian, bekas perajurit masih menghadapi berbagai masalah—susah hendak dapat kerja, susah hendak dapat lesen, susah hendak dapat gerai dan berbagai lagi. Adakah Kementerian

Pertahanan bercadang ataupun ingin menimbang cadangan saya supaya digubal satu Akta untuk menjaga kepentingan perajurit, mungkin dipanggil Akta Veteran, dalam mana misalnya, diperuntukkan dalam akta tersebut Perlepasan Cukai Pendapatan bagi syarikat yang mengambil bekas perajurit untuk bekerja dan lain-lain lagi.

Soalan kedua, adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk mewujudkan "Tabung Veteran" bagi kepentingan bekas perajurit dalam mana dilaksanakan seperti Lembaga Tabung Haji dan seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera? Sekian.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan Akta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dikaji oleh Kementerian dan jika bersesuaian, Kementerian akan melaksanakannya.

Yang kedua berkenaan dengan Tabung Veteran ini walaupun kita mempunyai Tabung Rayuan Hari Pahlawan itu tetapi Tabung seumpama ini memang benarlah belum lagi kita tubuhkan. Tetapi cadangan ini akan dikaji oleh Kementerian.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, adakah program kursus ataupun skim kursus peralihan bagi anggota tentera yang ingin bersara itu adalah merupakan satu skim yang wajib? Yang kedua, sama ada Kementerian bercadang untuk membuat kajian berapa ramaikah bilangan bekas tentera yang kini berada di bawah taraf kemiskinan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kesemua anggota kita yang ingin meninggalkan jawatan mereka dimestikan menyertai kursus peralihan ini sebagai persediaan bagi mereka untuk

menjalani kehidupan awam di dalam masyarakat kita. Ini juga bertujuan untuk memberikan mereka kemahiran dan juga pengetahuan semoga mereka akan boleh mencari pekerjaan ataupun menjalankan usaha sendiri selepas mereka tamat perkhidmatan.

Bagi yang kedua tadi mengenai kajian, untuk makluman Dewan ini Kementerian bercadang untuk mengemaskinkan data-data berkenaan anggota yang telah berhenti atau meninggalkan jawatan. Jadi, daripada pengemaskinian data-data ini maka kita akan mengetahui bukan sahaja kedudukan bekas-bekas perajurit ini tetapi segala maklumat-maklumat yang penting seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi akan dapat kita kumpulkan. Pada masa ini kita masih lagi sedang mengumpulkan data-data ini dan kemungkinan juga Kementerian akan mengadakan satu peraturan mewajibkan semua anggota tentera yang bersara ini akan dimestikan berdaftar dengan Kementerian melalui hal ehwal bekas perajurit.

LAPANGAN TERBANG— PENSWASTAAN

5. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bagaimanakah prestasi untung rugi aktiviti pengurusan dan pengendalian lapangan terbang bagi tempoh 1985-1990; dan
- (b) benarkah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pengurusan dan pengendalian lapangan terbang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sejak tahun 1975, sistem perakaunan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia terbahagi kepada dua iaitu sistem akaun

dagangan bagi pengurusan lapangan terbang di Semenanjung Malaysia dan sistem akaun Kerajaan bagi pengurusan lapangan terbang di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, hanya perakaunan Jabatan Penerbangan Awam bagi Semenanjung Malaysia yang dapat ditunjuk dari konteks prestasi untung rugi aktiviti pengurusan dan pengendalian lapangan terbang. Bagi tempoh tahun 1985 sehingga 1990 terdapat kerugian seperti berikut:

Tahun Jumlah Kerugian

1985	\$39,052,989
1986	\$61,497,335
1987	\$71,700,231
1988	\$55,082,617
1989	\$43,432,953 (belum diaudit)
1990	\$44,747,699 (anggaran terakhir)

Kerugian ini adalah kerana ketinggian perbelanjaan untuk menampung peruntukan bagi pembayaran balik pinjaman dan faedah ke atasnya serta peruntukan untuk susutnilai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 1990, peruntukan untuk susutnilai adalah sebanyak \$47,500,000 dan peruntukan untuk faedah pinjaman adalah sebanyak \$2,216,000 menjadikan jumlah kedua-duanya sebanyak \$49,716,000.

- (b) Kerajaan memang ada rancangan untuk memperbadankan Jabatan Penerbangan Awam. Deraf undang-undang yang berkaitan telah disediakan dan Rang Undang-undang ini adalah dijadual dibentangkan dalam sesi Parlimen pada pertengahan tahun ini. Di samping itu, satu kajian khas mengenai cara-cara yang

terbaik untuk memperbadankan lapangan terbang adalah dalam peringkat akhir kajian. Setelah kajian ini siap dijalankan dan diterima oleh Kerajaan, keputusan akan dibuat terhadap tarikh serta cara di mana lapangan terbang-lapangan-terbang akan diperbadankan.

Antara sebab-sebab utama mengenai cadangan untuk memperbadankan lapangan terbang-lapangan-terbang adalah seperti berikut:

- (i) lapangan terbang dapat dikendalikan secara komersial;
- (ii) mengurangkan beban kewangan Kerajaan;
- (iii) melibatkan pihak swasta dalam bidang pengurusan lapangan terbang; dan
- (iv) melibatkan pelaburan swasta dalam pembangunan dan operasi lapangan terbang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya mengenai kerugian terkumpul yang dialami oleh JPA. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setakat tahun 1989 kerugian terkumpul JPA adalah sebanyak \$338 juta dan dianggarkan oleh JPA sendiri bahawa ia akan melambung ke \$527 juta dan bukannya ini satu jumlah yang amat besar yang melebihi modal \$145.13 juta yang dilaburkan oleh Kerajaan Persekutuan. Bagaimanakah keadaan ini boleh dicegah supaya kerugian terkumpul tidak berterusan ataupun kerugian tidak berterusan untuk tahun-tahun yang hadapan. Apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh JPA untuk menyekat kerugian besar daripada berulang setiap tahun?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jumlah pinjaman wang oleh JPA dan berapakah jumlah yang dijamin oleh pihak Kerajaan Persekutuan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa kerugian yang sedemikian banyak, itu sebabnya saya menyatakan tadi kerugian-kerugian itu. Sebenarnya kita menyedari hakikat bahawa satu badan yang diuruskan oleh Kerajaan secara sedemikian dengan syarat-syarat, sekatan-sekatan bahawa cukai tidak boleh melebihi sekian banyak dan berbagai-bagai perkara lagi, maka memang sukarlah bagi satu badan untuk mendapat keuntungan. Oleh kerana itulah maka kita mencadang untuk diswastakan, ia akan diperbadankan dahulu kemudian diswastakan. Dengan cara demikian kita yakin bahawa ianya akan dapat keuntungan. Perbelanjaan yang sekian banyak kalau Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti pembangunan yang dibuat kepada lapangan-lapangan terbang iaitu membina lapangan-terbang-lapangan-terbang baru dan juga pembangunan-pembangunan yang pesat di semua lapangan-terbang, ini memerlukan kewangan. Maka itulah sebabnya perbelanjaan pembangunan lapangan-terbang ini dan pengurusannya begitu tinggi.

Yang Berhormat bertanya jumlah pinjaman, saya minta maaf jumlah keseluruhannya tidak ada pada saya di sini dan kesemuanya dijamin oleh Kerajaan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau mengikut jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri sekejap tadi kalau kira cara orang mencari keuntungan dalam perniagaan, saya rasa boleh tutuplah perniagaan itu. Sebab kerugian berlaku kepada JPA ini bukan setahun tetapi dari tahun ke tahun. Saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut ataupun lebih detail apakah punca-punca yang sebenar selain daripada yang telah diberi dalam jawapan tadi yang menyebabkan kerugian ini berlaku dan apakah cadangan Kerajaan untuk menswastakan projek ini semata-mata

alasan kerugian sebab kalau atas alasan kerugian banyak sudah projek-projek yang telah diswastakan tidak terlibat dengan kerugian. Jadi, apakah punca yang sebenar yang telah membawa kerugian ini berlaku dari tahun ke tahun? Apakah cadangan pihak Kerajaan untuk mengatasi ataupun mendapat pulangan balik sebelum penswastakan ini berjalan dengan sempurna?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya telah saya berikan tadi iaitu pembangunan lapangan-terbang-lapangan-terbang baru yang begitu banyak dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan juga pembangunan-pembangunan yang pesat.

Dalam Dewan ini juga Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing memperjuangkan untuk mendapatkan lapangan-terbang yang baik, yang terbesar, yang termoden dan segala-galanya. Kalau Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi berkata bahawa kalau ikut kerugian ini, memang ini sudah tutup. Kalau biasanya dari segi komersialnya memang sudah tutup. Tetapi ini perkhidmatan Kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab kepada rakyatnya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak terutamanya, kita tahu dalam ucapan-ucapan mereka, membahaskan meminta supaya lapangan-terbang di kawasan masing-masing diperbaiki dan sebagainya.

Kerajaan terpaksa menimbang dan kita semua hendaklah meneliti berapa banyak lapangan-terbang stall dan lapangan-terbang di perkhidmatan luar bandar Sabah dan Sarawak yang perlu kita adakan yang tidak ada langsung mendatangkan keuntungan dari segi pengurusan lapangan-terbang itu, kerana kita tidak dapat cukai apa-apa. Kita mesti menyedari bahawa ini adalah khidmat awam. Syarat-syarat swasta bukanlah kerana kerugian sahaja, Yang

Berhormat tidak dengar semasa saya menjawab. Betulkah Yang Berhormat tidak mendengar tadi semasa saya menjawab? Sebab dalam jawapan saya, saya katakan di antara sebab-sebab utama mengenai cadangan untuk memperbadankan lapangan terbang-lapangan terbang adalah supaya lapangan terbang dapat dikendalikan secara komersial, mengurangkan beban kewangan Kerajaan, supaya Yang Berhormat tidak marah kerana selalu rugi, melibatkan pihak swasta dalam bidang pengurusan lapangan terbang dan melibatkan pelaburan swasta dalam pembangunan dan operasi lapangan terbang. Puas hati? (*Ketawa*)

MINYAK MENTAH DARIPADA SABAH/SARAWAK—BAYARAN ROYALTI

6. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyata-takan bagi tahun-tahun 1987, 1988, 1989 dan 1990:

- (a) berapakah jumlah hasil yang diperolehi daripada telaga minyak di perairan Sabah dan Sarawak dan khususnya telaga minyak Semarang;
- (b) berapakah jumlah pembayaran royalti hasil minyak bagi negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (c) berapakah hasil tambahan yang diperolehi daripada kenaikan harga minyak mentah dunia pada tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan:

- (a) Jumlah nilai minyak mentah yang diperolehi daripada lapangan-lapangan minyak di kawasan laut berhadapan dengan negeri Sabah

dan Sarawak bagi tahun 1987 hingga 1990 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
	<i>(Juta Ringgit)</i>	
1987	1,494	2,257
1988	1,366	2,018
1989	2,180	2,652
1990	3,221*	3,994*

*angka anggaran.

Jumlah nilai minyak mentah yang diperolehi dari lapangan minyak Semarang bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>(Juta Ringgit)</i>
1987	900
1988	879
1989	1,051
1990	1,118*

*angka anggaran

- (b) Jumlah pembayaran royalti minyak kepada negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 1987 hingga 1990 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
	<i>(Juta Ringgit)</i>	
1987	75	113
1988	68	101
1989	109	113
1990	161*	200*

*angka anggaran

- (c) Jumlah hasil tambahan kepada negara berikutan dari peningkatan pengeluaran dan kenaikan harga minyak mentah bagi tempoh bulan Ogos hingga Disember, 1990 ialah sebanyak \$4,028 juta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan minyak yang terdapat dalam negara kita ini adalah minyak negara Malaysia walaupun terdapat di Sabah, Sarawak ataupun Terengganu. Apakah Kerajaan bercadang di mana sudah sampai masanya satu dasar baru dibuat supaya di mana sahaja minyak dijumpai, seluruh negeri-negeri di Malaysia ini diberi pertimbangan untuk mendapat royalti,

bukan setakat negeri-negeri yang menjumpai minyak sahaja. Saya rasa ini wajar dan perlu sebab negeri-negeri yang tidak ada minyak seperti Perlis, Perak, Kelantan dan lain-lain negeri sudah sampai masanya, sebab kita kira ini minyak Malaysia, bukan minyak Sabah, bukan minyak Sarawak, bukan minyak Terengganu walaupun Kerajaan Pusat dapat perolehan daripada sumber minyak ini dan disalurkan melalui bermacam-macam pembangunan. Tetapi secara khusus sewajarnya sudah sampai masanya agihan ini diberi kepada semua negeri. Kedah saya tidak sebut tadi. Kedah pun tidak ada minyak juga, ada padi sahaja. Bersetuju atau tidak? Semua bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Minta jawablah.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terpulang kepada Menteri.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pada saya, sekarang pembangunan yang dibawa kepada negeri-negeri pun sudah menunjukkan bahawa kita menggunakan semua hasil negara untuk membangunkan tiap-tiap negeri dalam negara kita. Tidak perlu diagihkan macam itu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, kalau melihat kepada agihan yang diberi kepada Sarawak, sepatutnya Sarawak itu mesti kaya. Tetapi seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Sarawak itulah yang terkebelakang sekali daripada segi pembangunan. Soalan saya, berapa banyak lagikah rezab minyak kita yang masih ada mengikut kajian?

Kedua, kalau minyak ini sudah habis nanti, adakah Kerajaan membuat satu cadangan untuk sumber alternatif untuk mendatangkan revenue kepada negara

kita dan adakah Malaysia mencapai peringkat industrialisation, bukan di Semenanjung Malaysia sahaja tetapi termasuklah Sarawak.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya berikan dari segi jumlah—kalau kita mengeluarkan minyak sebanyak 580,000 tong satu hari, maka rezab minyak akan dapat dipertahankan mengikut apa yang ada masa kini selama 15 tahun; kalau pengeluarannya sebanyak 650,000 tong satu hari, kita dapat mempertahankan rezab selama 12 tahun.

Berkenaan dengan soal sumber alternatif dan industri, saya fikir ini terkeluar daripada soalan asal, jadi tidak perlu saya menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan.

(Soalan No .7 Y.B. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan tidak hadir)

SKIM ASB DAN ASN—PRESTASI

8. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah prestasi Skim Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Hartanah sehingga kini. Adakah Skim ASB akan dapat menjamin kadar pulangan yang sama dengan skim ASN sebelum ianya disenaraikan di Bursa Saham.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, skim ASB telah dilancarkan pada 1hb Januari, 1990. Sehingga 30hb Oktober 1990, seramai 2.6 juta pelabur menyertai skim ini dengan jumlah pelaburan sebanyak \$617 juta. Daripada jumlah itu, 2.5 juta pelabur terdiri daripada pemegang akaun dewasa dan bakinya sebanyak 55,586 pelabur merupakan pemegang akaun remaja. Nilai keseluruhan pelaburan

akaun dewasa adalah sebanyak \$595.6 juta manakala akaun remaja sebanyak \$21.7 juta.

Pelaburan di dalam skim ASB sehingga 31hb Disember 1990 telah menghasilkan dividen sebanyak \$43.71 juta atau 8% daripada nilai pelaburan keseluruhan. Selain daripada itu, Permodalan Nasional Berhad telah mengeluarkan unit-unit percuma sebanyak \$29.2 juta atau 6% dalam tempoh yang sama menjadikan jumlah keseluruhan dividen dan bonus sebanyak 14%.

Mengenai Amanah Harta Tanah PNB (AHP) pula ianya dilancarkan pada 21hb Mac 1989. Sehingga 31hb Oktober 1990, jumlah pelaburan terkumpul adalah sebanyak \$100 juta yang mana sebanyak 73 juta unit (75%) dimiliki oleh pelabur-pelabur persendirian terdiri daripada 15,345 orang pelabur dan PNB sebanyak 26.9 juta (25%) daripada unit keseluruhan.

Sejak penubuhannya, AHP telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Bagi tempoh di antara 21h Mac 1989 hingga 31hb Disember 1990, AHP telah membayar dividen sebanyak 5.5% berjumlah \$5.46 juta. Bagi enam bulan pertama tahun 1990, AHP telah mencatatkan keuntungan sebanyak \$2.8 juta. Selain dari itu, pada masa itu, hartanah yang terkandung dalam portfolio AHP telah menikmati kenaikan modal melebihi 22% daripada kos pelaburan. Bagaimanapun, keuntungan pada tahun 1990 dan kenaikan modal ini tidak diagihkan kepada pelabur-pelabur kerana AHP sudah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada 28hb Disember 1990. Urusniaga AHP dijangka akan terus mendapat sambutan berikutan minat pelaburan dalam hartanah di kalangan pelabur-pelabur perseorangan dan institusi-institusi tempatan.

Mengenai pulangan kepada Skim Amanah Saham Bumiputera, ianya adalah bergantung kepada kemampuan syarikat-syarikat yang di dalam portfolionya membayar dividen. Bagaimanapun, prestasi Amanah Saham Bumiputera dijangka berpatutan kerana pelaburannya dipelbagaikan dan ditumpukan kepada syarikat-syarikat yang berpotensi bagi menjamin pulangan yang menggalakkan. Pulangan kepada pelaburan dijangka akan stabil kerana jika salah satu pelaburan mencatatkan pulangan yang rendah, ianya akan ditampung oleh lain-lain syarikat yang mencatatkan keuntungan yang lebih baik. Ini adalah ciri-ciri keistimewaan melabur dalam skim-skim saham amanah.

Sebagai penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, Amanah Saham Nasional tidak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya, harga seunit Amanah Saham Nasional mulai 2hb Januari 1991 telah diniagakan mengikut harga pasaran berasaskan harga penutup pelaburannya dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada hari sebelumnya.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Krisis Teluk atau Perang Teluk yang telah kita lihat berlaku lebih kurang 13-14 hari ini, adakah kesan yang negatif mungkin kepada prestasi ASN/ASB jika Krisis Teluk atau Perang Teluk ini berpanjangan? Itu soalan saya yang pertama.

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan mekanisme yang tertentu untuk menjamin satu tahap atau harga yang minima?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau diambil sejak daripada 2hb Januari 1991, semenjak tarikh mula ASN diniagakan mengikut nilai pelaburannya yang

disebut harga di Bursa Saham Kuala Lumpur, harga seunit Amanah Saham Nasional mencerminkan aliran indeks komposit BSKL. Oleh itu apa pun kejadian di Teluk yang mempunyai kesan terhadap pasaran saham akan mempunyai kesan terhadap harga yang disebut bagi diurusniagakan Amanah Saham Nasional.

Dari segi adakah mekanisma akan diwujudkan bagi menentukan ataupun untuk mempertahankan harga saham Amanah Saham Nasional itu tidak turun, kita terpaksa bergantung kepada kedudukan pasaran. PNB tidak akan mempertahankan harga saham tetapi ia akan melihat harga portfolio-portfolio atau saham-saham di dalam portfolionya untuk masuk dalam pembeliannya mengikut keadaan pasaran yang boleh menentukan kestabilan harga Amanah Saham Nasional.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah \$617 juta yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebagai jumlah di dalam ASB sekarang ini termasuk saham-saham yang ditukar daripada ASN kepada ASB pada 2hb Januari yang lalu. Apakah trend di dalam sambutan bumiputera setakat ini terhadap ASB? Jikalau hanya \$617 juta sahaja sepertimana yang disebut, maksudnya ASB tidak dapat sambutan sepertimana ASN dahulu. Mengapakah ASB tidak menjalankan kempen besar-besaran sepertimana yang dibuat oleh ASN di masa ASN dilancar dan sedang berjalan 10 tahun yang lalu?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya angka yang saya sebutkan tadi adalah angka yang bersabit dengan pelaburan baru. Kalau kita ambil pelaburan pertukaran berkelompok, pelaburan ASN kepada ASB, berasaskan nilai harga pertama, lebih 1.3 juta orang pelabur telah menggunakan kemudahan ini yang melibatkan nilai melebihi \$6,000 juta.

Daripada segi publisiti yang diberikan kepada ASB, saya fikir ia adalah satu publisiti yang berterusan di dalam akhbar dan juga di dalam media massa yang lain. Jadi, kita akan terus mengambil langkah-langkah untuk menentukan ia mendapat sambutan. Mengikut angka-angka yang ada, sambutan terhadap Amanah Saham Nasional dan ASB adalah menggalakkan dan dalam jualbeli di dalam pasaran di mana pihak pengurusnya menjalankan jualbeli, ia menunjukkan pelabur terlibat di dalam switching dan menunjukkan kefahaman orang-orang kaum bumiputera di dalam mengambil peluang untuk membuat untung dan masuk kepada ASB atau jual ASB untuk memasuki Amanah Saham Nasional mengikut harga pasaran yang baik.

DASAR BELIA NEGARA

9. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) adakah beliau menyedari bahawa kemerosotan moral di kalangan belia sekarang adalah hasil daripada berleluasanya pesta-pestaan yang antaranya dianjurkan dan digalakkan oleh Kerajaan sendiri;
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah itu; dan
- (c) adakah Dasar Belia Negara masa lalu tidak mampu melahirkan insan yang kamil hingga menyebabkan Menteri sekarang bercadang hendak meminda dan mengemaskinikan dasar belia yang ada sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemerosotan moral di kalangan belia bukanlah semestinya berpunca daripada pesta-pestaan.

Banyak faktor-faktor lain yang mempengaruhi moral belia-belia.

- (b) Bagi menjamin keutuhan moral belia-belia, Kementerian Belia dan Sukan akan memperbanyakkan lagi program-program bercorak pembinaan akhlak, perwatakan, kepimpinan, kaunseling dan kem musim cuti, khasnya bagi belia-belia lepasan sekolah. Bagi tujuan ini juga, Kementerian Belia dan Sukan akan membina Kem Bina Belia di setiap negeri.
- (c) Sebenarnya Dasar Belia Negara adalah lengkap. Yang penting adalah program untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan dasar itu sendiri. Dalam hal ini, Kementerian akan membentuk satu jawatankuasa yang terdiri daripada pemimpin Majlis Belia Malaysia, wakil dari universiti-universiti tempatan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bagi merancang dan memastikan pelaksanaan Dasar Belia Negara berjalan dengan lancarnya.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan ataupun pandangan daripada Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan, iaitu apakah agaknya bentuk perancangan program kepada belia bersesuaian dengan dasar belia yang akan diubahsuaikan kelak, terutama berkaitan dengan meningkatkan lagi tahap ekonomi para belia. Itu sahaja.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian telahpun mewujudkan satu tabung yang dinamakan Tabung Pembangunan Usahawan Belia untuk digunakan oleh

para-para belia kita yang ingin menjalankan perniagaan dan tabung ini sedang berjalan sekarang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat baru di situ, kemerosotan moral di kalangan belia sampai ke tahap meruncing. Kalau ya, apakah rancangan jangka pendek untuk menyelesaikan masalah ini?

Yang kedua, dalam usaha kita untuk melahirkan insan yang kamil, saya ingin bertanya apakah kriteria atau syarat untuk kita sampai ke tahap tersebut, sebab ini selalu dilaungkan oleh pihak Pembangkang. Adakah dengan cara kita memaki orang, menuduh orang rasuah tanpa bukti dan sebagainya yang dibuat oleh pihak Pembangkang itu sebagai syarat untuk menjadi insan yang kamil atau insan yang camel. (*Ketawa*)

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tahapnya masih lagi boleh dikawal. Soalan Yang Berhormat yang kedua, sukacita saya ingatkan bahawa inilah dia di antara sebab mengapa didapati moral belia kita agak merosot oleh kerana ada kegiatan-kegiatan yang boleh menghasilkan sumbangan negatif kepada pembentukan moral belia itu sendiri sebagaimana yang dianjurkan sendiri oleh kumpulan yang bertanyakan soalan asal ini. Inilah termasuk kegiatan-kegiatan menghasut, meracuni pemikiran belia, menabur fitnah, mengeluarkan fatwa sendiri sehingga masyarakat belia berpecah-belah.

LANGKAWI SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN

10. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan setakat mana kejayaan Pulau Langkawi sebagai resort pelancongan selepas ia diberi taraf pelabuhan bebas.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, kesan segera dari langkah menjadikan Pulau Langkawi sebagai satu kawasan Pelabuhan Bebas Cukai adalah seperti berikut.

Peningkatan kemasukan pelancong ke Langkawi dari seramai 209,763 orang pada tahun 1986 kepada 310,000 pada tahun 1987. Jumlah pelawat ini telah meningkat menjadi 438,778 pada tahun 1988 dan 936,160 pada tahun 1989. Jumlah pelawat melalui kapal terbang telah meningkat dari 251 orang pada tahun 1986 kepada 10,934 orang pada tahun 1987 dan 32,063 orang pada tahun 1989.

Jumlah bilik pula telah meningkat dari 359 pada tahun 1986 kepada 760 pada tahun 1990. Banyak lagi permohonan telah diberi kelulusan untuk membina hotel. Sehingga bulan Disember, 1990 Lembaga Pembangunan Langkawi telah meluluskan pembinaan sebanyak 14 hotel.

Lesen-lesen kereta sewa yang dikeluarkan pula telah meningkat dari 350 pada tahun 1989 kepada 671 pada tahun 1990.

Dengan itu bolehlah dilihat dari angka-angka tersebut bahawa pengisytiharan Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas Cukai telah membawa kesan positif ke arah menjadikan Langkawi sebagai resort pelancongan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh sebab taraf pelabuhan bebas ini kepada Pulau Langkawi, adakah pihak rakyat tempatan mendapat bahagian sama di dalam perkembangan atau kemajuan yang dicapai ini? Dan kalau ada, bolehkah Yang Berhormat sebutkan? Jikalau tidak, apakah usaha-usaha yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk menentukan supaya

rakyat tempatan akan mendapat nikmat dan bahagian daripada kemajuan oleh sebab taraf pelabuhan bebas ini?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan kemungkinan taraf pelabuhan bebas ini akan ditarik balik daripada Pulau Langkawi. Saya ingin tahu apakah rasional Yang Amat Berhormat ataupun Kerajaan dan apakah pula kesan akan berlaku kepada Pulau Langkawi jika taraf pelabuhan bebas ini ditarik balik?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan kehendak Allah s.w.t., Langkawi menjadi satu anugerah Tuhan yang perlu dinikmati oleh manusia bukan sahaja di Langkawi, tetapi dalam negara kita dan juga seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, pembangunan dan kemajuan Langkawi akan berlaku sama ada secara terancang ataupun *ad hoc*, dengan izin. Oleh yang demikian, Kerajaan membentuk satu pendekatan yang terancang untuk membangunkan Pulau tersebut supaya dapat dinikmati oleh semua pihak termasuk masyarakat tempatan di Langkawi. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan satu Lembaga sejak tahun yang lalu dan apa juga langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Lembaga khususnya akan mengambil kira tentang kedudukan masyarakat tempatan. Dan sewajarnya masyarakat tempatan dapat bersama-sama dalam arus pembangunan dan kemajuan tersebut.

Yang pertamanya, peluang untuk mendapatkan pekerjaan di kalangan lebih kurang 38,000 masyarakat di situ makin lama makin terjamin. Yang keduanya, dari segi kemudahan asas hingga kini daripada kajian yang dibuat mengatakan bahawa kos hidup tidaklah bertambah dengan tingginya untuk masyarakat tempatan. Dan untuk

mempastikan bahawa masyarakat tempatan tidak akan terkorban kepentingan mereka, maka Kerajaan Negeri telahpun mewujudkan satu jawatankuasa untuk memastikan bahawa harta-harta masyarakat tempatan tidak akan terlepas dengan sewenang-wenangnya dalam arus pembangunan tersebut. Kalau sekiranya berlaku apa jua perubahan di Langkawi, Tuan Yang di-Pertua, harta-harta masyarakat tempatan perlu dimajukan sama supaya manfaat dan faedahnya dapat dinikmati bersama oleh pemilik-pemilik harta yang terdiri daripada masyarakat tempatan. Dan saya percaya, peruntukan dalam akta untuk Lembaga ini cukup untuk memastikan bahawa kepentingan masyarakat tempatan akan terpelihara pada masa yang akan datang.

Mengenai kemungkinan ditarik balik taraf bebas cukai di Langkawi, ingin saya memaklumkan di sini bahawa Langkawi memerlukan masa supaya turn over, pusingan perniagaan di Pulau Langkawi akan bertambah dengan banyaknya dan dengan cara demikian masalah dari segi perniagaan mengikut bidangan akan mengizinkan peniaga-peniaga di Pulau Langkawi mendapatkan bekalan-bekalan pada harga yang lebih baik dan dengan cara yang demikian dapat menjualnya di peringkat retail, dengan izin, pada harga yang lebih murah lagi seperti dibandingkan dengan keadaan yang ada pada hari ini. Tetapi jika sekiranya kita bandingkan barang-barang yang telah diselidiki dan dikaji kebelakangan ini, didapati bahawa harga barang-barang itu sebenarnya adalah lebih murah daripada harga di Semenanjung dan setanding dengan Singapura jika diambil kira nilai tukaran ringgit dengan dollar Singapura.

Jadi, pihak peniaga-peniaga Langkawi diseru supaya tidak mengambil kesempatan untuk mendapatkan untung yang berlebihan dan sewajarnya membaiki lagi sistem pengendalian barang-barang yang

dibawa daripada luar dengan cara yang lebih baik lagi dan lebih cekap, akhirnya dapat menurunkan rata-rata harga di Pulau Langkawi. Dengan cara yang demikian dapat mengelakkan daripada masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH

11. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meninggikan taraf pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah di luar-luar bandar supaya murid-murid boleh bertutur dan menulis dengan lebih baik lagi dalam bahasa Inggeris.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf pelajaran Bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan taraf pelajaran bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

- (1) menambah bilangan guru yang terlatih dalam pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah;
- (2) memberi kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran guru-guru bahasa Inggeris;
- (3) mengeluarkan bahan-bahan serta menyediakan program-program dalam bahasa Inggeris melalui Radio dan TV Pendidikan;
- (4) merancang dan menyelaras program-program bahasa Inggeris di sekolah melalui

Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program Bahasa Inggeris di Sekolah;

- (5) memperkenalkan pelajaran Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris melalui program "Class Readers" yang bertujuan mempertingkatkan fahaman dan penguasaan bahasa Inggeris;
- (6) membekalkan nota bantuan pengajaran dan buku panduan guru bagi membantu guru-guru menyediakan aktiviti-aktiviti menarik yang banyak melibatkan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris;
- (7) menambah pengetahuan guru melalui penerbitan "Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa";
- (8) melaksanakan aktiviti-aktiviti bahasa Inggeris seperti kegiatan drama, syarahan, bercerita, membaca dan sebagainya;
- (9) menjalankan penyeliaan dan pengawasan yang berterusan khasnya di sekolah-sekolah luar bandar; dan
- (10) menjalankan satu penilaian formatif bagi tujuan mengesan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, guru-guru dan pentadbir-pentadbir bidang pendidikan bahasa Inggeris.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sanggup untuk memperkenalkan satu rancangan yang boleh dipanggil "Speak English Month", dengan izin, di semua sekolah rendah dan menengah sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan murid-murid bercakap bahasa Inggeris? Kalau ya, bilakah program ini akan dilancarkan dan kalau tidak, mengapa?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lumut sebenarnya sekolah-sekolah menggalakkan murid-murid mereka menulis dan bercampur-gaul serta bercakap dalam bahasa Inggeris bukan dalam masa satu bulan atau satu minggu tetapi dalam masa sepanjang masa mereka berada di sekolah. Ini adalah dalam kegiatan kurikulum termasuk Kelab Bahasa Inggeris dan sebagainya yang diadakan di semua sekolah di seluruh negara.

Jadi, saya rasa lebih berkesan kalau kita menggalakkan pelajar-pelajar kita di sekolah bukan sahaja menggunakan bahasa Inggeris dalam satu bulan atau satu minggu sebagai "Speak English Month", dengan izin, tetapi dalam segala kegiatan yang boleh mereka menggunakan bahasa Inggeris. Saya rasa itu adalah lebih berkesan.

Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa yang diperuntukkan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 12 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

LIGHT HOUSE DI SELAT TEBERAU—TUNTUTAN HAKMILIK

7. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengambil Light House di Selat Teberau yang didakwa oleh Kerajaan Singapura sebagai miliknya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persoalan yang dibangkitkan itu adalah berkaitan dengan isu tuntutan hakmilik ke atas Pulau Batu Puteh dimana terletaknya Light House

tersebut. Seperti yang pernah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, kedua-dua Kerajaan masih lagi berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut secara rundingan damai dengan semangat kejiranan dan persefahaman.

JEMAAH HAJI KE MEKAH

12. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan tentang sambutan orang ramai yang ingin menunaikan Fardhu Haji ke Mekah pada tahun ini. Adakah jumlahnya berkurangan dibandingkan pada tahun yang lalu dan adakah Kerajaan bercadang menghadkan bilangan jemaah haji itu dan apakah jaminan bahawa tambang pemergian menunaikan Fardhu Haji ini tidak akan dinaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Sambutan orang ramai mendaftar untuk menunaikan Fardhu Haji untuk musim Haji 1411H/1991M berkurangan sedikit jika dibandingkan dengan tahun 1410 Hijrah. Sebagai perbandingan sehingga 10 Disember, 1990, bilangan borang pendaftaran yang dikeluarkan adalah sebanyak 27,822 sahaja berbanding dengan 31,993 bagi tempoh masa yang sama tahun lalu iaitu berkurangan 13%.

Kerajaan tidak bercadang untuk menghadkan bilangan jemaah haji menunaikan Fardhu Haji pada musim yang akan datang. Mengenai tambang pula, pihak Penerbangan MAS dan Tabung Haji sedang berunding mengenainya.

MINYAK/GAS ASLI—BAYARAN ROYALTI

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan Persekutuan bercadang menaikkan royalti minyak dan gas asli

dari 5% yang ada sekarang, kepada 10% atau 20%, supaya negeri Sarawak, Sabah dan Terengganu akan mendapat hasil yang lebih adil kepada Kerajaan-kerajaan negeri itu untuk melaksanakan projek pembangunan di Negeri masing-masing.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Untuk makluman Yang Berhormat, petroleum (minyak dan gas) di negara kita pada masa ini dikeluarkan di luar pantai negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Trengganu. 10% daripada nilai pengeluaran kasar petroleum bagi tiap-tiap negeri berkenaan adalah diperuntukan sebagai pembayaran royalti. Pembayaran royalti ini pula dibahagi sama rata iaitu 5% masing-masing kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti hasil petroleum kerana kadar yang dipakai sekarang adalah setanding dengan kadar yang dikenakan oleh negara-negara lain kepada syarikat-syarikat yang mencarigali dan mengeks-ploitasi sumber-sumber petroleum.

PROGRAM KEROHANIAN KEPADA BELIA

14. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program kerohanian yang diterapkan di dalam Kementerian Belia dan Sukan.

Dato' Ismail bin Said: Kementerian Belia dan Sukan melalui Unit Hal Ehwal Agama Kementerian ini sedang menganjurkan program kerohanian dan memberi kefahaman Islam kepada pegawai-pegawai Belia, pemimpin-pemimpin belia dan pelatih-pelatih di Pusat-pusat Latihan Belia. Program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Seminar Dakwah dan Kepimpinan Islam;

- (b) Muzakarah Belia Islam;
- (c) Kursus Kesedaran dan Kefahaman Islam;
- (d) Ceramah dan Kuliah Agama di semua kursus-kursus anjuran Kementerian.

Penerapan program ini adalah selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam yang menjadi dasar negara masakini.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DI DAMANSARA UTAMA— PEMBUKAAN

15. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa pembinaan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang baru di Damansara Utama bagi menggantikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Ladang Effingham dihentikan dan sebaliknya sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan dibina ditempatnya; sama ada Kerajaan akan meneruskan dengan pembinaan sekolah tersebut bagi menampung keperluan penduduk-penduduk di kawasan berkenaan; nyatakan mengapa pembinaan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di tempat yang sama dilambatkan begitu lama; bilakah pembinaan sekolah tersebut akan bermula dan tarikh ianya dijangka siap.

Dr. Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang dibangkitkan oleh Ahli Yang terhormat tersebut bukanlah diberhentikan. Sebaliknya pembinaan sekolah berkenaan memang tidak dapat dilaksanakan kerana status sekolah tersebut adalah sekolah bantuan modal, di mana urusan memperolehi tapak dan membina bangunan sekolah itu adalah menjadi tanggungjawab pihak Lembaga Pengurus Sekolah berkenaan sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkara mengenai penerusan pembinaan SRJK(T) Ladang Effingham telah dijawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 5.4.1989. Pembinaan sekolah tersebut adalah menjadi tanggungjawab pemaju yang akan membangunkan kawasan tersebut dan Kementerian Pendidikan difahamkan bahawa pihak pemaju telahpun mengambil tindakan sewajarnya mengenai perkara yang dibangkitkan.

Berhubung dengan pembinaan sebuah sekolah menengah kebangsaan di Damansara Utama, ia adalah perlu bagi memenuhi keperluan yang mendesak di kawasan perumahan berkenaan.

Mengenai pembina SRJK(C) yang dinyatakan itu pula, sebenarnya ia telahpun siap dibina dan digunakan pada tahun 1983 di sebuah tapak gantian di Taman S.E.A, iaitu SRJK(C) Poay Chye.

SIA—PENERBANGAN KE KUCHING

16. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah SIA (Penerbangan Singapura) dibenarkan masuk ke Kuching oleh Kementerian Pengangkutan. Mengapa SIA hanya dibenarkan masuk ke Kuching dari tempat-tempat lain di dunia kecuali Singapura.

Datin Padukan Hajah Zaleha binti Ismail: Sepertimana yang telah saya nyatakan di Dewan ini, pada 14 Januari, 1991 yang lalu, Kerajaan telahpun membenarkan Singapore International Airlines (SIA) mengadakan perkhidmatan berjadualnya ke Kuching. Dengan demikian soal SIA hanya dibenar masuk ke Kuching dari tempat-tempat lain di dunia kecuali, Singapura tidaklah timbul sama sekali.

**SPORTS TOTO/MAGNUM/
MESIN SLOT/LOTERI AWAM—
LESEN**

17. Tuan Haji Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah permohonan lesen setiap tahun untuk tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini yang diluluskan oleh Kementerian bagi:

(a) Sports TOTO;

(b) Magnum;

Tahun Jenis	80	81	82	83	84	85	86	87	88	89	90	Jumlah 80—90
Sport TOTO	7	10	8	21	10	2	6	48	120	78	199	501
Magnum (4D)	16	16	5	10	40	33	43	17	16	5	36	237
Mesin Slot	1	1	1	2	2	3	25	01	10	—	—	145
Loteri Awam	13	11	13	26	27	20	20	9	3	1	1	144

(c) Mesin Slot; dan

(d) Loteri Awam.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara 1980 hingga 1990, Kementerian Kewangan telah meluluskan 501 lesen agensi Sports TOTO, 237 lesen agensi Magnum (4D), 145 lesen mengendalikan mesin slot dan 144 permit Loteri Awam. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

**UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA—KAJIAN
KETIDAKSAMAAN
PENDAPATAN**

18. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah beliau sedar bahawa suatu kajian mendalam telah dibuat oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa (UIA) tentang pendapatan rakyat di negara kita baru-baru ini. Menurut kajian itu, 20% di peringkat tertinggi mendapat 56% daripada jumlah pendapatan gaji di negara kita, dan 20% di peringkat rendah mendapat hanya 3.5% sahaja daripada jumlah pendapatan gaji di negara kita. Kajian itu menegaskan bahawa Malaysia mempunyai jurang perbezaan yang paling tinggi antara orang kaya dan yang miskin, jika dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain; dan

(b) bolehkah beliau memberitahu Dewan ini apakah sebab-sebab atas keadaan seperti ini, dan

apakah tindakan-tindakan yang beliau ingin mengambil bagi mengurangkan jurang pendapatan ini memandangkan agama Islam tidak membenarkan pengumpulan kekayaan oleh suatu golongan rakyat kecil, dan kekayaan ini dikehendaki membahagikan dengan saksama antara rakyat miskin.

**Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin
bin Raja Sulaiman):**

(a) Kajian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah satu kertas persidangan yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa. Kertas tersebut mungkin menggunakan data-data yang diselidiki oleh penyelidik-penyelidik individu yang mana sememangnya menjadi amalan biasa di kalangan penulis atau penyelidik mengenai pembangunan. Data-data yang digunakan biasanya juga mempunyai andaian-andaian dan metodologi-metodologi tersen-

diri. Kerajaan juga mempunyai maklumat-maklumat tersendiri yang didapatkan berasaskan kepada soalselidik yang digubal berpandukan amalan perangkaan yang diterima secara profesional. Jabatan Perangkaan Malaysia, khususnya, telah diberi tanggungjawab menjalankan kerja-kerja pengutipan data ini.

Mengikut makluman yang dikemaskini dari penyiasatan-penyiasatan terakhir yang dibuat menunjukkan, ketidaksamaan pendapatan di negara ini telah bertambah baik jika dibandingkan sejak 1970 hingga tahun 1989. Golongan 40% terendah menikmati hanya 11.5% daripada jumlah pendapatan pada tahun 1970 tetapi menjelang 1989, mereka mendapat sebanyak 14.5%. Kumpulan 20% tertinggi pula telah mengalami kejatuhan bahagian mereka daripada 55.7% dalam tahun 1970 kepada 50.3% dalam tahun 1989.

Di samping itu data ini juga menunjukkan bahawa pendapatan purata golongan 40% terendah ini sebenarnya meningkat dengan lebih pesat dari \$79 dalam tahun 1970 kepada \$421 dalam tahun 1989. Dari segi kadarnya, peningkatan ini adalah lebih cepat berbanding dengan pertambahan pendapatan golongan berpendapatan tinggi. Seterusnya nisbah pendapatan purata golongan 40% terendah berbanding dengan pendapatan kumpulan 20% tertinggi telah meningkat kepada 0.14 berbanding dengan 0.11.

Ingin saya maklumkan juga pendapatan golongan 40% pertengahan pula bertambah daripada \$222—tahun 1970 kepada 1,025—pada tahun 1989. Begitu juga pendapatan golongan

20% teratas juga bertambah daripada \$721—dalam tahun 1970 kepada 2,924—tahun 1989.

Saya berterima kasih atas perhatian Yang Berhormat kepada masalah rakyat. Ini adalah selaras dengan hasrat, cita-cita dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jelas daripada data-data yang saya sebutkan tadi bahawa pendapatan rakyat telah bertambah. Inilah yang lebih penting.

Walau bagaimanapun, adalah jelas daripada data-data di atas, terdapat tanda-tanda menunjukkan jurang pendapatan telah semakin rapat oleh kerana adanya dasar-dasar yang berani dan praktikal oleh Kerajaan seperti DEB. Pada asasnya, jika Kerajaan dapat terus melaksanakan program pembangunan luar bandar, di mana peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan dapat diperluaskan, di samping meneruskan program pembangunan sumber tenaga manusia menerusi perluasan kemudahan pendidikan dan latihan, maka jurang yang masih wujud antara golongan berpendapatan rendah dan berpendapatan tinggi akan dapat terus diperbaiki lagi.

SENJATAPI MILIKAN AHLI DEWAN RAKYAT

19. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang dan membenarkan supaya senjata api-senjata api yang telah dimiliki semasa menjadi Ahli Dewan Rakyat dapat dimiliki terus apabila tidak lagi menjadi Ahli Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Kementerian saya tidak bercadang

untuk membenarkan senjatapi yang dimiliki semasa menjadi Ahli Dewan Rakyat dapat dimiliki terus secara automatik setelah tidak memegang jawatan itu lagi. Ini ialah kerana asas keperluan pemilikan senjatapi semasa menjadi Ahli Dewan Rakyat dan selepas meninggalkan jawatan tersebut adalah berbeza terutamanya di lihat dari aspek tanggungjawab dan ancaman keselamatan.

Walau bagaimanapun, jika seseorang bekas Ahli Dewan Rakyat itu dapat membuktikan wujudnya asas keperluan pemilihan senjatapi, maka lesen senjatapi beliau masih boleh dilanjutkan lagi dengan hanya menukar syarat-syarat pemilihan senjatapi berkenaan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan

atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kelimabelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.49 dan B.50 (Jadual)—

Maksud P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

3.36 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya pada petang semalam, saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat untuk memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan siapa yang memiliki Syarikat CELCOM. Pemilik-pemilik Syarikat CELCOM adalah Alpine Resource Sdn Bhd memegang 51% yang dijual oleh STM dan Fleet Group Sdn Bhd, 49%. Kementerian ini telah diberitahu bahawa Fleet Group Sdn Berhad telah menandatangani perjanjian jual-beli bersyarat dengan Time Engineering Sdn Bhd untuk menjual kesemua saham yang dipegang kepada Time Engineering Sdn Bhd. Pindah-milik saham sedang menunggu kelulusan C.I.C.

CELCOM ART-900 pada mulanya berkhidmat di Lembah Kelang dan Johor Bharu. Baru-baru ini perkhidmatan telah diperluaskan ke Alor Setar, Pulau Pinang, Sungai Petani, Kuala Kangsar, Ipoh, Taiping, Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Batu Pahat dan Pontian. Pada hujung tahun ini, perkhidmatan akan diperluaskan

nationwide seperti Kuching, Sibul, Miri di Sarawak dan Kota Kinabalu, Labuan, Sandakan dan Tawau di Sabah.

Satu lagi pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan telefon-telefon lama. Mengenai pertanyaan itu, sebenarnya bilangan set GEC yang telah digunakan ialah 1,578 dengan 409 daripadanya telah rosak. Bilangan yang terdapat di Kelantan ialah 51. Tindakan telah diambil untuk menukar alat-alat lama dengan alat jenis baru secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat dari Ipoh telah meminta penjelasan mengenai telefon dan alat-alat yang lebih sophisticated yang boleh membuat panggilan melalui telefon awam, tetapi tidak dikenakan bayaran.

Yang Berhormat juga ingin tahu sama ada jenis telefon seperti itu dan siapakah yang menggunakannya, berapa kali digunakan dan berapa kerugian yang ditanggung oleh Telekom Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, alat yang telah dibangkitkan adalah dipanggil Acoustic-copula yang boleh digunakan untuk mendail nombor tanpa menggunakan dial apabila telefon di pejabat atau di rumah dikunci. Tetapi bayaran akan dibill kepada pelanggan. Mengikut kajian, alat itu tidak boleh membuat panggilan di telefon awam. Keadaan ini sedang dimonitor oleh pihak berkenaan.

Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh telah membangkitkan tentang hutang-hutang kepada Jabatan Perkhidmatan Pos. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos mengendalikan perkhidmatan agensi bagi pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi kutipan bil-bil air dan Majlis-Majlis Tempatan bagi kutipan hasil taksiran.

Jabatan Perkhidmatan Pos ini mengenakan komisyen ke atas perkhidmatan agensi yang diberi kepada

setengah Kerajaan Negeri dan Majlis Tempatan. Setakat ini kebanyakan Majlis Tempatan tidak berhutang dengan Jabatan Perkhidmatan Pos kecuali lewat membuat bayaran komisyen.

Bagi Kerajaan Negeri yang berikut, Jabatan Perkhidmatan Pos telah menuntut bayaran komisyen, tetapi sehingga sekarang bayaran tersebut belum diterima lagi:

- (1) Lembaga Air Perak.
- (2) Jabatan Bekalan Air, Selangor.
- (3) Jabatan Kerja Raya, Johor.
- (4) Jabatan Kerja Raya, Pahang.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia sedang mengambil tindakan dengan pihak Kementerian dan pihak berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga telah membangkitkan perkara berkenaan dengan telefon di Taman Kelabang. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, maklumat yang saya terima dari Syarikat Telekom Malaysia ialah mereka sedang memasang semua dawai dan juga alat-alat kepada kawasan itu. Saya percaya dalam tempoh enam atau tujuh bulan lagi, telefon boleh diberi kepada rumah-rumah, tetapi atas permintaan khas daripada Yang Berhormat, semalam saya luluskan dua telefon kepada kawasan itu dan saya telah arahkan kepada Uniphone yang memasang telefon dan STM untuk memasang dawai kepada kawasan itu. Saya percaya dalam tempoh tiga minggu telefon itu boleh dapat dikhidmat kepada kawasan Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat adalah orang yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengenai permohonan telefon di Taman Keledang Jaya, ini Yang Berhormat tidak minta, tetapi saya jawab oleh kerana ini termasuk dalam kawasan yang sama. Waiting list iaitu senarai menunggu lebih 100 orang

sekarang. Projek rangkaian telekom akan siap pada penghujung tahun ini juga, merangkumi tiga kawasan iaitu kawasan Taman Keledang Jaya, Taman Bertuah dan IGB Industrial Area.

Yang Berhormat juga telah meminta beberapa soalan berkenaan dengan betulkah Perak boleh diberi bekalan elektrik seratus-peratus dalam masa tiga tahun. Suka saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, dalam masa tiga tahun, 95% akan menerima bekalan elektrik, bukan 100%—100% susahlah. Kalau ada sebuah rumah di atas bukit iaitu 100 batu dari Ipoh, tak boleh beri. Langkah-langkah sedang diambil bagi kawasan-kawasan terperinci, ada juga dijalankan sekarang.

Berkenaan dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai diskaun oleh Kerajaan dan juga Tenaga Nasional Berhad, diskaun Kerajaan iaitu, yang pertama, industri di mana penjualan lebih dari 50% di pasaran dalam negeri dan kos elektrik tidak kurang dari 25% kos pengeluaran, mereka dapat diskaun 20%, dan industri di mana penjualan lebih 50% di pasaran luar negeri, bergantung kepada prestasi iaitu daripada 1hb Mac, 1989 sehingga 28hb Februari, 1990, kita beri 20% dan mereka dapat lebih kurang \$40 million sebagai diskaun. Oleh kerana itu kita telah rugi \$40 million atas diskaun-diskaun yang telah diberikan kepada mereka.

Kedua, diskaun TNB lagi, hotel—10%; perindustrian 20%; perindustrian tekstil 20%; Kilang Besi Perwaja 30%; perlombongan 25%—Yang Berhormat minta adakah kita beri diskaun kepada lombong, perlombongan 25%—lampu awam 40%; dan badan-badan kebajikan, institusi pengajian dan tempat ibadat (bekalan 12 jam), mereka dapat diskaun 10%.

TNB telah membuat permohonan sekarang untuk menarik balik sebahagian atau sepenuhnya diskaun

yang kita beri kepada beberapa agensi itu oleh kerana dalam tempoh satu tahun (1990) TNB telah rugi \$300 juta atas diskaun-diskaun yang telah diberi kepada mereka.

Berkenaan dengan telefon-telefon tadi saya sudah jawab dan saya percaya, Tuan Pengerusi, pekara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam sudah dijawab dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$53,515,100 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$53,515,100 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30,749,000 untuk Maksud P.49 dan \$20 yang disebutkan dalam Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,749,000 untuk Maksud P.49 dan \$20 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.51 (Jadual)—

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.48 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B. 51, mukasurat 235, Butiran 02000—Politik dan Penerangan dan juga Program 020100—Politik.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kembali kepada masalah peperangan Teluk yang sedang berlaku sekarang dan hubungkait dengan pendirian negara kita Malaysia.

Baru-baru ini telah kita bincang dalam Dewan yang mulia ini satu usul bersabit dengan krisis Teluk yang tidak berkesudahan dan masalah di Teluk semakin sehari semakin meruncing. Oleh itu, saya sukalah menarik perhatian, Tuan Pengerusi, mengenai dengan peranan kita di Malaysia ini, khususnya Kerajaan Malaysia kita, bersabit dengan apa yang berlaku di Teluk sekarang ini. Suasana ataupun scenario di Teluk sudah berubah dan pihak Kementerian Luar Negeri sendiri, semalam saya mendengar kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar yang menyatakan bahawa Malaysia sudahpun menyatakan kesal bersabit dengan penyelewengan tentera bersekutu yang diketuai oleh Amerika kerana menyeleweng Resolusi 678 Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Resolusi yang seharusnya digunakan untuk mengusir Iraq keluar daripada Kuwait, tetapi apa yang berlaku ialah tindakan ganas tentera bersekutu Amerika memusnahkan kota Baghdad dan juga tempat-tempat awam yang memakan nyawa mungkin sudah lebih daripada ribuan.

Saya suka menegaskan di sini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja scenario sudah berubah, tetapi suasana di Teluk sekarang ini harus membuka mata kepada seluruh negara-negara Islam, terutamanya, negara kita sendiri, kerana apa yang dikesalkan, malah di negara-negara Arab sendiri, dalam suasana seperti sekarang ada juga negara-negara yang mempunyai sikap yang tidak menentu ataupun sikap yang berpura-pura.

Saya suka menyatakan dengan secara terus-terang, pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, suasana seperti sekaranglah yang seharusnya negara-negara Islam ataupun negara-negara berkecuali yang selama ini bercakap tentang soal keadilan dan sebagainya bersatu tenaga dan inilah masanya untuk menghancurkan Zionis Israel itu sendiri kerana tindak-tanduk yang dilakukan oleh Amerika jelas sekali menampakkan ketidak-jujurannya dalam menyelesaikan masalah krisis di Teluk.

Pendirian kita untuk mengusir Iraq keluar daripada Kuwait memang tidak berganjak dan tindakan Iraq menakluki Kuwait ialah sesuatu yang terkutuk, sesuatu yang dikecam oleh seluruh dunia dan kita mahu Iraq keluar daripada bumi Kuwait. Tetapi pada masa yang sama kita lihat percaturan yang berlaku di Teluk dan apa yang berlaku di Teluk sekarang ini nyata ianya lebih daripada politik Amerika Syarikat ataupun politik kuasa-kuasa besar terutamanya imperialisme Amerika Syarikat itu sendiri. Dalam hubungan itu, negara-negara Arab termasuk Saudi Arabia dengan Kuwait sendiri juga turut terlibat. Saya hendak menyebut di sini Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di Kuwait dan berlaku di Arab Saudi dan apa yang menimpa Saudi Arabia sendiri sekarang ini adalah sesuatu yang sudah ditentukan oleh Allah s.w.t. Begitulah lazimnya janji Allah s.w.t.. Kita tengok Saudi Arabia, negara yang kaya raya selama ini y 3 tidak akur dengan masalah-

masalah negara Islam yang lain, samalah juga Raja Kuwait, walaupun kita menentang Iraq menakluk Kuwait, tetapi bala yang mereka tanggung sekarang ini samalah bala dengan Raja Farouk diguling oleh Jamal Abdoul Nassier di Mesir satu ketika dahulu. Ini yang berlaku di Kuwait sekarang ini.

Kita simpati dengan Kuwait kerana negaranya dijajah dan ditakluk, tetapi kita masih ingat Kuwait sendiri pernah, negara kita memohon untuk mendapat bantuan untuk Universiti Islam Antarabangsa, langsung tidak dilayan permintaan-permintaan daripada negara-negara Islam.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order 36(1). Saya hendak tanya Yang Berhormat ini bercakap di bawah fasal apa?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Pasir Mas?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia ikut, awal-awal sudah saya sebut Butiran tadi, mungkin dia baru masuk, tidak tahulah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Butiran mana?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Program Politik dan Penerangan di bawah Butiran 020100—Politik.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mukasurat berapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa dia?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mukasurat berapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mukasurat 235. Ini main-main sahaja, Tuan Pengerusi. Saya diberi 10 minit, jadi saya pun tidak hendak main-main ini, sebab saya hendak sampaikan apa yang saya hendak sampaikan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan menyimpang jauh daripada Butiran ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak jauh, memang duduk dalam Butiran betul-betul itu—memang duduk dalam pun! Sudah masuk lama. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada 4 minit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ali: Jadi, Tuan Pengerusi, oleh itu saya ingin menyerulah pihak Kerajaan, semalam saya dengar Timbalan Perdana Menteri buat kenyataan bahawa negara kita akan memberi bantuan, saya hendak tanya, bentuk bantuan apakah yang kita sampaikan? Saya ingin mencadangkan bukan sahaja sedikit, tetapi apa pun bentuk-bentuk bantuan yang patut diberi kepada Kerajaan Iraq sekarang ini, terutamanya bagi kepentingan rakyat Iraq yang menderita dan merana, baik dari segi ubat-ubatan ataupun makanan dan sebagainya, walaupun dilarang dan dihalang oleh keputusan Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi jalan dan cara mestilah dicari supaya membantu rakyat Iraq yang sedang menderita sekarang ini. Bukan setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi, malah sebagaimana cadangan yang dibuat sebelum ini, kalau perlu dan saya menggesa pihak Kerajaan supaya menarik balik sokongan dan pendirian kita terhadap usul 678 yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu kerana usul itu sudahpun diselewengkan. Kita mestilah bertanggungjawab oleh kerana peperangan

yang sedang berlaku, tindakan Amerika dan negara-negara Bersekutu ke atas bumi Iraq sekarang ini, adalah hasil daripada usul yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Itu yang sudah tercatat dalam sejarah dan kita harus membebaskan diri dengan secepat mungkin dan mencari jalan dan cara penyelesaian lain. Saya percaya dan ingin bertanya pihak Kerajaan mengenai dengan cadangan yang dibuat ataupun pendirian yang telah dikemukakan oleh pihak Iran, iaitu satu gagasan di mana dicadang oleh Speaker Iran yang disiarkan dalam Berita semalam supaya diadakan gencatan senjata dan caranya ialah supaya Iraq keluar daripada bumi Kuwait dan juga Tentera Bersekutu keluar daripada Timur Tengah dan pada masa yang sama supaya diadakan persidangan mengenai dengan Palestine.

Saya menyokong pendirian Iraq sekarang ini bahawa sebarang penyelesaian mengenai dengan Kuwait terpaksa mesti dihubungkan dengan kepentingan rakyat Palestine kerana itulah scenario yang sudah berlaku di bumi Timur Tengah sekarang ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Gulung? Oleh kerana hendak gulung, saya sambung mukasurat 236, iaitu Butiran 040100—Keistimewaan dan Immuniti Politik.

Saya ingin bertanya pihak Kerajaan (Kementerian Luar Negeri), bagaimanakah kedudukan dengan pemimpin-pemimpin Parti Rakyat Brunei yang satu ketika dahulu diberi perlindungan oleh Kerajaan kita. Oleh kerana Brunei ini merupakan negara sahabat Malaysia yang begitu rapat sekarang ini dan menjadi anggota ASEAN, adakah mereka ini masih lagi mendapat

perlindungan dan bagaimanakah kedudukan mereka sekarang ini? Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk berunding bagi pihak mereka ini dengan Kerajaan Brunei supaya pemimpin-pemimpin mereka ini yang saya difahamkan sudahpun mahu pulang ke negara masing-masing kerana negara Brunei sudahpun merdeka dan menumpukan taat setia kepada Kerajaan di bawah pemimpinan Kerajaan sekarang, ataupun

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

3.54 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 235, Butiran 020000, Program 020100 di bawah tajuk Politik.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit mengenai rangka pemikiran politik Barat yang akibatnya menyerlah di dalam krisis Teluk dan mungkin mempengaruhi pemikiran Kementerian Luar Negeri kita ataupun ahli-ahli politik kita amnya.

Tuan Pengerusi, kita kena faham rangka pemikiran mereka. Orang-orang Barat, khususnya di Amerika Syarikat melihat sesuatu peristiwa mengikut cara "snap shot". Ini bermakna, Tuan Pengerusi, peristiwa ini dilihat dari segi masa sekarang dan ia menidakkan proses sejarah, tetapi di sebaliknya proses sejarahnya yang membentuk pemikiran orang-orang ini dan pemikiran ahli-ahli falsafah mereka dan perspektif ini mesti kita faham untuk berhujah dengan mereka,

khususnya di dalam berhujah politik antarabangsa di forum-forum antarabangsa.

Tujuan saya bukanlah untuk memberi kuliah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar, tetapi untuk memperingatkan bahawa falsafah-falsafah politik daripada Emmanuel Kant, Hobbes dan John Stuart Mill adalah falsafah-falsafah politik yang memberi rationalisation kepada pemikiran orang Barat yang berkisar di sekeliling nilai-nilai mereka sahaja.

Tuan Pengerusi, langkah Kerajaan menyokong resolusi 678 adalah satu langkah yang baik memandangkan kepada prinsip iaitu menghalang mana-mana negara menakluk negara-negara yang lain. Kita memegang kepada prinsip ini yang memberi mandat kepada Amerika Syarikat dan negara-negara sekutunya memerangi tentera Iraq dan menghalau mereka dari bumi Kuwait selepas segala usaha-usaha diplomasi gagal. Tetapi, Tuan Pengerusi, President George Bush dan John Major dengan quiet acquiescence, dengan izin, kuasa-kuasa besar dunia termasuk Perez de Cuellar tergesa-gesa mahu melanggar Iraq, bukan melanggar Kuwait. Soal mengapa mereka tidak cuba menunggu dan tidak sabar menunggu kekesanan embargo ekonomi sudah menjadi sejarah; soal Baker tidak menunaikan janjinya untuk mengadakan serangan kepada Kuwait sepertimana yang dijanjikan oleh beliau kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di San Francisco, kalau tidak salah saya sudahpun menjadi sejarah. Soal resolusi 681 yang mana kita menjadi salah sebuah negara yang mengutarakannya pun sudah menjadi sejarah. Tetapi sejarah-sejarah ini mesti disemadikan di dalam sub-conscience kita untuk masa hadapan apabila kita berunding dan berinteraksi dengan petualang-petualang seperti Bush dan John Major atau Baker yang mengguna segala tipu-helah yang halus untuk menjajah kita.

Pada pendapat saya tidak terlambat jikalau kita mulakan atau memasuki mana-mana usaha untuk membawa perdamaian di Timur Tengah kerana kalau tidak ianya akan mencetuskan Perang Dunia Yang Ketiga—kemungkinan.

Amerika Syarikat telah menolak usaha negara-negara Afrika Utara dan Latin Amerika baru-baru ini untuk memanggil Majlis Keselamatan bersidang semula. Amerika Syarikat mahu menghancurkan Iraq dahulu sebelum Majlis Keselamatan dipanggil. Memang, inilah belang Bush dan John Major, Iraq mesti dihancurkan. Kuwait mesti dipreserve, dengan izin, seboleholehnya untuk segelintir golongan bourgeois Arab yang hanya asyik dengan kegeuban wanita Anglo-Saxon dan Yahudi di Hollywood. Kuwait akan dijadikan budak suruhan mereka. Apabila Iran mahu diganyang dahulu, Kuwaitlah yang menjadi budak suruhan.

Tuan Pengerusi, sekali pandang, dasar Amerika Syarikat dan Britain di Timur Tengah mempunyai liku-liku yang kompleks. Tetapi sebenarnya—tidak. Kelikuan dan complexity ini hanya mempunyai satu denominator iaitu menekan terus kebangkitan umat Islam.

Wan A Hulaimi iaitu seorang penulis *The New Straits Times* telah menulis satu analisa yang komprehensif pada hari ini di dalam *The New Straits Times*. Inilah penulisannya yang bertajuk "Question Mark Over the Gulf War: Liberate Kuwait or Wipe Out Iraq." Saya pohon Kementerian Luar Negeri, melalui jasa baik Timbalan Menteri Luar Negeri dan BERNAMA supaya mengedarkan naskah analisa ini kepada media barat untuk masyarakat di sana membaca, satu analisa yang objektif dan bebas dari sindrom internalised guilt yang meluas di masyarakat barat, dengan izin. Pihak Zionis telah mengeksploitasikan internalised guilt ini sepenuhnya

terhadap masyarakat barat terutamanya di Britain dan Amerika Syarikat. Sindrom inilah yang mencorakkan segala dasar dan strategi barat terhadap dunia Arab khususnya dan dunia Islam umumnya.

Tuan Pengerusi, internalised guilt ini, adalah satu sindrom psycho social yang berhasi daripada perlakuan Hitler membunuh 3 juta orang Yahudi dimasa Perang Dunia Kedua dahulu. Amerika Syarikat dan Britain sebagai pembawa obor demokrasi dan hak-hak asasi manusia pada masa itu tidak dapat membuat apa-apa apabila Hitler bermaharajalela dengan gas chambers-nya dan pasukan penembaknya. Perasaan kecewa dan marah ini bertukar menjadi perasaan dosa di kalangan masyarakat barat. Beribu cerita-cerita mengenai "holocaust" itu membanjiri sastera barat dan kebanyakannya ditulis oleh orang-orang Yahudi yang menceritakan secara detail tentang kekejaman Hitler. Beribu-ribu pula karya akademik khususnya di dalam bidang sociology, dalam bidang anthropology dan psychology dikeluarkan dan membanjiri rangka pemikiran intelektual barat dan juga orang-orang kita yang mendapat didikan di barat termasuk saya.

Tuan Pengerusi, akhirnya, satu perasaan simpati yang massive wujud dan perasaan berdosa kerana tidak dapat menolong menyelamatkan orang-orang Yahudi yang dizalimi oleh Hitler itu menjadi darah daging di dalam budaya masyarakat barat. Oleh itu tidak hairanlah, apabila negara Israel diwujudkan di atas mayat-mayat orang Palestin, tidak hairanlah pula segala perbuatan zalim Israel tidak diindahkan, tidak hairanlah pula apabila Amerika Syarikat dan Britain tidak ambil hairan apabila Israel mengenyepikan berpuluh-puluh resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Dan tidak hairanlah David Ben Gurion, Menachem Begin, Golda Meir, Yitzhak Shamir dilihat di dunia barat sebagai pemimpin

yang berwibawa dan disanjung walaupun mereka ini bekas pengganas. Mereka bukan penjenayah perang apabila mereka meletupkan rumah-rumah orang Palestin hanya di atas syak wasangka sahaja. Geneva Convention tidak boleh dikenakan di atas bekas-bekas pengganas ini.

Tuan Pengerusi, tetapi apabila Saddam Hussein menunjuk muka-muka pembunuh orang-orang awam dan kanak-kanak Iraq di televisyen Iraq dan mengancam untuk menempatkan mereka di tempat-tempat yang mungkin menjadi sasaran serangan oleh kawan-kawan mereka, maka Saddam Hussein disifatkan sebagai Hitler kedua yang akan didakwa. Tindak tanduk Amerika Syarikat ini tidak mempunyai rationality kalau dipandang sekali gus. Tetapi jikalau diambil perhatian apa yang panggil internalised guilt tadi, memang ada rationalitinya. Mereka hendak menebus dosa mereka terhadap orang-orang Yahudi, itulah rationalitinya. Tetapi mereka menjadikan orang-orang Islam sebagai mangsa. Apakah orang-orang barat boleh menerima hakikat bahawa orang-orang Islam perlu dijadikan mangsa ini. Saya fikir mereka akan dapat menerimanya, kalau nyawa orang-orang Islam adalah murah atau nyawa cicak bagi mereka.

Tuan Pengerusi, saya berkata begini berdasarkan kepada satu lagi sindrom di kalangan orang-orang barat yang wujud berleluasa di kalangan mereka. Sindrom ini ialah sindrom crusade ataupun sindrom Perang Salib yang berlaku 700 tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu, sejarah Perang Salib, di mana seluruh kerajaan di Eropah menghantarkan ketumbukan-ketumbukan tentera bukan sahaja untuk menawan Baitul-Muqaddis tetapi untuk membunuh orang-orang Islam atau apa yang dipanggil mereka sebagai "The Great Imposters". Sindrom Perang Salib ini berterusan selepas tentera Islam dapat menewaskan

mereka dan mempertahankan Baitul-Muqaddis. Perasaan benci dan tujuan menghapuskan Islam dari muka bumi ini diteruskan apabila pelayar-pelayar Sepanyol dan Portugal menjelajah ke negara Islam di timur, Filipina ditawan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Sehingga hari ini sindrom ini bergerak. Tidak hairanlah apabila Bush diberi mandat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, beliau yang dikuasai oleh sindrom ini tidak melepas peluang meledakkan Iraq dengan senjata-senjatanya tanpa mempunyai perasaan belas kasihan. Kita yang terdidik di dalam disiplin dan nilai budaya barat selalu mengakui, dengan izin, the sense of justice, yang ada di dalam masyarakat barat.

Saya ingin bertanya adakah kita semua yang ada di sini, khususnya yang terdidik di barat, di manakah sense of justice ini sekarang? Ataupun adakah apa yang kita akui selama ini adalah palsu semata-mata? Atau apakah apa yang dipanggil the sense of justice ini hanya diaplikasikan untuk mereka sahaja? Inilah yang mesti difikirkan oleh semua pemimpin-pemimpin di negara ketiga khususnya di negara kita apabila kita berhadapan dengan pihak-pihak politik barat supaya kita tidak memegang satu-satu prinsip itu secara buta tuli kerana tiap-tiap prinsip itu mempunyai sejarah yang berliku, yang banyak di belakangnya. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kamar.

4.07 ptg.

Tuan Wong Wing On (Kampar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.51—Kementerian Luar Negeri, Butiran 010000, Program 010300 iaitu Konsulor

dan Butiran 030100 Program ASEAN sekali gus iaitu semuanya dalam mukasurat 235 dan 236.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil peluang dan kesempatan ini untuk menarik perhatian Kementerian Luar Negeri dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, baik dari Pembangkang atau Barisan Nasional terhadap satu tragedi yang berlaku minggu lalu di Selat Melaka. Pada 24hb Januari, 1991 lebih kurang jam 10.30 pagi, sebuah kapal nelayan yang bernombor siri PKFA 8922 dan dipunyai oleh sebuah syarikat perikanan Malaysia telah ditembak oleh sebuah bot peronda dengan senjatapi automatik dan meriam di perairan Selat Melaka dekat Pulau Jarak.

Akibat daripada tembakan itu, bukan sahaja kapal nelayan tersebut terbakar dan dimusnahkan oleh letupan yang kuat malahan pula seorang nelayan mati hangus dan tiga orang yang lain hilang dan masih belum ditemui lagi. Simati itu telah disahkan ialah Encik Heng Mok Sia yang berumur 29 tahun, beliau sudah berkahwin dan anaknya hanya berumur 3 tahun. Mereka yang hilang ialah Encik Heng Mok Woh, Lim Kit Sing dan seorang warganegara Thai yang hanya dikenali sebagai Ah Gong yang dipercayai berumur 30 tahun. Encik Heng Mok Woh dan simati iaitu mendiang Encik Heng Mok Sia adalah adik beradik. Mengikut saksi-saksi kapal nelayan PKFA-8922 itu terbakar selama 2 jam selepas ditembak dengan sedas meriam dan selepas itu lebih kurang 2/3 badan kapal itu tenggelam. Bot peronda yang menembak meriam itu melarikan diri serta merta selepas melakukan perbuatan yang, dengan izin, barbaric, dan yang paling keji itu. Badan kapal PKFA-8922 itu akhirnya ditarik balik ke Hutan Melintang dan di dalamnya satu mayat yang telah hangus dibakar, sehingga tidak dapat dikenali lagi dijumpai. Selain daripada itu nelayan-nelayan di Hutan Melintang juga menjumpai kulit dan tulang manusia di badan kapal itu.

Tuan Pengerusi, tragedi itu telah menyemarakkan perasaan marah dan bimbang masyarakat nelayan dan orang ramai bukan sahaja di Hutang Melintang dan kawasan persekitarannya, tetapi juga di seluruh Pantai Barat dan mungkin juga di seluruh negara. Apa yang penting dan mustahak ialah bot peronda yang menembak meriam itu adalah disyaki dari Unit-unit Keselamatan Laut sebuah negara jiran ASEAN. Orang ramai terutamanya masyarakat nelayan di Hutan Melintang dan kawasan persekitaran berpendapat begitu bukan tanpa sebab-sebab yang reasonable, dengan izin. Mengikut nelayan-nelayan yang pada masa itu berada di tempat itu dan menyaksikan tragedi itu berlaku, orang-orang yang berada di bot peronda berpakaian seragam merin sebuah negara jiran kita dan nelayan-nelayan itu adalah orang-orang yang berpengalaman di perairan Selat Melaka.

Sama ada kapal nelayan PKFA-8922 dan kapal-kapal nelayan Malaysia yang lain telah masuk ke perairan negara jiran itu bukanlah isu di sini, walaupun mereka benar-benar masuk ke dalam perairan negara jiran dan mencabuli undang-undang, mereka juga tidak boleh dihukum mati. Maka tidak hairanlah orang ramai menganggap perbuatan dan tindakan menembak kapal nelayan itu dengan meriam sebagai satu kelakuan yang barbaric, dengan izin, dan keji. DAP dan saya juga berpendapat bahawa perbuatan sebegini mesti dikutuk dengan sekeras-kerasnya.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Unit-unit Keselamatan Laut sebuah negara jiran ASEAN telah disyaki oleh orang ramai di Malaysia melakukan perbuatan yang barbaric, dengan izin itu maka adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Luar Negeri untuk mengambil tindakan yang tegas dan serta-merta untuk mengenalpasti sama ada negara jiran itu benar-benar terlibat. Jika selepas penyiasatan yang mendalam

didapati negara jiran ASEAN itu tidak terlibat dalam perbuatan yang barbaric itu, maka Kementerian Luar Negeri mesti tampil ke depan dan membersihkan nama negara jiran ASEAN itu. Sebaliknya, jika Kementerian dapat mengenalpasti bahawa Unit-unit Keselamatan Laut negara jiran ASEAN benar-benar telah melakukan perbuatan yang barbaric itu, maka adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk berusaha menggesa pihak berkuasa negara jiran itu mendakwa pembunuh atau pembunuh-pembunuh itu di mahkamah supaya keadilan dapat ditegakkan.

Selain daripada itu Kementerian juga bertanggungjawab untuk mendesak pihak berkuasa negara jiran ASEAN itu:

- (i) meminta maaf kepada ahli-ahli keluarga mangsa-mangsa perbuatan barbaric itu dan memberi pampasan kepada mereka; dan
- (ii) memberi jaminan bahawa perbuatan yang barbaric itu tidak akan berulang di masa depan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Luar Negeri mesti bertindak dan campurtangan dalam perkara yang serius itu kerana ahli-ahli keluarga, sanak-saudara dan kawan-kawan mangsa-mangsa tragedi serta masyarakat nelayan di Malaysia mahukan keadilan. Perasaan marah dan benci tidak akan surut selagi keadilan tidak ditegakkan dan perasaan marah dan benci itu tentu akan menjejaskan hubungan baik di antara rakyat Malaysia dan rakyat negara jiran itu.

Tuan Pengerusi akhirnya saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada ahli-ahli keluarga mangsa perbuatan yang keji itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Rantau Panjang.

4.15 ptg.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 yang terdapat di dalam Kertas Perintah 19 mukasurat atau halaman 235 dan Kertas Perintah 20 di halaman 516.

Secara khususnya saya hendak bincangkan ialah masalah perkembangan yang berlaku pada hari ini. Kita yakin bahawa Kementerian Luar Negeri kita faham benar-benar akan rentetan sejarah perkembangan dan peristiwa yang berlaku di rantau Teluk Parsi. Tetapi kita lihat sikap Kementerian Luar Negeri kita mengambil keputusan, menyokong resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sama ada resolusi 661 ataupun 678, sokongan ini diberikan kita lihat adalah merupakan satu keputusan yang terumbang-ambing, yang hasilnya kita lihat akan menggadaikan imej negara dan rakyat Malaysia. Satu keputusan yang memperlihatkan bahawa dasar luar negeri negara kita adalah tunduk kepada telunjuk Amerika, yang sememangnya kita ketahui adalah merupakan satu kuasa besar, yang sering menggunakan kuasa-kuasa besarnya itu bagi menindas rakyat di seluruh negara ini.

Ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu hanya terdiri daripada 15 negara, dua daripadanya terdiri daripada negeri umat Islam iaitu Yaman dan Malaysia. Yaman telah menentukan sikapnya, tetapi negara kita nampaknya tidak dapat menentukan sikapnya, yang membayangkan sedikitpun rasa belas kasihannya kepada sesama umat Islam. Keputusan ataupun resolusi 661 menyekat keperluan ke negeri Iraq, yang tentu kita menyedari bahawa keputusan ini akan dilaksanakan dan memberikan satu penekanan kelaparan dan kebuluran kepada 99% orang Islam di negeri Iraq. Dan keputusan 678 tentu kita tahu bahawa Amerika dan sekutu-sekutunya akan menggunakan

keputusan ini bagi melakukan rentetan-rentetan sejarah zalimnya seluruh dunia ditambah lagi terumbang-ambing kita.

Dasar kita apabila kita telah mengambil keputusan menyokong lalu kita memberikan alasan-alasan agama, menggunakan ayat-ayar Quran, menggunakan Hadis yang diputarbelitkan menyamakan Perlembagaan Madinah dengan Perlembagaan Bangsa-bangsa Bersatu yang tidak ada seorang manusia yang boleh menyamakan, sangat memalukan, sangat menggadaikan imej negara kita yang selama ini disanjung oleh masyarakat antarabangsa. Apabila seluruh rakyat, bangsa, umat dan malah orang-orang Islam bangkit mahu menghadapi kezaliman Amerika dan sekutu-sekutunya maka ada pula orang-orang upahan mengatakan bahawa menentang kezaliman Amerika ini bukan jihad. Yang lebih malang lagi ada pula mengatakan bahawa menyokong Amerika, menghancurkan orang Islam di Iraq itu adalah jihad, ditulis keluaran semalam di dalam suratkhbar *WATAN*. Ini satu pandangan, pemikiran yang benar-benar menggadaikan imej muru'ah dan nilai diri rakyat negara ini oleh pandangan-pandangan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, lantaran kerana itu PAS mendesak supaya Kerajaan kita menarik balik sokongannya kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu atas alasan bahawa sokongan yang kita berikan itu telah disalahgunakan. Walaupun ini mungkin berat dilakukan, tetapi atas nilai peri kemanusiaan, atas nilai keagamaan dan kemanusiaan ia perlu dilakukan. Kalau tidak, setiap darah yang titis dan setiap kemusnahan yang berlaku, yang hasilnya nanti Iraq, Kuwait dan Saudi akan menjadi padang jarak, padang tekukur kita turut sama bertanggungjawab.

Di samping itu, kita mendesak supaya Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya keluar daripada kawasan Teluk, selepas

itu kita juga mendesak supaya Iraq keluar daripada Kuwait. Tetapi kita ingin menyatakan bahawa kita mendesak juga Iraq supaya tidak keluar daripada Kuwait atas penekanan kezaliman yang dilakukan.

Jam 10.00 hingga 12.00 hari ini, satu rombongan daripada Kerajaan Saudi telah mendatangi pimpinan-pimpinan PAS meminta supaya pimpinan PAS mendesak supaya Iraq keluar daripada Kuwait. Tetapi pimpinan PAS menegaskan bahawa kita tidak membenarkan Iraq keluar daripada Kuwait dengan penekanan-penekanan kezaliman yang ada pada hari ini. Hendaklah tentera-tentera Amerika dan sekutu-sekutunya keluar lebih dahulu, selepas itu kita mendesak supaya Iraq juga keluar daripada Kuwait dan negara Kuwait itu diserahkan kepada OIC supaya ianya diserahkan kepada rakyat Kuwait itu sendiri menguasai dan mentadbir negaranya.

Di samping itu, kita juga mendesak supaya negara-negara Islam dan negara-negara Umat Islam berusaha membebaskan diri daripada tekanan-tekanan dan telunjuk-telunjuk kezaliman Bangsa-bangsa Bersatu dan Kuasa-kusa Besar dengan memperkukuh dan memperkuat OIC sebagai satu kekuasaan atau satu kesatuan umat berkerjasama di dalam menentukan garis haluan dan arus perjalanan negara-negara Islam dan negara-negara Umat Islam sebagai negara yang mempunyai nilai di atas dunia ini.

Kita juga mendesak supaya dua kota suci iaitu Mekah dan Madinah ditambah dengan Baitul Mukhaddis sesuai dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar kita supaya ketiga-tiga kota ini dijadikan kota terbuka di dalam pengertian bahawa ia hendaklah ketiga-tiga kota ini dikuasai dan ditadbir oleh umat Islam seluruhnya di bawah OIC.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung ucapan.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Akhirnya, PAS juga menyeru kepada semua negara-negara umat Islam dan semua negara Islam termasuk Malaysia supaya sama-sama membantu membangunkan kembali negeri Kuwait setelah ianya dimusnahkan oleh penceroboh-penceroboh yang melakukan pencerobohan pada hari ini. Demikian juga negara Iraq yang tentunya kedua-dua negara ini musnah dilanda oleh peperangan yang begitu hebat, demikian juga Palestin yang kita menegaskan bahawa isu Palestin itu mestilah dihubungkan penyelesaian dengan penyelesaian masalah yang berlaku di Teluk Parsi ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih banyak saya ucapkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong dan selepas Yang Berhormat berucap, Timbalan Menteri akan diminta menjawab.

4.27 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mukasurat 236, Butiran 030100—ASEAN dan Butiran 030200—Ekonomi Antarabangsa.

Adalah penting bagi Kementerian Luar Negeri untuk memainkan peranan yang lebih positif terhadap ekonomi, terutamanya semasa konsep East Asian Economic Group telah dibangkitkan.

Tuan Pengerusi, pihak kami telah berkali-kali dan bertahun-tahun membangkitkan masalah mempereratkan kerjasama ekonomi serantau terutamanya ASEAN dan mempertingkatkan aliran perdagangan dan pelaburan. Kali ini kerana ada kebuntuan di dalam Uruguay Round dan GATT—General Agreement on Tariff and Trade di Uruguay kerana masalah

besar seperti subsidi, mewujudkan keadaan yang sukar bagi GATT dan bagi negara-negara seperti Malaysia dan negara-negara ASEAN. Sebab itu nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan East Asian Economic Group (EAEG). Tetapi adakah Kementerian sedar bahawa selain daripada Singapura, negara-negara yang lain seperti Thailand, Indonesia, Philipina, Brunei belum lagi membuat reaksi ataupun respond kepada EAEG secara positif. Pihak negara Republik Singapura, Perdana Menteri sudah menyetujui dengan tiga syarat. Dengan izin, the EAEG must be:

- (1) consistent with the principle of free trade laid down in the General Agreement on Tariff and Trade;
- (2) it does not affect the Asia-Pacific Economic Co-operation (APEC) initiative which has a wider scope and coverage;
- (3) it will not undermine the solidarity of ASEAN whose six members are expected to form the backbone of the proposed grouping.

Saya berharap Yang Berhormat boleh menerangkan apakah inisiatif dan usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mendapatkan persetujuan daripada negara-negara, terutamanya negara ASEAN.

Tuan Pengerusi, dari segi negara Thai, mereka nampaknya lebih cenderung kepada memperkukuhkan kerjasama di antara negara-negara ASEAN sebelum mengadakan EAEG. Tetapi Indonesia, Filipina dan Brunei walaupun Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa telah pergi ke negara-negara ini, terutamanya Thailand, tetapi nampaknya tidak ada persetujuan yang didapati.

Tuan Pengerusi, saya hendak tekankan di sini bahawa kalau tidak ada Jepun yang menyertai EAEG ini, blok seperti ini tidak akan berjaya kerana Jepun mempunyai pengaruh ekonominya yang sangat besar di rantau ini dan juga di dunia. Mungkin pihak Jepun takut kerana perhubungan Jepun dengan EEC dan juga perhubungannya dengan Amerika Syarikat dan mereka mungkin takut dengan adanya EAEG pelaburan dan perdagangan Jepun akan terjejas. Perlulah Yang Berhormat menerangkan sama ada usaha telah diambil untuk mengurangkan kekhuatiran pihak Jepun. Daripada negara China pula kita nampak walaupun mereka ada setuju sedikit tetapi jawapan itu ada berjajajaga. Pada pendapat saya pihak China dan pihak Jepun tidak begitu berminat untuk menyertai EAEG kerana mereka lebih berminat untuk mempertingkatkan perhubungan mereka dengan blok-blok yang lain seperti Australia, New Zealand, EEC dan blok di Amerika kerana volume isipadu perdagangan Jepun lebih besar dengan negara-negara dan blok-blok ekonomi itu.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah pendirian dan isi kandungan yang sebenarnya mengenai strategi yang diambil oleh Kementerian untuk EAEG ini. Adakah ini dianggap sebagai antagonistic ataupun protectionist ataupun confrontationist ataupun consultative? Ini semua yang penting, kerana setakat ini kita pun tak tahu apakah erti yang sebenarnya yang dimaksudkan sebagai EAEG ini.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi iaitu mukasurat 235, Butiran 020000 Politik dan Penerangan. Saya nampak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menerangkan pendirian mereka mengenai Perang Teluk. Sukalah saya menekankan sekali lagi sikap dan pendirian kami bahawa kami tidak setuju, bukan sahaja tak setuju tetapi mengutuk dengan sekeras-kerasnya pencerobohan, penaklukan dan

pendudukan Iraq ke atas Kuwait. Ini satu perbuatan yang tidak seharusnya berlaku. Walau bagaimanapun, dengan adanya perang seperti mengikuti Resolusi 678 Bangsa-bangsa Bersatu telah mewujudkan satu keadaan di mana teknologi canggih telah digunakan untuk memusnahkan kawasan-kawasan Kuwait dan Iraq.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian perlulah mempertingkatkan usaha lagi terutamanya di PBB. Semalam PBB menolak cadangan untuk mengadakan mesyuarat Majlis Keselamatan, tetapi apakah yang dibuat oleh pihak Malaysia untuk mengadakan gencatan senjata di kawasan Teluk kerana Tuan Pengerusi pun sedia maklum, dengan adanya banyak bom, kalau tak silap saya lebih daripada 20,000 sortie sekarang. Kalau berbanding dengan Perang Dunia Kedua ini memang sudah beberapa kali ganda bahan-bahan pemusnahan ini telah dilempar ke kawasan-kawasan Teluk ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh, Tuan Pengerusi. Adalah perlu bagi pihak Malaysia berusaha dengan lebih gigih lagi, terutamanya pihak Amerika Syarikat dan negara-negara sekutunya telah mempertingkatkan usahanya di dalam perang ini dengan menggunakan, entahlah, cruise missiles, stealth fighter dan apa lagi bom yang akan digunakan. Saya berharap tidak akan berlakunya perang nuklear, perang kimia dan perang kuman kerana kalau kita mengambil perhatian di dalam Perang Iran dan Iraq lapan tahun itu, kimia digunakan dan kuman pun digunakan, mujurnya nuklear tidak digunakan. Tetapi sekarang Perang Teluk ini lebih hebat lagi, satu malapetaka yang tidak dapat diduga kemusnahannya ke atas kawasan-kawasan tersebut, ke atas makhluk manusia ini.

Sebab itulah saya menyeru sekali lagi, Tuan Pengerusi, supaya pihak Malaysia mempertingkatkan ikhtiar dan usahanya untuk mencapai satu gencatan senjata dan cari cara yang lebih baik, cara aman dan damai untuk perundingan secara politik. Sekian, terima kasih.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya): (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Pengerusi, berilah seorang lagi, last!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sebenarnya saya sudah buat keputusan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah bersiap sediakah?

4.39 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Terima kasih saya ucapkan, Tuan Pengerusi, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa membahaskan perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Saya percaya saya tidak dapat menjawab satu persatu hujah-hujah ataupun persoalan-persoalan yang walaupun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya akan cuba dengan masa yang ada pada saya untuk menjawab setakat yang termampu.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kita nampak tadi terutama sekali Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang masalah yang mendapat sambutan yang begitu hangat kini tentang peperangan di Teluk. Sesungguhnya sudah banyak

kita jawab melalui Dewan yang mulia ini, melalui kenyataan-kenyataan akhbar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya inginlah sedikit-sebanyak di sini untuk menyampaikan sekali lagi pendirian dan pendapat Malaysia tentang keadaan yang sedang berlaku di Teluk kini.

Malaysia semakin bimbang dengan perkembangan peperangan yang berlaku di kawasan Teluk. Petanda-petanda menunjukkan peperangan itu akan berlarutan dengan pengeboman berluas-luasa dan berterusan yang akan mengakibatkan banyak kemusnahan, penderitaan dan kehilangan nyawa, terutamanya di Iraq dan di kawasan-kawasan yang terlibat. Malaysia khawatir bahawa pendekatan peperangan itu akan melampaui tujuan-tujuan asal resolusi-resolusi Majlis Keselamatan yang berkaitan.

Resolusi 678 tidak membenarkan tindakan yang membawa kepada kemusnahan menyeluruh ke atas Iraq. Adalah tidak menyenangkan Malaysia apabila Majlis Keselamatan dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terus tidak diendahkan sejak tindakan ketenteraan bermula. Usaha-usaha untuk meminta Majlis Keselamatan menimbang pelbagai aspek peperangan itu terus dihalang. Perlu ditegaskan di sini bahawa sokongan Malaysia ke atas Resolusi 678 dan resolusi-resolusi yang berkenaan untuk mendapatkan pengunduran tentera Iraq dari Kuwait adalah dalam konteks peranan utama yang harus terus dimainkan oleh PBB seterusnya. Negara-negara berkenaan tidak boleh menganggap bahawa mereka boleh bertindak sewenang-wenangnya berasaskan resolusi tersebut untuk melancarkan peperangan menyeluruh ke atas Iraq. Malaysia berharap negara-negara yang terlibat akan bertanggungjawab atas segala tindakan mereka bukan sahaja kepada Majlis Keselamatan, bahkan juga kepada anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada keseluruhannya.

Kebimbangan yang dinyatakan oleh kebanyakan anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu khususnya anggota-anggota pertubuhan Per-sidangan Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali terhadap peperangan dan kemungkinan merebaknya peperangan tersebut perlu dibincangkan dengan segera oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Kemungkinan peperangan ini merebak akan menimbulkan keadaan tidak stabil dan huru-hara yang sudah tentu akan menjejaskan hubungan antarabangsa dan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai badan untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa. Dengan merebaknya pertikaian ini, penempatan tentera asing mungkin akan berlanjutan di kawasan tersebut.

Pertikaian ini juga akan membawa kekurangan sumber-sumber kewangan untuk membiayai pembangunan yang diperlukan. Itulah sebabnya mengapa Kementerian Luar dan Kerajaan telahpun membuat tindakan untuk mendesak Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya diadakan dengan secepat mungkin mesyuarat semula untuk membahas dan membincangkan pelaksanaan Resolusi 678. Walaupun ditolak beberapa kali oleh pihak-pihak yang tertentu dan berkuasa, tetapi kita fikirkan bahawasanya usaha dan desakan ini perlu dibuat berterusan. Dan kita harap bukan hanya setakat Malaysia, kita juga mahukan seberapa ramai yang boleh negara-negara yang lain yang ingin melihat kedamaian dan penyelesaian secara saksama agar turut serta merayu dan mendesak kepada PBB agar menggunakan apa sahaja yang ada pada badan itu untuk membolehkan suatu persidangan diadakan bagi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu membahas dan membincangkan semula tentang keadaan yang mutakhir yang sedang berlaku di kawasan Teluk kini.

Kita percaya kalau ramai negara-negara menyuarakan akan kehendak itu, lambat-laun PBB akan terpaksa juga memanggil mesyuarat yang dimaksudkan itu. Malaysia akan terus berusaha walaupun akan menghadapi jalan yang buntu untuk mendesak diadakan juga mesyuarat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu khusus bagi membincangkan masalah Perang Teluk.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit. Kuasa untuk menghalang persidangan Majlis Keselamatan di dalam tangan siapa? Adakah ianya di dalam tangan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu ataupun di dalam tangan ahli-ahli tetap Majlis Keselamatan ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sudah tentu di tangan kuasa-kuasa besar seperti ahli-ahli tetap di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Itu sebab mengapa payah bagi kita untuk memulakan semula mesyuarat tersebut.

Tuan Pengerusi, Malaysia juga bimbang bahawa peperangan ini akan mengenenpikan usaha-usaha penyelesaian soal Palestin dan isu-isu lain. Ini tentunya tidak adil. Isu Palestin tidak boleh diabaikan . . .

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap. Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya

ingin mendapat penjelasan kerana semalam saya mendengar Radio Iraq, Baghdad menyebut berita kenyataan Menteri Luar Malaysia berhubung dengan mendesak Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengkaji semula keputusan yang telah dibuat atau resolusi yang telah dibuat. Ini adalah satu sambutan yang baik kerana pihak Iraq sendiri menyiarkan berita itu. Oleh kerana itu, adakah Kerajaan Malaysia akan meneruskan lagi usahanya sama ada melalui saluran Bangsa-bangsa Bersatu ataupun OIC dan Negara-negara Berkecuali? Itu yang pertama.

Yang kedua, ada pihak yang mengatakan bahawa sikap Malaysia di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ada hubungan ataupun dengan lain perkataan, Presiden Bush telah mengadakan hubungan dengan Perdana Menteri kita dan pertemuan Menteri Luar kita di Los Angeles dengan James Baker. Adakah pertemuan ini atau hubungan ini mempengaruhi sikap kita di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sehingga kita menyokong resolusi yang kita tidak senang itu? Sekian.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Pengerusi, bahagian pertama, Malaysia akan terus berusaha untuk mendapatkan satu mesyuarat khusus membincang masalah peperangan Teluk.

Kedua, pendirian Malaysia dari awalnya sejak mula kita menyokong resolusi tertentu berkenaan dengan penaklukan Kuwait oleh Iraq adalah konsisten dan Presiden Bush ataupun Setiausaha Luar, Baker sesungguhnya tidak menekankan ataupun mempengaruhi pendirian Malaysia menyokong resolusi-resolusi tersebut sebanyak 12 kesemuanya. Kita membuat pendirian kita dengan alasan, dengan pendirian dan pendapat kita sendiri yang mana kita harus konsisten iaitu

kita tidak boleh langsung menyokong merestui mana-mana negara sebagai asasnya menakluki negara yang lain.

Sekarang saya teruskan jawapan saya ini dengan menyentuh sedikit tentang isu Palestin yang banyak dikaitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya kata tadi bahawa kita bimbang bahawa peperangan Teluk ini akan mengeneipkan usaha-usaha penyelesaian soal Palestin dan isu-isu lain, dan ini tentunya tidak adil. Isu Palestin tidak boleh diabaikan kerana peperangan ini. Israel pasti akan mengambil kesempatan untuk mengeneipkan isu Palestin dan memeraskan negara-negara yang bersimpati dengannya untuk mendapat bantuan ketenteraan dan kewangan dan telahpun berlaku kini, kita semua tahu. Amerika Syarikat dan sekutunya akan bersikap tidak adil sekiranya mereka terpengaruh oleh Israel.

Malaysia menyeru juga supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menekankan kembali peranan utamanya dalam penyelesaian krisis Teluk dan kini nampaknya sudah kebelakangan diambilalih oleh kuasa-kuasa besar. Kita mahu UN atau PBB memainkan peranan yang utama seperti yang diharap-harapkan sepatutnya. Malaysia akan menyokong apa-apa usaha sahaja, tidak kira sama ada melalui Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, melalui OIC, NAM ataupun mana-mana forum, asalkan kita akan dapat menamatkan peperangan yang dahsyat ini yang berkemungkinan lebih dahsyat kalau dibiarkan berterusan supaya dapat ianya dihentikan dengan segera dan keadaan stabil dapat wujud semula di kawasan Teluk dan sekitarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kita bebas dan tidak sekali-kali terlibat dengan tekanan ataupun tindak-tanduk yang dilakukan oleh kuasa-kuasa besar. Keputusan kita yang telahpun diulaskan oleh Yang Berhormat Menteri semasa menggulung beberapa minggu yang

sudah ialah kita consistent, sejajar menentang segala usaha atau segala cara-cara kekerasan seperti kita menentang penaklukan Soviet Union ke atas Afghanistan, kita menentang Vietnam di atas penaklukan Cambodia, kita menentang Amerika Syarikat di atas penaklukan Grenada. Itu sebagai contoh yang jelas.

Tentang bantuan-bantuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, setakat ini Malaysia belum mempertimbangkan secara rasmi apa-apa bantuan kepada peperangan di Teluk. Cumanya saya tahu pihak Persatuan Bulan Sabit Malaysia telahpun mempelawakan bantuan sukarelawan mereka untuk pergi ke tempat peperangan untuk membantu daripada segi kegiatan mereka. Pihak Malaysia akan menimbangkan sesuatu apabila tiba masa dan ketikanya kita fikirkan perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang ada menyentuh tentang "Open City" yang telahpun disarankan semasa Yang Berhormat Menteri menggulung perbahasan.

Konsep "Open City" ini yang kita hendak diberikan kepada Kota Madinah dan Mekah perlu pertamanya mendapat persetujuan daripada Kerajaan Saudi Arabia itu sendiri. Dan kalau ianya dipersetujui, maka Kerajaan Saudi jugalah akan menjadi pentadbir kepada kota-kota tersebut. Maksud "Kota-Kota Terbuka" ini bukannya ditadbir oleh badan antarabangsa, tetapi maksudnya ialah kita mahukan kedua-dua kota suci ini dipisahkan atau tidak langsung dikaitkan atau terlibat dalam mana-mana peperangan. Tidak kira siapa akan jadi pemenang atau penakluk kepada Saudi selepas peperangan ini. Kita mahukan kedua-dua buah kota suci ini terselamat daripada apa-apa kemusnahan. Itu konsep "Open City" seperti berlaku semasa peperangan dunia dahulu kepada Rome sebagai Vatican City sebagai contoh. Kita mahu

Mekah dan Madinah juga diisytiharkan sebagai "Open City" agar kedua-dua kota itu terselamat dari kemusnahan akibat peperangan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas ada membangkitkan tentang masalah ahli-ahli Parti Rakyat Brunei kononnya mendapat perlindungan di Malaysia. Saya ingin menyatakan bahawa pelarian-pelarian tersebut tidak diiktiraf atau diberi taraf yang istimewa sebagai pelarian politik oleh Kerajaan Malaysia. Masalah politik dalaman Brunei ini merupakan masalah Brunei itu sendiri dan Malaysia sesungguhnya tidak ingin mencampuri tentang masalah dalaman politik di Negara Brunei lebih-lebih lagi Brunei sebuah negara jiran yang baik, yang bersahabat dengan kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh soalan yang dibangkit sebentar tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar tentang kejadian yang melibatkan kapal nelayan di Hutan Melintang dan kapal peronda sebuah negara jiran.

Laporan awal yang diterima oleh kita daripada wakil kita di Pekan Baru menyatakan bahawasanya kejadian itu terjadi apabila kapal nelayan yang berkaitan itu tadi memasuki perairan Indonesia. Bila ditahan oleh kapal peronda Indonesia, kapal nelayan itu tidak cuba berhenti sebaliknya telah melanggar kapal peronda tersebut yang menyebabkan kebakaran. Dalam kejadian itu seorang nelayan warga-negara Thai telah mati dan seorang lagi bernama Heng Mok Uu telah cedera dan seorang didapati di hospital Dumai. Seorang lagi masih lagi belum dapat ditemui. Perkara ini masih lagi dalam siasatan pihak Kerajaan.

Tuan Wong Wing On: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kampar bangun.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya ingat masa sudah suntuk, minta maaf, Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan dulu kerana kita ada satu lagi Kementerian selepas ini. Saya ingat kita pun belum habis siasat lagi. Jadi tunggulah apabila habis siasat, baru kita boleh terang dengan lebih jelas lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah memberi banyak nasihat yang bernas serta pandangan yang boleh diambil sebagai pendorong kepada usaha-usaha Kementerian Luar untuk menentukan dasar-dasar kita di masa-masa kini dan masa-masa muka. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada beliau di atas pendapat yang begitu bernas sekali.

Saya telah menjawab satu dua perkara yang telah Yang Berhormat itu sarankan semasa menjawab pada awal-awal lagi, cuma saya ingin menyentuh bahawasanya saya akan berikhtiar seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk mengedarkan article yang keluar dalam *New Straits Times* pada hari ini. Saya baca sendiri pun saya dapati ianya amat bernas sekali. Satu perspeksi yang agak berlainan khususnya mungkin dari kajian dan pandangan orang-orang barat. Insya Allah, kita akan kerahkan wakil-wakil kita di luar negeri, khususnya di negara-negara barat untuk diedarkan kepada media-massa negara-negara berkenaan agar mereka akan dapat satu pandangan yang mungkin berbeza kepada apa yang mereka disumbatkan setiap hari.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Kepong menyentuh tentang konsep EAEG atau East Asia Economic Grouping, dengan izin, dan meminta

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zin: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tasik Chenderuh bangun.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tasik Chenderuh.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Masa suntuk. Masa tidak ada.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu menyentuh masalah Palestin, saya agak terlalu ringkas sangat kepada satu masalah yang begitu besar. Saya mendapat tahu pihak Malaysia bersama-sama dengan Yemen dan Cuba ada menaja Resolusi 681, kalau tidak silap saya; dan dalam resolusi ini ada menyentuh berkaitan dengan Palestin. Apakah pencapaian kita di dalam memperjuangkan kepentingan Palestin di dalam Resolusi 681 tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih, Tuan Pengerusi, di atas ingatan itu. Inipun satu resolusi yang kurang mendapat perhatian daripada masyarakat umumnya dan mungkin saya boleh jelaskan sedikit. Malaysia bersama dengan negara-negara seperti Yemen, Columbia dan Cuba telahpun membawa satu resolusi bersabit dengan masalah Palestin dan harus juga Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengambilkira semasa Malaysia masih lagi duduk sebagai anggota Majlis Keselamatan pada penghujung tahun sudah.

Pada mulanya, ia mendapat tentangan yang begitu hebat sekali, khususnya daripada Amerika Syarikat dan masa yang diambil bagi kita yang menjadi pembawa kepada usul itu sebagai negara yang pertama yang mengetuai delegasi untuk membawa usul itu, berminggu-minggu kita bawa untuk mendapat

persetujuan daripada pihak Amerika Syarikat, tetapi ditentang hebat dan masa telahpun memerlukan pada umumnya, pada keseluruhannya selama enam minggu barulah Malaysia dapat memujuk pihak Amerika Syarikat menerima Resolusi 681 berkaitan dengan masalah Palestin dan membolehkan kita mengadakan satu sidang antarabangsa berkenaan dengan masalah Timur Tengah, tetapi selepas masalah Perang Teluk itu selesai. Itu satu kejayaan yang tak pernah didapati oleh mana-mana negara untuk kita hendak bawa Amerika Syarikat menerima hakikat bahawasanya masalah Palestin perlu diperbincangkan dalam satu persidangan antarabangsa. Dan ini satu kejayaan yang telahpun dicapai oleh Malaysia dan sesungguhnya harus mendapat pengiktirafan oleh negara-negara di seluruh dunia dan kita akan berpegang kepada resolusi itu untuk kita bawa masalah Palestin ini supaya dapat diperbincangkan dengan sedalam-dalamnya dalam kadar masa secepat mungkin. Di dalam kita hendak mendesak supaya diadakan juga mesyuarat yang disebut-sebutkan tadi, dalam kita membicarakan tentang masalah Perang Teluk itu, kita juga akan bawa masalah Palestin ini. Kalau boleh kita akan desak supaya satu persidangan antarabangsa mengenai Palestin dan Timur Tengah itu dapat diadakan juga secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada masalah EAEC tadi, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telahpun dihantar sebagai wakil khas Perdana Menteri untuk berjumpa dengan kesemua ketua-ketua kerajaan negara-negara ASEAN, setelah Perdana Menteri kita menyarankan pengujudanan EAEG. Dan daripada lawatan Menteri berkenaan ke ibu negara ASEAN, umumnya kita mendapat suatu feedback yang positif untuk diwujudkan suatu grouping yang kita panggil sebagai East Asia Economic Grouping, dengan izin.

Walaupun pada mulanya pihak Indonesia tidak begitu positif daripada segi penerimaannya, tetapi kita dapati pada akhir-akhir ini pihak Indonesia telahpun memberi kepastian yang mereka akan sokong di atas cadangan Perdana Menteri. Lain-lain negara nampaknya telahpun memberi sokongan positif kepada pengujudan grouping tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan. Apakah pendapat Jepun, adakah mereka rela untuk menyertai blok itu nanti?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Biar saya habiskan ASEAN dahulu, tolong dengar dahulu. Selepas selesai sahaja lawatan Menteri Perdagangan kita ke negara-negara ASEAN, kini beliau sedang menguruskan untuk berjumpa pula dengan Ketua-ketua Kerajaan lain-lain negara yang berkenaan seperti Jepun, China, Korea Selatan, Hongkong dan sebagainya. Insya Allah, setelah mereka diberi penerangan yang lebih mendalam, kita yakin bahawasanya pihak mereka juga tidak akan merasa keberatan bagi menyokong gagasan East Asia Economic Group, oleh kerana tujuannya bukan untuk hendak menggalakkan protectionism dan sebagainya tetapi untuk kita mengekalkan sistem dagangan bebas terbuka yang kini wujud. Itu matlamat sebenarnya. Tetapi kita mesti menggunakan satu platform yang mana kita ada kawan yang boleh bersama dengan kita menyarankan agar sistem perdagangan bebas yang kita sokong selama ini akan dapat diteruskan, dikekalkan dan tidak dibawa ke belakang seperti yang mungkin wujud kini dengan adanya blok-blok ekonomi tertentu seperti yang wujud di Amerika dengan Kanada bercampur dengan Mexico dan Latin Amerika, wujud di antara Australia dengan New Zealand, mungkin wujud di EC menjelang "Single Market 1992". Maka kita harus peka dan membuat satu persiapan

sebelum wujudnya blok-blok yang tertentu ini yang akan mengurangkan atau menekan perdagangan bebas peringkat antarabangsa, maka kita harus mendapat kawan-kawan kita di East Asia ini, di Asia Timur supaya kita dengan satu suara menyuarakan konsep kita, fahaman kita, kehendak kita supaya perdagangan antarabangsa ini perlu bebas dan adil supaya ekonomi dunia akan tetap dapat kita selamatkan, malah diperkembangkan pada masa-masa muka.

Tuan Pengerusi, saya kira itu sahajalah yang dapat saya huraikan dan jawab di majlis ini dan sekiranya mana-mana kemusykilan yang tak dapat saya jawab, pihak saya dan pegawai-pegawai saya ada mengambil catatan dan, insya Allah, akan kita panjangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya perlu, di atas teguran, pendapat ataupun pertanyaan yang Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mendapatkannya daripada kami. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$147,523,500 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$147,523,500 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$70,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$70,000,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.52 (Jadual)—

Maksud P.52 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Maksud Bekalan B.52 dan Maksud Pembangunan P.52 bagi Kementerian Kerja Raya adalah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Besi.

Sebelum Yang Berhormat berucap, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya telah menerima satu usul daripada Yang Berhormat dari Sungai Besi dan beliau akan diberi masa selama 20 minit untuk mengemukakan usul yang berkenaan. Sila.

5.07 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Usul yang saya cadangkan di sini berbunyi:

Bahawa peruntukan di bawah Maksud Bekalan 52, Butiran 10000, Kod 10000 di bawah Emolumen iaitu peruntukan bagi Kementerian Kerja Raya sejumlah \$22,405,900 dipinda dengan memotong gaji Menteri Kerja Raya sebanyak \$10.

Tuan Pengerusi, isu tol Cheras telah menjadi salah satu topik utama perbincangan dalam sesi sidang Dewan ini. Ramai Ahli Yang Berhormat telah bercakap mengenainya dan ramai mereka telah berkongsi pandangan yang sama bahawa Kerajaan telah tidak bertanggungjawab, tidak berperikemanusiaan, tidak teratur dan tidak jujur dalam mengendalikan perkara ini.

Adalah terang bahawa penswastaaan persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur dan kelulusan Kerajaan membenarkan kontraktor mengutip kadar tol yang tinggi adalah penyalahgunaan kuasa yang besar oleh Kerajaan bagi membolehkan syarikat sokongan UMNO membuat keuntungan daripada rakyat yang tidak berupaya.

Kesombongan dan sikap bongkak yang ditunjukkan oleh Kerajaan sebelum dan selepas demonstrasi besar-besaran tol Cheras meletus apakala tol mula dikutip pada 1hb September, 1990 yang menyeru kepada penghapusan sepenuhnya dilakukan dengan tujuan untuk memeriksa salah laku dan untuk mengekalkan keyakinan politik yang kian menurun terhadap pentadbiran Mahathir. Isu tol telah membangkitkan kesedaran awam yang tinggi tentang kelalaian dan pegabaihan Kerajaan kepada keadilan sosial dan kepentingan umum.

Demonstrasi besar-besaran oleh rakyat Cheras pada 7hb September, 1990 membawa maksud yang mudah sahaja kepada Kerajaan iaitu rakyat tidak boleh disangka berdiam diri apakala mereka dirompak secara undang-undang di lebuh raya, highway robberies, dengan izin, dan dinafikan semua saluran biasa untuk mendapat perlindungan.

Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh menyalahkan sesiapa kerana rakyat merusuh, tetapi Kerajaan patut menyalahkan diri sendiri. Kerajaan mesti bertanggungjawab kerana kejadian di Tol Cheras dan rakyat hendak melihat pesalah-pesalah dihukum. Mereka termasuk Perdana Menteri dan seluruh Kabinetnya (*Tepuk*) terutama Menteri Kerja Raya sendiri. Usul yang dibangkit oleh saya untuk memotong \$10 dari gaji Menteri Kerja Raya adalah serupa dengan meluluskan usul undi tidak percaya terhadap

Menteri yang berkenaan dan Menteri Kerja Raya patut dihukum kerana berbagai kesalahan, lebih tepat ialah dosa, iaitu:

Yang pertama, Tuan Pengerusi, tidak ada jalan dalam bandaraya patut dibina di bawah penswastaaan kerana tidak adil mengenakan tol ke atas rakyat hanya untuk membaiki dan membesarkan jalan yang ada. Ia, adalah tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan rangkaian jalanraya dalam bandaraya yang baik. Masalah kesesakan lalu-lintas yang serius dalam Kuala Lumpur ialah akibat dari sikap Kerajaan yang tidak berpandangan jauh dan kurang perancangan ke depan bagi memenuhi permintaan rakyat yang kian bertambah dan kenderaan yang semakin banyak dan rakyat tidak patut dipaksa membayar harga yang tinggi kerana kesilapan Kerajaan.

Lembaga Lebuhraya Malaysia di bawah Kementerian Kerja Raya bercakap besar bahawa ia boleh membina lebuhraya dan jejambat yang canggih, jadi mengapa Lembaga Lebuhraya tidak dipanggil supaya membina projek persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur dan menyelamatkan rakyat dari membayar syarikat-syarikat penghisap darah seperti Teratai K.G. atau UEM? Kerajaan tidak boleh kata ia tidak ada wang untuk melakukannya jika \$2.5 bilion boleh ditarik keluar daripada PETRONAS untuk menyelamatkan Bank Bumiputra yang tenat teruk.

Yang kedua, pada asalnya terdapat lima syarikat yang memohon tender untuk membina lima persimpangan bertingkat di Kuala Lumpur terletak di Kilometer 5.5 dan Kilometer 8, Jalan Cheras, Bulatan Edinburgh, Persimpangan Jalan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang dan bulatan yang menghubungkan Jalan Tun Razak dan Jalan Pahang. Kami diberitahu dalam pertengahan tahun 1987, Syarikat Teratai K.G. telah memenangi tender

yang bernilai \$180 juta bagi kelima-lima persimpangan bertingkat itu. Sungguh memeranjatkan apabila diketahui kemudiannya bahawa syarikat yang sama ditawarkan untuk membina empat lagi persimpangan tanpa dipanggil tender baru dan ditambah menjadi sejumlah sembilan buah persimpangan bertingkat.

Tambahan lain ialah bulatan Jalan Kampung Pandan dan Jalan Tun Razak, persimpangan Jalan Ampang—Jalan Tun Razak, persimpangan Jalan Genting Klang—Jalan Gombak dan persimpangan Salak Selatan. Kos projek meningkat menjadi \$269 juta. Isu ini menimbulkan tandatanya dan syak dan penjelasan Kerajaan diperlukan mengapa Syarikat Teratai boleh mendapat begitu banyak keistimewaan dan pilih kasih. Ia tidak akan berlaku jika tidak ada personaliti yang berkuasa yang ada kaitan politik di belakang Syarikat Teratai.

Yang ketiga, Timbalan Perdana Menteri mengakui bahawa Kerajaan melakukan kesilapan sebelum memersetujui perjanjian konsesi untuk projek persimpangan bertingkat. Ini satu lagi yang memeranjatkan rakyat. Mengapa Kabinet tergesa-gesa memersetujui perjanjian konsesi sebelum ditimbang kesan ke atas rakyat terlebih dahulu? Mengapa Menteri Kerja Raya gagal menasihatkan Kabinet tentang kelalaian ini? Oleh itu, beliau mesti bertanggungjawab sepenuhnya.

Keempat, menurut laporan akhbar 12 September 1990, Timbalan Perdana Menteri juga dilaporkan berkata bahawa caj tol \$1.00 di setiap Plaza Tol Jalan Cheras direkomen oleh Kementerian Kerja Raya, atau dengan lain perkataan, Menteri Kerja Raya dan Kabinet yang meluluskannya. Beliau juga berkata Kerajaan tidak menimbang sama ada tol itu tinggi atau rendah pada masa itu. Kenyataan Timbalan Perdana Menteri jelas menunjukkan bahawa Kabinet telah disalahtafsir oleh Menteri Kerja

Raya atau mempercayai bahawa kadar tol berpatutan. Menurut laporan *New Straits Times* pada 16hb September 1990, pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya mendakwa bahawa kadar tol tiada kaitan dengan Kementerian kerana perjanjian membina persimpangan dibuat antara Dewan Bandaraya dan Teratai. Jika ini betul, bagaimana Kementerian Kerja Raya merekomen apa-apa caj tol jika ia tidak sedar butir-butir urusan antara Dewan Bandaraya dan Teratai? Isu seluruhnya dalam keadaan kelam-kabut tetapi kelam-kabut pun ada faedahnya. Ia membantu setengah-setengah atau kebanyakan kebenaran disembunyikan dari pandangan umum.

Kelima, apabila saya bercakap semasa membahaskan Belanjawan, saya bertanya dan mencabar Kerajaan supaya menafikan bahawa banyak syarat dalam perjanjian konsesi itu memudaratkan, tidak perlu dan bertentangan dengan kepentingan umum seperti kadar tol boleh diubahsuai menurut kenaikan kadar inflasi atau kerana volume lalu-lintas berkurangan, kerana kenaikan cukai jalan, harga kereta, bayaran letak kereta dan lain-lain, atau tol boleh dinaikkan apabila syarikat projek menghadapi kenaikan kos pengu-rusan, pentadbiran dan perkhidmatan pinjaman.

Lain-lain kuasa yang tidak adil dan tidak munasabah dalam perjanjian termasuk penutupan semua jalan pintas berdekatan Plaza Tol dan mencegah pembinaan atau pengembangan kapasiti di mana-mana jalan semasa tempoh konsesi.

Tuan Pengerusi, semua syarat-syarat ini bertujuan tidak lain daripada untuk memastikan bahawa syarikat projek ini membuat keuntungan berlipat-ganda dan mengorbankan rakyat. Menteri Kerja Raya telah mengelak dari menjawab pertanyaan dan tidak membuat sebarang penafian sewaktu menjawab perkara-perkara yang

dibangkitkan oleh saya kepada Kementeriannya. Bagaimana Kerajaan yang mendakwa untuk mengamalkan masyarakat penyayang boleh bersetuju kepada semua syarat yang tidak adil untuk menekan dan mengeksploit rakyat yang didakwa perlu disayangi. (*Tepuk*)

Keenam, satu Pasukan Petugas Khas ditubuhkan pada 14hb September 1990 untuk menyemak projek persimpangan bertingkat Kuala Lumpur diketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab kepada Menteri Kerja Raya dan Pasukan Petugas diberi masa 10 hari untuk menyiapkan kajian dan membuat rekomendasi kepada Kabinet, akan tetapi Pasukan Petugas tidak berupaya membuat ini dan Kabinet telah memberi tempoh yang tidak ditetapkan untuk pasukan ini mengemukakan laporannya. Harapan rakyat untuk melihat bahawa Pasukan Petugas berupaya memahami keadaan dan kesusahan mereka dan mengetengahkan seruan mereka untuk mencari jalan dengan tujuan utama untuk menghapuskan semua tol dalam Kuala Lumpur. Mereka amat dukacita, apabila mengetahui bahawa selain dari projek penswastaaan ini dipindah kepada projek awam yang dibiayai oleh Kerajaan, Pasukan Petugas sampai kepada keputusan untuk menjemput atau mempelawakan United Engineers Malaysia (UEM), syarikat milik UMNO baru untuk membeli saham Teratai dengan tujuan untuk mengambil alih pembinaan persimpangan dan mengutip tol.

Dalam kes UEM yang diberikan rujukan istimewa dalam projek persimpangan bertingkat Kuala Lumpur, Menteri Kerajaan patut juga diselar dengan sekeras-kerasnya kerana memberi kontrak kepada UEM baru-baru ini untuk membina laluan kedua menghubungkan Johor Bahru dan Singapura tanpa dibuka tender.

Ketujuh, bagaimana Menteri Kerja Raya bersetuju membayar \$100,000 sehari sebagai pampasan kepada pemaju projek tol Cheras? Apakah asas bagi pampasan besar ini, apabila kutipan di Plaza Tol Cheras, pada hari pertama kutipan ialah hanya \$50,000.

Tuan Pengerusi, kesalahan Menteri Kerja Raya dan kegagalannya menjunjung keadilan dan kesaksamaan tidak boleh dimaafkan dan atas sebab ini maka saya mencadangkan bahawa gaji Menteri Kerja Raya dipotong sebanyak \$10. Adalah memalukan apabila Menteri tidak mahu berdiri dan bercakap benar tentang apa yang dijanjinya kepada rakyat apabila beliau mengangkat sumpah jawatan dan berikrar akan menjaga kepentingan orang ramai.

Sesungguhnya beliau patut berhenti atau meletak jawatan untuk membersihkan namanya. *(Tepuk)*

Akhirnya, sebelum saya tamat, saya ingin menyeru kepada semua Ahli-ahli dalam Dewan ini, tidak kira dari Pembangkang kami di sini atau dari Barisan Nasional supaya menunjukkan suara hati yang jujur dan ikhlas untuk menyokong dan mempersetujui Usul yang saya cadang di sini, sebab Usul yang saya bangkit itu bukan sahaja isu tol tetapi satu isu yang scandalous, satu isu yang penuh dengan bohong, penipuan dan putar belit dan Menteri Kerja Raya patutlah dihukum sebab dosa-dosa yang dia telah melakukannya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang yang diuntukkan bagi Kepala B.52 dikurangkan sebanyak \$10 berkenaan dengan Maksud Bekalan 52, Butiran 010000 dan Kod 10000 terbuka untuk dibahas. Sibu.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatan-kuasa tidak ada penyokong. Silakan Ahli Yang Berhormat dari Sibu.

5.23 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.52, Butiran . . .

Tuan Pengerusi: Silakan. Sila berucap di atas usul, hendak mengurangkan wang sebanyak \$10.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak mahu berucap? Dia geleng kepala sahaja *(Ketawa)*. Kepong.

5.24 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya menyokong usul ini kerana kegagalan-kegagalan Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan isu tol di Cheras dan juga di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, apabila saya baca satu kenyataan di dalam akhbar yang mengatakan, dengan izin,

“United Engineers (M) Berhad says it has received a conditional offer from the holders of Teratai K.G. Sdn. Berhad, the company which holds the concession to operate the toll in Cheras, to take a majority stake in the company but that it has yet to enter into any agreement with any party.

Replying to enquiries from the Kuala Lumpur Stock Exchange, UEM added that any agreement entered into would be on a willing buyer, willing seller basis.

It was reported that Teratai K.G. would sell a majority stake to UEM at the request of the Government to assist the Government to reach a satisfactory solution to the Cheras toll.”

Sebagai Pengerusi Pasukan Petugas untuk menyelesaikan masalah tol itu, Yang Berhormat Menteri sampai sekarang tidak dapat menerangkan apakah yang dimaksudkan oleh kenyataan UEM itu, yang dibuat pada 20hb Disember tahun sudah. Ini menunjukkan kekurangan sensitivity, kekurangan kepekaan ke atas isu tol ini.

Sekarang saya dengar daripada rakan saya, UEM sudah mengambil alih K.G. Teratai. Apakah telah terjadi, Tuan Pengerusi. Ini satu kegagalan yang besar.

Tuan Pengerusi, ini merupakan kegagalan Yang Berhormat Menteri untuk menghapuskan unsur dan tekanan politik Kerajaan Malaysia yang leka sangat membina jalan bertol di pusat bandaraya. Ini tidak lain, tidak bukan politik perniagaan, yang sekarang digalakkan oleh Yang Berhormat Menteri kerana kebisuannya.

Tuan Pengerusi, UEM dan PLUSnya dilaporkan sebagai menguntungkan hampir \$7 juta tahun lepas. Yang Berhormat Menteri sejak beliau mengambil alih jawatan itu tidak memberi prihatin yang cukup mengenai aktiviti-aktiviti PLUS dan UEM ini. Adakah dia sedar syarikat ini sudah meraih keuntungan lebih \$7 juta tahun yang lepas kerana mengadakan tol-tol di merata-rata tempat di negara ini dengan Lebuh raya Utara/Selatan. Dengan keadaan yang sedemikian, beliau membenarkan ataupun dengan secara langsung ataupun tidak langsung, menggalakkan pihak PLUS mengambil alih tol di Cheras dan juga di Bandaraya Kuala Lumpur. Ini satu perbuatan yang saya percaya tidak akan menguntungkan penduduk-penduduk di sekitar Kuala Lumpur dan juga di seluruh negara. Ini merupakan satu kegagalan lagi, Tuan Pengerusi, yang memerlukan satu usul seperti ini untuk memotong gajinya.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan Pasukan Petugasnya diberi 10 hari untuk mengemukakan satu laporan untuk menyelesaikan isu tol di Cheras dan pada 14hb September, laporan itupun telah dikemukakan dan saya dapati bahawa pada 14hb November, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu para pemberita bahawa pihaknya telah mengenal pasti satu atau dua jalan penyelesaian terhadap isu tol Jalan Cheras dan Jalan Pahang.

Dan katanya Jawatankuasa Bertindak yang dibentuk untuk mengkaji masalah tol itu juga telah mengambil kira masalah penduduk sekitar yang akan menggunakan tol yang berkenaan. Jawatankuasa tersebut sudahpun menyerahkan laporan mereka mengenai perkara itu kepada Kementerian Kerja Raya sebelum Pilihanraya Umum yang lalu.

Tuan Pengerusi, nampaknya pada 14hb November, pihak Yang Berhormat Menteri telah menghantarkan satu laporan kepada Kabinet, tetapi setakat ini kita belum tahu lagi apakah keputusan Kabinet itu dan pada tiap-tiap hari Rabu ada Mesyuarat Kabinet, dan apakah peranannya di dalam Kabinet? Nampaknya tiap-tiap hari Rabu dia tidak memainkan peranan untuk menyelesaikan masalah dan isu tol ini. Satu keabaihan, satu kelalaian, satu kegagalan yang besar.

Ada satu lagi iaitu kegagalan Yang Berhormat Menteri untuk memberi nasihat yang betul kepada Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan memang ada cadangan untuk memberi peluang kepada Syarikat PLUS Bhd. mengambil alih tugas mengendalikan kutipan tol di Plaza Tol Cheras. Jadi apakah peranan Yang Berhormat Menteri di dalam usaha untuk menyelesaikan masalah isu tol ini, sehingga membenarkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

mengeluarkan kenyataan seperti ini. Seolah-olah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengambilalih peranannya sebagai Pengerusi Pasukan Petugas ini. Itulah satu perkara yang tidak patut berlaku dan nampaknya ada banyak jurucakap untuk isu tol ini. Timbalan Perdana Menteri, satu, Yang Berhormat Menteri sendiri dan juga Datuk Bandar Dewan Bandaraya pun jadi seorang jurucakap untuk isu tol ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menekankan di sini ada satu kegagalan lagi iaitu penyelarasan di antara Dewan Bandaraya dengan Kementerian Kerja Raya dan juga dengan pihak Kabinet. Penyelarasan yang tidak jalankan dengan lancar kerana nampaknya ada rundingan di antara Datuk Bandar dengan K.G. Teratai, walhal Pasukan Petugas diberi kuasa untuk mencari penyelesaian ke atas isu tol ini. Tetapi Datuk Bandar masih menjalankan rundingan dengan K.G. Teratai. Jadi, apakah yang terjadi dengan perkara ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Dan saya berharap Tuan Pengerusi, dengan perkiraan, pertimbangan ke atas kegagalan-kegagalan dan kelalaian-kealalaian yang telah saya sebutkan ini semua Ahli Yang Berhormat yang ada hari ini akan memberi sokongan kepada Usul yang terpenting ini yang benar-benar menjaga kepentingan rakyat kerana rakyat di Kuala Lumpur tidak mahu tol, di dalam Bandaraya kita tidak semestinya perlu ada tol. Yang Berhormat Timbalan Menteri dari kawasan Batu Pahat pun setuju dengan penyuman

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Saya tidak setuju. Masa sudah cukup. Mengikut S.O. 43 arahan Tuan Pengerusi mesti dipatuhi.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat dari Kepong

Dr Tan Seng Giaw: Tidak payah dia beri peringatan. Yang penting sekali, Tuan Pengerusi, saya berharap seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia akan membuat pengumuman yang penting ke atas isu tol ini, selepas 2-3 bulan menerima laporan daripada Yang Berhormat Menteri, patutlah dia itu mengeluarkan satu pengumuman yang penting ini untuk menyelesaikan masalah tol di Cheras dengan muktamad dan saya diberitahu, Tuan Pengerusi, bahawa pihak

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Sudah cukup, tetapi, Tuan Pengerusi, satu masalah yang penting lagi sama ada pihak Kementerian itu masih membayar tiap-tiap hari \$100,000 kepada pihak Teratai.

Tuan Pengerusi: Sudah diucapkan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Seputeh.

5.35 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya pun ingin berucap memberi sokongan atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi.

Tuan Pengerusi, dokumen mengenai perjanjian pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan itu tidak boleh diketahui oleh rakyat kerana katanya Akta Rahsia Rasmi. Inilah demokrasi ala Barisan Nasional. Tol di Cheras juga disembunyikan—perjanjian antara pengutip tol dengan Kerajaan. Rakyat

dipaksa membayar tol dengan tidak mempunyai alasan munasabah, penduduk-penduduk Cheras gelisah dengan paksaan mengutip tol ini telah membantah, tetapi Barisan Nasional tidak menghiraukan bantahan itu. Perdana Menteri pula menuduh rakyat di Cheras mengugat Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Barisan Nasional selalu mendakwa kalau demokrasi tidak ada tentu Pembangkang tidak ada di Dewan yang mulia ini. Demokrasi memang ada, tetapi demokrasi palsu ala Barisan Nasional. Semua kritik membina yang disuarakan oleh Pembangkang dianggap anti Kerajaan. Demokrasi aman rakyat Cheras menentang tol dituduh sebagai dihasut oleh Pembangkang. Kerajaan tidak pernah berterima kasih kepada Pembangkang yang menyedarkan (*Tepuk*) mereka dari mimpi setelah dipuji-puji dan diampu-ampu oleh mereka yang berkepentingan.

Tuan Pengerusi, tol di Cheras patut dihapuskan terus kerana ia tidak ada kena-mengena dengan kos pembinaan jalan, kutipan tol hanya untuk kepentingan syarikat-syarikat pengutip tol. Di zaman dahulu kutipan lalu-lalang melalui jalan yang menghubungkan satu tempat ke tempat yang lain hanya dilakukan oleh lanun-lanun ataupun perompak-perompak. Ketika itu tindakan mereka samalah macam kutipan tol yang dilaksanakan sekarang.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah bertanya dari mana boleh mendapat wang untuk membina jalanraya yang baik kalau rakyat tidak sanggup membayar tol. Tetapi Perdana Menteri tidak pernah bertanya kepada dirinya sendiri, dari mana rakyat mahu mencari wang untuk membayar tol yang hanya untuk kepentingan sesebuah syarikat pengutip tol. Tol Cheras menimbulkan kemarahan rakyat bukan disebabkan

mereka anti-Kerajaan, bukan juga masalah kaum Cina yang ramai tinggal di kawasan itu sengaja bersikap memprotes Kerajaan. Tetapi mereka adalah rakyat Malaysia yang menuntut keadilan dalam negaranya yang dijanjikan dengan sistem pemerintahan demokrasi.

Apabila mereka mahu berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi amaran bahawa Kerajaan akan meneruskan kutipan tol di Cheras walaupun banyak bantahan. Sebaliknya, apabila mereka bertindak tunjuk perasaan membantah kutipan tol di Cheras, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengugut pula bahawa Kerajaan tidak akan tunduk dengan desakan penduduk Cheras kerana Kerajaan hanya mahu menyelesaikan semua masalah melalui perundingan. Di sinilah sikap berdolal-dalik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menyelesaikan sesuatu masalah apabila penduduk-penduduk Cheras mahu berunding dengan Kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri enggan menerima wakil mereka atas alasan kepentingan politik DAP.

Sebenarnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu bahawa Wakil Rakyat penduduk-penduduk Cheras ini adalah anggota Parlimen dari DAP. Amat jelas yang menimbulkan isu politik dalam kes kutipan tol di Cheras ini adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini penduduk-penduduk Cheras melalui empat anggota Parlimen iaitu Ahli dari Sungai Besi, Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan saya sendiri membuat temujanji dengan Menteri Kerja Raya. Tetapi Menteri berkenaan bukan sahaja tidak mahu mendengar rayuan dari penduduk-penduduk Cheras, malah langsung tidak mahu menemui wakil-

wakil penduduk-penduduk Cheras itu. Di manakah letaknya janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan mengutamakan perundingan dalam penyelesaian apa sahaja masalah. Empat anggota Parlimen dari DAP bukanlah mewakili ahli-ahli atau penyokong-penyokong DAP sahaja, tetapi kami mewakili semua penduduk tidak kira mereka ahli atau penyokong Barisan Nasional sekali pun. *(Tepuk)* Kalau anggota Parlimen diberi berbagai keistimewaan tidak boleh menjejakkan kaki di Pejabat Menteri, bagaimanakah rakyat biasa dari kalangan penjaja kecil, kakitangan jawatan rendah Kerajaan dan swasta atau lain-lain penduduk di Cheras mahu berunding dengan pihak Kerajaan?

Sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan itu memang aneh, sesuai dengan dolak-dalik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mahu menyelesaikan masalah tol Cheras ini. Sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini amat wajarlah Dewan ini memberi gelaran baru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu, "Bapak Berdolak-dalik". Ini nampaknya Kementerian yang berkenaan tidak mahu menerima sebarang pandangan. Ketika kami membuat lawatan ke pejabat yang berkenaan itu bersikap sombong, bersikap tidak bertanggungjawab atas perkara tol itu. *(Tepuk)* Maka dengan itu, saya menyokong supaya gaji Menteri yang berkenaan itu dipotong sebanyak \$10. Sekian. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang.

5.45 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): *(Bangun meninggalkan Dewan)*

Beberapa Ahli: *(Sorak)*

Tuan Wee Choo Keong: Ah! Menteri sudah mahu lari, Tuan Pengerusi. Inilah kelakuan yang memang tidak bertanggungjawab. Saya dan rakan-rakan saya daripada

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang, tidak boleh bercakap seperti itu. Dia berhak keluar.

Tuan Wee Choo Keong: Oleh kerana apa yang saya akan sentuh atau sebut, dia tidak ada di sini dan dia tidak akan jawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Nantilah, pegawai-pegawai dia ada.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita bercakap dalam Parlimen ini, kita kenal sedikit sebanyak ada mempunyai decorum.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya menyokong 100% apa yang disebut oleh rakan-rakan saya dari Sungai Besi, Siputeh dan Kepong. Berani saya katakan dengan terus terang bahawa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tidak bertanggungjawab dan kesopanannya tidak berapa bagus oleh kerana pada hari tersebut saya pun ada pergi ke pejabat beliau, beliau tidak mahu berjumpa empat anggota Parlimen daripada Wilayah Persekutuan dan kami empat orang mewakili atau dengan izin, represented paling sedikit 100,000 pengundi di Wilayah Persekutuan ini dan mereka semua pun ada terlibat atau involved dalam kes tol ini. Menteri Kerja Raya tidak mahu berjumpa dengan kami semasa kami membuat courtesy call kepadanya. Beliau memanggil Setiausahanya dan mem-

beritahu kami bahawa kes tol ini belum diselesaikan lagi, ianya masih dalam perbincangan.

Sebenarnya, beliau tidak tahu mengapa kami pergi berjumpa dengan beliau, sama ada atas perkara tol atau lain-lain. Kami cuma mahu berjumpa dengan beliau sebagai courtesy call sahaja oleh kerana kita bersopan, kami anggota Parlimen yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat dari Batu memang tahu perkara ini. Dia sendiri pun tidak sanggup membayar tol ini, dia pun membantah tol. Beranikah dia dalam Dewan ini mengatakan dia menyokong tol? Saya rasa dia pun tidak menyokong juga. Oleh itu lebih baik dia diam dalam soal ini. Yang penting sekali, kes tol di Cheras ini walaupun diumumkan oleh Menteri Kerja Raya pada 30hb Ogos, 1990 mengatakan kutipan tol di Cheras akan dimulakan pada 1hb September, 1990. Dari segi undang-undang di negara kita, kutipan tol mesti digezetkan dalam *Warta Kerajaan* iaitu *Government Gazette* sekurang-kurangnya mesti dalam tempoh 30 hari, memberitahu orang awam mengatakan tol di Cheras akan dikutip. Tetapi tol di Cheras tidak ada apa-apa announcement sebelum 30 hari itu dan tidak digezet. Jadinya, Kerajaan sudah menyalahguna undang-undang di negara kita dan tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada mempunyai Penasihat Undang-undang. Kenapa beliau tidak mengambil nasihat daripada Legal Adviser atau Attorney-General dalam kes ini, sebab kesalahan atau kecuaiannya ini sangat serius, oleh kerana undang-undang ini dari Dewan yang mulia bukan kepada rakyat sahaja, ia juga kepada Kerajaan. Kerajaan ini kata "Kepimpinan Melalui Teladan". Justeru itu, kenapa tidak menunjuk perangai yang bagus menurut undang-undang negara kita?

Satu lagi projek-projek mewah seperti tol ini terlibat dengan Datuk Bandar DBKL. Syarikat Teratai pun dimiliki oleh seorang perempuan dan ada banyak lagi seperti SITRA SDN. BHD. Monorail di Wilayah Persekutuan pun ada juga dimiliki oleh perempuan dan ada lagi beberapa syarikat yang buat jalan di Wilayah Persekutuan itupun dimiliki oleh perempuan. Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri adakah dia sedar projek-projek mewah di Wilayah Persekutuan ini, syarikat-syarikat yang diberi projek yang mewah ini dimiliki oleh perempuan atau kawan-kawan yang baik dengan Datuk Bandar. Dan juga saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri adakah dia sedar atau tidak kutipan tol ini tidak menurut undang-undang negara kita kerana tidak digezet di dalam *Warta Kerajaan*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.52 ptg.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, kalaulah kita mendengar hujah-hujah yang telah dikeluarkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi, kesemuanya dari pihak Pembangkang, memang sekali imbas kita merasakan bahawa apa yang dikatakan oleh mereka itu benar dan sekali kita mendengarnya kadang-kadang kita mungkin tertarik dengan apa hujah-hujah daripada mereka itu. Tetapi perkara ini boleh kita sedar juga Ahli-ahli yang telah bercakap tadi, baikpun dari Sungai Besi, Kepong, Seputeh dan Bukit Bintang semuanya memang biasa bercakap fasal tol ini berkali-kali, bukan pertama kalinya. Memang berkali-kali bercakap fasal hal ini, mungkin Bukit Bintang barulah kerana Yang Berhormat itu baru sahaja masuk Parlimen ke Dewan ini sekarang.

Sebenarnya hujah-hujah yang dikemukakan oleh semua mereka itu bukan hujah yang baru, tetapi hujah yang lama, hujah yang pernah kita dengar sebelum inipun, tetapi diulang-ulang kali untuk menarik suatu perhatian sahaja. Sebenarnya bukan dari segi pandangan untuk menguntungkan rakyat atau sebagainya, mungkin lebih berat untuk pandangan menguntungkan dari segi parti politik mereka itu sendiri. Itu yang sebenar. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menjaga peraturan Tuhan. Di waktu saya hendak keluar membuang air, bukan saya hendak lari dari mendengar hujah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, tetapi selepas saya membuang air, saya balik ke sini juga dan berpeluang untuk memberi keterangan menerangkan apa yang telah disuarakan itu.

Biarlah saya memberi ucapan terus-terang. Kalaulah kita melihat latar-belakang projek tol Cheras ini bahawa Kerajaan meluluskan pembinaan jambat dan jambatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk diswastakan dan kelulusan itu diberi pada 11 Disember 1985 lagi. Selepas itu, berikutan dari kelulusan yang telah disebut, pihak Dewan Bandaraya yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek Dewan Bandaraya telah menjemput tawaran daripada syarikat-syarikat tempatan bagi melaksanakan projek tersebut secara penswastan dalam tahun 1986.

Sebanyak 5 buah syarikat telah membuat tawaran, termasuk Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. atau dipertakakan STKG. Daripada tawaran-tawaran yang diterima tersebut, tawaran daripada STKG telah dipilih untuk perundingan seterusnya memandangkan tawaran yang dikemukakan oleh syarikat itu ialah tawaran yang lebih menarik dibanding dengan tawaran-tawaran yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat yang lain. Ianya berasaskan tempoh

kutipan tol yang lebih singkat, di samping itu juga syarikat itu tidak memohon apa-apa bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan seperti support loan atau traffic guarantee dan sebagainya.

Ini sebabnya Syarikat Teratai K.G. dipilih di waktu itu. Mereka dipilih untuk membina beberapa buah persimpangan-persimpangan di Cheras, di Bulatan Edinburgh, di Jalan Pahang, di Kampung Pandan dan sebagainya. Selepas perundingan dibuat, telah ditandatangani perjanjian di antara Dewan Bandaraya dan syarikat berkenaan termasuk untuk menetapkan tol-tol yang patut dikenakan di beberapa tempat yang tersebut.

Jadi, keputusan untuk mengenakan tol dan keputusan untuk apakah harga tol yang patut dikutip, memang ditetapkan serentak dengan perjanjian konsesi itu dibuat awal-awal lagi. Keputusan itu bukan keputusan yang baru dan angka-angka tol yang dibuat bukanlah angka-angka tol yang baru. Setelah mereka membuat dan membina projek, pihak syarikat telah memohon kepada Dewan Bandaraya pada 30 Julai 1990 untuk memulakan kutipan tol di Jalan Cheras mulai dari 1 September 1990

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sungai Besi bangun, hendak beri jalan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Boleh.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan tender ditawarkan kepada Teratai K.G. hanya untuk 5 buah persimpangan bertingkat, tetapi mengapa syarikat ini ditawarkan lagi 4 buah persimpangan bertingkat tanpa tender yang baru? Ini soalan yang saya tanya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, di waktu Dewan Bandaraya merancang untuk melaksanakan beberapa persimpangan bertingkat di sekeliling Bandaraya Kuala Lumpur, di dalam perundingan dengan Syarikat Teratai telah ditetapkan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh mereka itu masih dapat dipertimbangkan dan dapat diterima. Untuk mempercepatkan pelaksanaan, diputuskan munasabah juga ianya diselaraskan bersama.

Tuan Pengerusi, biarlah saya sambung. Permohonan yang telah dikemukakan oleh pihak Teratai telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya pada 14 Ogos 1990 dan telah diwartakan pada 23 Ogos 1990 dengan tarikh kuatkuasa kutipan tol di Jalan Cheras mulai daripada 1 September 1990. Saya suka hendak menyebut sekali lagi, Tuan Pengerusi, bahawa kutipan tol itu telah diwartakan pada 23 Ogos dan mengikut undang-undang ianya sah dan mengikut nasihat undang-undang pun memang sah kutipan tol itu dimulakan pada ketika itu

Seorang Ahli: Bohong!

Datuk Leo Moggie anak Irok: Siapa yang berkata "bohong"?

Seorang Ahli: DAP!

Datuk Leo Moggie anak Irok: Oh, DAP bohong! Itu memang kita tahu dia bohong. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil peluang bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, Kepong dan juga Seputeh ada mengatakan rakyat di Cheras memang tidak suka membayar tol dan sebagainya dan mengambil peluang untuk mengemukakan pandangan masing-masing kepada pihak Kerajaan.

Kita sedar, memang boleh mana-mana rakyat menyampaikan pandangan. Tidak semestinya menyampaikan

pandangan dengan mengadakan demonstrasi. Tidak satu demonstrasi atau mengguna demonstrasi sahaja cara untuk menyampaikan pandangan dan pendapat. Pada anggapan Kerajaan, menyampaikan hasrat atau pandangan atau pendapat menggunakan cara demonstrasi ialah bukan satu cara yang bertanggungjawab. Ia adalah satu cara yang tidak baik dan tidak munasabah dan kita berharap tidaklah dilakukan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sungai Besi bangun.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya fikir tidak payah, Tuan Pengerusi, kerana

Tuan Tan Kok Wai: Bukan, sebab Yang Berhormat Menteri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi, dia tidak beri jalan. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, soalnya mengikut Peraturan Mesyuarat, jikalau sekiranya orang yang berucap itu tidak beri jalan

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi itu memang bercakap besar. Sekiranya kita tidak mengikut pandangan beliau, seolah-olah kita ini tidak adil. Tetapi dia sendiri tidak adil, mengikut katakan orang; tetapi dia mengatakan dia itu adil. Jadi, saya fikir kurang tepat sedikit. Biarlah saya teruskan kerana banyak lagi perkara-perkara yang kita hendak sentuh pada malam ini.

Jadi, memang ada pihak-pihak tertentu mengambil peluang untuk mengadakan demonstrasi. Kerajaan telah menerima beberapa aduan sesudah kutipan tol itu bermula dan aduan-aduan itu disalurkan menerusi saluran-saluran yang munasabah

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Adakah hendak beri jalan selepas daripada ini?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya tidak akan beri jalan. Kalau dia, saya tidak akan beri jalan kerana dia sudah berpeluang bercakap awal. Saya pun tidak tanya dia tadi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi, sila duduk. Dia tidak beri jalan.

Tuan Tan Kok Wai: Bohong!

Tuan Pengerusi: Perkataan Yang Berhormat "bohong".

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, di waktu Yang Berhormat dari Sungai Besi bercakap banyak

Tuan Pengerusi: Dia sudah beri notis bahawa dia tidak akan beri jalan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: banyak perkataan-perkataan yang dikatakan oleh beliau itu kurang tepat, tetapi saya pun tidak bangun.

Tuan Pengerusi: Kepada siapa-siapa pun tidak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Datuk Leo Moggie anak Irok: Lain Ahli—barangkali Bukit Bintang boleh. (*Ketawa*)

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri tadi kata pada 23hb Ogos, 1990 kutipan tol ini digezet dalam *Warta Kerajaan*. Bagaimana tol boleh dikutip pada 1hb

September, 1990? Yang saya tahu dari segi undang-undang mesti diberi 30 hari notis, baru kutipan itu boleh dikutip oleh Syarikat. Dan satu lagi, yang kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata tiada apa-apa aduan dibuat daripada DAP atau pengundi daripada Sungai Besi. Pengaduan sudah dibuat sebelum tol dijalankan atau dimulai. Bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh kata tiada? Terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya fikir walaupun saya kurang fasih dalam Bahasa Malaysia, saya tidak ingat menyebut tiada aduan dibuat. Saya mengatakan memang banyak aduan dibuat melalui saluran-saluran yang tertentu—dengan banyak saluran. Jadi, memang ada. Aduan itu memang ada dan pandangan memang ada dikemukakan. Apa yang saya bantah ialah pihak mengemukakan pandangan secara demonstrasi awam. Itu yang saya bantah, bukan saluran-saluran yang lain.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, bersabit dengan penerangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah bertanya, saya difahamkan oleh pihak peguam bahawa sekiranya notis dikemukakan oleh Syarikat pada Datuk Bandar dalam tempoh 30 hari untuk mencadangkan bahawa tol akan dikutip dan digezet, sudah boleh dan sah dari segi undang-undang. Jadi, saya terpaksa mengikut nasihat pegawai undang-undang sendiri dan mengikut pandangan mereka perkara kutipan tol dalam tarikh ianya dikutip pada 1hb September, 1990 memang adalah sah. Ini saya hendak jelaskan dan menitikberatkan sah dari segi undang-undang pada waktu itu.

Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan setelah menerima aduan-aduan lain dari mana-mana pihak termasuk penyokong-penyokong Kerajaan, termasuk juga pemimpin-pemimpin tempatan sendiri yang berhubung dengan saya sendiri beberapa kali, dan setelah itu kita mengesyorkan kepada Kerajaan,

baguslah di waktu kita mencari jalan penyelesaian kutipan tol ditangguhkan dan Jemaah Menteri sebenarnya membuat keputusan tol di Cheras ditangguh pada 12hb September, 1990 dan hingga sekarang tol itu belum dimulakan lagi.

Banyak juga soalan disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap menyentuh apakah tindakan yang telah dilakukan selepas itu, selepas Kerajaan mewujudkan satu Pasukan Petugas yang dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai satu Pasukan dan Working Committee, dengan izin, yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya. Mereka telah membuat analisa dan membuat beberapa pandangan untuk pertimbangan Kerajaan. Memang betul laporan itu telah dikemukakan dan telah dipertimbangkan oleh Kerajaan pun. Tetapi untuk menyelesaikan dan untuk menentukan beberapa cadangan yang telah dikemukakan itu dapat diimplementasikan, ianya perlu diadakan perundingan dengan pihak Syarikat yang mempunyai konsesi.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi kita mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap membantah bahawa Kerajaan tidak menitikberatkan undang-undang. Nampaknya mereka itulah yang tidak menitikberatkan undang-undang. Kita mengikuti undang-undang, tidak dapat mengubah apa-apa selain dengan persetujuan mereka yang ada perjanjian dengan kita juga. Dalam hal ini, dengan izin, Tuan Pengerusi, agreement yang telah wujud di antara Datuk Bandar dan Syarikat yang terlibat tetap wujud. Agreement itu tidak boleh diubah oleh satu pihak melainkan satu pihak yang lain bersetuju dan ini yang memerlukan perundingan yang lanjut. Walau bagaimanapun, kita tidak akan terus membiarkan serupa itu sahaja. Kita akan meneruskan perbincangan dan perundingan. Jadi, tidak salah bagi Datuk Bandar berunding kerana Datuk Bandar ialah menjadi signatory kepada

agreement ini. Oleh itu, Datuk Bandar terpaksa berunding semula dengan mereka yang mempunyai konsesi, mempunyai agreement bagi sebuah pihak.

Tuan Pengerusi, adalah juga disebut melibatkan Syarikat UAE. Bagi saya, Tuan Pengerusi, dan bagi Kerajaan, kita tidak kira bagaimana cara syarikat-syarikat itu hendak menukar ekuitinya. Sekiranya pihak milik Syarikat Teratai yang dahulu hendak menukarkan hakmiliknya pada sesiapa pun dan secara antara, dengan izin, willing buyer, willing seller basis, terpulang kepada mereka sebagai suatu golongan yang memang

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sungai Besi bangun.

Datuk Leo Moggie anak Irok: mempunyai kebebasan—bagi dia saya tidak beri jalan seperti saya sudah beritahu tadi.

Memang terpulang pada mereka untuk berbuat sedemikian dan saya difahamkan baru petang semalam bahawa sudah ada perjanjian di antara shareholders Syarikat Teratai dahulu dengan Syarikat Metro Juara Sdn. Bhd. untuk Syarikat Metro Juara Sdn. Bhd. mengambilalih saham-saham dari pemilik-pemilik Syarikat Teratai yang dahulu.

Bagi saya, Tuan Pengerusi, ini terpulang kepada mereka sebagai satu perniagaan dan mereka sebelum itu bertanya adakah Kerajaan menghalang sekiranya ini dilakukan. Dan mereka menulis kepada Datuk Bandar kerana Datuk Bandar sebagai sebahagian pihak yang menandatangani kontrak. Datuk Bandar memberi pandangan secara bertulis dan Datuk Bandar mengatakan tidak ada halangan. Jadi, saya difahamkan pertukaran milik sudah ditandatangani dan urusan mereka untuk

menukar milik itu akan terus diuruskan. Dan kita akan menyambung perbincangan dengan pemilik-pemilik yang baru untuk menentukan penyelesaian ini didapati.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah suka hendak memanjangkan sangat ucapan dan jawapan kepada soalan-soalan yang disebutkan. Tetapi penting bagi kita menjelaskan bahawa Kerajaan memang menitikberatkan pandangan awam dan menitikberatkan juga bahawa tol di peringkat yang munasabah perlu dikaji semula. Oleh itu memang kita bercadang dan berhasrat untuk berunding semula dari segi terma-terma yang dikandungi dalam perjanjian itu. Apa yang kita tidak bersetuju dan ini satu perkara yang nampaknya pihak-pihak dari DAP menyuarakan beberapa kali, kononnya tidak ada tol patut dikenakan dalam jalan-jalan di bandaraya. Itu konsep yang mereka selalu memperjuangkan. Bagi Kerajaan ini tidak semestinya begitu. Walaupun di luar bandaraya, walaupun di mana tempat sekiranya kita lihat boleh dan mungkin feasible, boleh diperimbangankan. Dengan izin, Tuan Pengerusi, "it is not automatic that roads in urban areas are not tollable. That is the concept that DAP wants to impose, that is the concept we reject." Jadi, Tuan Pengerusi . . .

Dr Kua Kia Soong: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya): Terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini di negara apa ada kutipan tol di pusat bandaraya? *(Tepuk)*

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, saya fikir Petaling Jaya tidak jauh dari rakan-rakan DAP, tidak jauh dari jiran kita ini di mana ada

dikatakan zoning. Masuk bandaraya ada zonnya. Kalau kita masuk zon, kita ada bayar juga sedikit. Bagi pandangan saya, tidak ada bezanya kutipan zoning dengan kutipan tol. Cuma kutipan tol itu di satu tempat. Zoning di sekeliling bandaraya, siapa yang masuk kena kutip juga. Jadi, ini bukan perkara yang baru. Bolehlah kita lihat bukan negara kita sahaja yang berbuat demikian.

Tuan Wee Choo Keong: *(Bangun)*

Datuk Leo Moggie anak Irok: Jadi, Tuan Pengerusi, bagi pandangan Kerajaan . . .

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Beri jalan. Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu baru, boleh. *(Ketawa)*

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Yang baru, boleh. Terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri kata Kerajaan memang mesti ada tol di jalan bandaraya untuk menggunakan jalan . . .

Tuan Pengerusi: Dia kata bukan mesti. Dia kata mana yang feasible.

Tuan Wee Choo Keong: Tetapi rakyat jelata semuanya membayar road tax atau cukai jalan. Buat apa cukai jalan ini dikutip oleh Kerajaan? Road tax ini untuk membina jalan. Kenapakah Kerajaan tidak menggunakan kutipan road tax untuk membina jalan oleh kerana membina jalan atau memperbaiki jalan ini adalah tanggungjawab Kerajaan, bukan tanggungjawab rakyat, dan jalan di bandaraya ini mesti dibina oleh Kerajaan. Terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya beri terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana Tuan Pengerusi

sendiri telah memberi penjelasan. Saya tidak menyatakan jalan-jalan dari bandaraya mesti dikenakan tol. Saya tidak menyatakan demikian. Apa yang saya katakan tidak semestinya jalan-jalan di bandaraya tidak boleh dikenakan tol. Itu sahaja apa yang saya sebut.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Datuk Leo Moggie anak Irok: Bersabit dengan pandangan bahawa road tax sudah cukup beri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tak payahlah. Kita sudah panjang. Saya minta maaf kerana perkara ini sudah panjang.

Jadi, Tuan Pengerusi, untuk membangunkan jalan raya di negara, kita memerlukan peruntukan yang amat besar, yang amat besar sekali. Dan saya tahu juga bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang pun mengakui bahawa sekiranya kita hendak membina semua jalan yang diperlukan, memerlukan berbilion-bilion ringgit. Dan sudah tentu sekiranya kita mengharap hasil untuk pembinaan jalan dari hasil kutipan road tax memang kurang cukup, memang tidak dapat. Jadi, saya sukalah menarik perhatian untuk fahaman semua pihak bahawa oleh kerana kita memerlukan kewangan yang besar untuk membangunkan jalan-jalan raya yang baik, yang munasabah dan boleh digunakan, terpaksa lah sumbangan bersama dari pihak-pihak pengguna dan dari pihak-pihak Kerajaan juga sama dikira.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa saya sudah sebutkan apa yang saya hendak jelaskan tadi. Saya suka mengulangkan lagi perkara-perkara seperti berikut bahawa kutipan tol itu memang telah ada dan mengikut undang-undang boleh.

Dari segi soalan adakah Kerajaan membayar tuntutan-tuntutan pihak syarikat, sukalah saya menerangkan bahawa memang pihak syarikat ada membuat tuntutan untuk bayaran gantirugi sejumlah lebih dari \$100,000 sehari. Dari pandangan mereka, ini berasaskan dalam perjanjian. Dari pandangan Kerajaan, perjanjian itu ialah satu dokumen, terpaksa juga ditafsirkan oleh kedua-dua pihak. Jadi, setakat sekarang, Kerajaan belum ada membayar satu sen pun dari perkara itu. Ini saya suka hendak memberitahu sebagai rekod.

Dengan perkataan-perkataan saya itu, saya memberi terima kasih dan saya sukalah menyebutkan sekali lagi, saya fikir pihak-pihak yang berucap untuk mengemukakan usul ini walaupun di waktu berucap memberi gambaran bahawa mereka mementingkan awam dan sebagainya, saya berpendapat mereka lebih mementingkan politik mereka sendiri (*Tepuk*) dan yang itu jelas.

Kerajaan akan meneruskan urusan untuk menyelesaikan perkara dan masalah yang ditimbulkan mengenai soalan tol ini. Dan kita berharap perundingan akan dapat diteruskan dengan Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. Insya Allah, dengan pemilik-pemilik baru mungkin kita akan dapat penyelesaian yang kita harapkan. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu bahawa wang yang diperuntukkan bagi Maksud Bekalan B.52, Butiran-butiran 010000 dikurangkan sebanyak \$10.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG
DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1991**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1991**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang bahawa wang sejumlah \$407,521,300 untuk Maksud B.52 dan \$2,024,760,940 di bawah Maksud P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya sekali lagi dibuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat dari SibU.

6.21 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Maksud B.52, Butiran 04000 iaitu Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak. Jumlah peruntukan tahun 1991 telah ditambah kepada \$165,100,010. Bagaimanapun di bawah Tajuk 04—Lain-lain Jalan Raya Besar, peruntukan telah dikurangkan dari \$29,000,000 bagi tahun 1990 kepada \$26,000,010 bagi tahun 1991. Saya sangat merasakan bahawa jumlah ini sama sekali tidak mencukupi kerana geografi Sarawak juga sama luas dengan Semenanjung dan jalan raya selain berdekatan dengan kawasan bandar kebanyakannya adalah jalan-jalan yang tidak bertar.

Tuan Pengerusi, melihat kepada jalan-jalan yang cukup bertar baik di Semenanjung, masyarakat di Sarawak sangat berharap agar Kerajaan Persekutuan membaiki permukaan tar bagi jalan-jalan raya selain dari Jalan Besar Utama, Lebuh raya Pan Borneo dan Jalan ke Projek Letrik Hydro yang telahpun diperuntukkan sebanyak \$110 juta, \$26 juta dan \$2¹/₂ juta masing-masing untuk tahun 1991.

Tuan Pengerusi, kedua saya ingin merujuk kepada Butiran 04200 di bawah Tajuk 01 iaitu Penyiasatan dan Penyelidikan Jalan Raya di Sarawak, di mana peruntukan hanya ditambah sebanyak \$50,000 kepada \$¹/₂ juta pada tahun 1991. Jumlah ini masih terlalu

rendah jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan sebanyak \$5,934,690 untuk masa dari tahun 1986 sehingga 1989.

Tuan Pengerusi, ketiga saya ingin merujuk kepada Butiran 04300 iaitu Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak. Saya merasa gembira melihat peruntukannya telah ditambah dari \$14,818,000 pada tahun 1990 kepada \$28,200,000 pada tahun 1991.

Keempat, saya juga merasa gembira melihat di bawah Butiran 04600, Tajuk 01 iaitu Program Penyelenggaraan Jalan Raya/Latihan Kakitangan JKR. Peruntukannya telah ditambah kepada \$2 juta pada tahun 1991. Bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Kementerian mengenai masalah gaji pekerja harian JKR dan keistimewaan haruslah diberi perhatian sebab kebanyakan mereka juga ingin untuk mendapatkan sama keistimewaan dengan pekerja bulanan.

Kelima, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 10600 iaitu Rancangan-rancangan Bekalan Air Sarawak. Saya ingin tahu mengapa tidak ada peruntukan tetap diberi bagi tahun 1991. Untuk makluman Dewan yang mulia ini banyak sungai-sungai di Sarawak telah dicemari oleh kegiatan-kegiatan industri di sepanjang sungai sehingga penduduk-penduduk terpaksa minum air yang kotor dan kuning yang menjejaskan kesihatan rakyat di Sarawak. Oleh kerana itu air untuk luar bandar di Sarawak adalah satu soal paling penting untuk perhatian Kerajaan Persekutuan.

Keenam, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 11800, Tajuk 01—Membaiki dan Membarui Pejabat Daerah/Tanah di Sarawak. Peruntukan telah ditambah kepada \$1,800,000 pada tahun 1991 dari \$700,000 pada tahun 1990. Tetapi peruntukan ini masih rendah dari yang diperuntukkan bagi negeri Sabah yang mendapat \$2,719,000 bagi tahun 1991 walaupun Sabah lebih kecil dari Sarawak.

Ketujuh, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 12200, Tajuk 02—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan di Sarawak. Saya merasa gembira kerana peruntukan bagi tahun 1991 telah ditambah kepada \$6,850,000 dari \$1,450,000 pada tahun 1990 dan juga peruntukan bagi Meminda dan Membaharui Bangunan Kerajaan Persekutuan di Sarawak iaitu di bawah Butiran 12400, Tajuk 02 telah ditambah kepada \$3 juta bagi tahun 1991 dari \$2½ juta bagi tahun 1990.

Kelapan, Tuan Pengerusi, saya merasa dukacita melihat tidak ada sebarang peruntukan bagi Jentera-jentera Kerja Raya di Sarawak di bawah Butiran 16000, Tajuk 02 dan Jentera-jentera Baru dan Kelengkapan di Sarawak di bawah Butiran 16100, Tajuk 02 bagi tahun 1991. Saya pasti JKR di Sarawak memerlukan lebih banyak jentera dan kelengkapan untuk menghadapi pembangunan bagi memperbaiki infrastruktur di Sarawak.

Tuan Pengerusi, kesembilan, saya gembira melihat peruntukan bagi Rumah-rumah Pekerja/Rumah Kediaman Persekutuan di Sarawak di bawah Butiran 18100, Tajuk 02 telah ditambah kepada \$3,030,000 bagi tahun 1991.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Bagaimanapun, saya harus memberitahu Kerajaan Persekutuan bahawa kekurangan rumah kediaman pekerja JKR masih merupakan masalah besar di Sarawak. Dan peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sila gulung.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 18300, Tajuk 02 iaitu Mengubah Bentuk

dan Membaharui Rumah Kediaman di Sarawak. Peruntukan bagi tahun 1991 dikurangkan kepada \$¹/₂ juta dari \$762,000 pada 1990. Saya rasa jumlah ini tidak seharusnya dikurangkan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa bahagian peruntukan bagi Sarawak dari jumlah peruntukan sebanyak \$2,432,282,240 untuk Kementerian Kerja Raya masih jauh di bawah jangkauan. Dengan ikhlas, saya sangat berharap supaya Kerajaan Persekutuan akan memberi lebih banyak perhatian kepada pembangunan infrastruktur di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Sadong.

6.32 ptg.

Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.52 Butiran 04000 Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak, mukasurat 247 di bawah Tajuk 01 Jalan Besar Utama yang diperuntukkan \$110 juta tahun ini; Tajuk 02 Lebuhraya Pan Borneo—\$26.6 juta; Tajuk 03 Jalan ke Projek Letrik Hydro—\$2.5 juta; dan Tajuk 04 Lain-lain Jalan Raya Besar \$26 juta. Berjumlah \$165.1 juta.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas pertambahan sebanyak \$35.39 juta jika dibanding dengan tahun 1990 yang lalu. Apa yang hendak saya nyatakan di sini ialah sudah menjadi lazimnya peruntukan-peruntukan seperti itu diterima agak lewat dan biasanya sampai kepada warrant holder, dengan izin, dalam bulan April, Mei dan Jun, dan dalam bulan Ogos, September dan Oktober iaitu dalam dua peringkat. Sistem atau amalan ini boleh menjejaskan pencapaian sesuatu agensi itu sendiri dari segi perancangan dan implimentasi

projek-projek berkenaan. Jadi, saya mencadangkan peruntukan-peruntukan ini agar dapat dikirimkan seberapa segera yang boleh.

Mengenai Butiran yang sama di bawah Tajuk 02 Lebuhraya Pan Borneo. Di sini saya mencadangkan selain daripada kos penyelenggaraan, pengu-bahsuaian dan sebagainya, peruntukan sebanyak \$26.6 juta itu hendaklah dikhaskan juga untuk kajian yang terperinci atau feasibility study, dengan izin, ke arah satu design atau rekabentuk jalan yang lebih selamat dan selesa kerana mutu lebuhraya tersebut dari segi faktor yang saya nyatakan itu adalah jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan lebuhraya-lebuhraya di Semenanjung ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Tajuk 04 Lain-lain Jalan Raya Besar \$26 juta itu di bawah Butiran yang sama, saya mencadangkan agar \$3.5 juta dapat diperuntukkan bagi penurapan jalan-raya Bukit Punda, Simunjan untuk kepentingan dan kemudahan penduduk-penduduk di rumah-rumah panjang di sepanjang jalanraya tersebut. Tuan Pengerusi, sudah sekian lama sejak merdeka lagi kemudahan-kemudahan seperti ini belum tiba di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan Maksud Pembangunan P.52 Butiran 10600 Rancangan-Rancangan Bekalan Air Sarawak, mukasurat 249 di mana jumlah anggaran ataupun kos projek adalah \$355.55 juta. Setakat ini hanya \$176.8 juta sahaja yang telah dibelanjakan. Sejak tahun 1986 hingga tahun ini tidak ada peruntukan untuk Butiran ini. Saya minta penjelasan daripada Kementerian berkenaan atas sebab apa peruntukan bagi Butiran ini dihentikan, sama ada atas sebab-sebab yang Kementerian itu ketahui atau

sebaliknya. Kerana masalah membekalkan air yang selamat untuk pengguna-pengguna di Sarawak adalah masalah yang harus diberi perhatian yang khusus memandangkan kurangnya sumber-sumber air terutama sekali di kawasan-kawasan pesisiran dan pedalaman.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 11500 Bekalan Air Luar Bandar—Rancangan Khas bagi seluruh Malaysia, di mukasurat yang sama, Kerajaan telah memperuntukkan \$266 juta yang akan dibelanjakan dalam tahun ini. Saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat mengagihkan daripada Butiran ini seberapa banyak yang boleh kepada negeri Sarawak untuk mengimbangi Butiran 10600 yang telah saya sentuh tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyingkap kembali kepada persefahaman dan persetujuan yang telah dibuat dalam tahun 1976 di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan mengenai peruntukan bekalan air di Sarawak. Kerajaan Persekutuan telah memberi perhatian dan sokongan yang serius ke arah melaksanakan projek-projek bekalan air melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti JKR Sarawak, Lembaga Air Kuching dan Lembaga Air Sibu. Di dalam persefahaman dan persetujuan yang telah dicapai itu bahawa Kerajaan Pusat memperuntukkan 2/3 daripada kos projek dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab ke atas 1/3 lagi.

Tuan Pengerusi, apa yang hendak saya tekankan di sini ialah selalunya timbul banyak masalah terutama dari segi perancangan dan implimentasi disebabkan lambatnya peruntukan-peruntukan itu diterima dari Kerajaan Pusat. Begitu juga dari Kerajaan Negeri sendiri tentang masalah penyelesaian, pampasan tanah dan sebagainya.

Biarlah saya nyatakan sedikit sebanyak mengenai kadar perbelanjaan bagi tiga tahun kebelakangan ini untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan Kerajaan Persekutuan</i>	<i>Peruntukan Kerajaan Negeri</i>
1988	\$2.9juta	\$5.4juta
1989	\$5.0juta	\$4.0juta
1990	\$1.64 juta	\$6.85 juta

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wahab bin Suhaili: Oleh kerana timbulnya ketidakseragaman dalam peruntukan dan tidak seiring dengan persefahaman tadi, saya mencadangkan agar Kerajaan menyemak semula formula ini mengenai projek-projek bekalan air di Sarawak. Jika kemudahan-kemudahan lain seperti bekalan elektrik ke luar-luar bandar dan jalan-jalan ke luar bandar dapat ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan seratus-peratus, saya tidak faham mengapa bekalan air ke luar-luar bandar itu tidak dapat dibuat sedemikian.

Justeru itu, saya yakin dan percaya, perasaan kenegerian, kedaerahan dapat kita bendung. Matlamat kita semua ialah melalui kemudahan pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan ini, sedikit sebanyak dapat mengarah kita ke arah memupuk integrasi nasional dan perpaduan kebangsaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Klang.

6.41 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 02300, Maksud B.52—Lembaga Lebuhraya Malaysia, mukasurat 246.

ini ialah jalan utama menghubungkan Pelabuhan Kelang dan Kuala Lumpur sebagai ibunegara. Kesibukannya hanya boleh dirasakan jika kita berdiri di tepi jalan dan melihat sendiri kenderaan yang melaluinya tidak putus-putus, baik waktu siang ataupun mahupun malam.

Pada masa ini lorong-lorong lebuhraya itu menjadi dua lorong di depan Subang Jaya hingga bandar Kelang; dari tiga lorong ke Petaling Jaya, lebuhraya menjadi dua lorong di depan Subang Jaya dan Simpong ke Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Saya ingin mencadangkan supaya lebuhraya ini dijadikan tiga lorong iaitu ditambah selorong lagi di kiri-kanan lebuhraya. Perkara ini boleh dilakukan kerana jarak antara Subang Jaya ke Kelang tidak jauh. Saya mencadangkan supaya peruntukan untuk projek ini diadakan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, atas perkara yang sama, saya ingin menyentuh Bulatan Persiaran Sultan Ibrahim berdekatan Pusat Bandar Kelang yang menjadi penghubung antara Kuala Lumpur dan Kelang. Di situ kalau kita perhatikan sekarang, kesesakan memang teruk kerana semua kenderaan dari arah Kuala Lumpur terpaksa menempuh bulatan tersebut. Sekarang bulatan itu tidak lagi sesuai bagi menampung jumlah kenderaan yang semakin banyak. Saya ingin mencadangkan supaya satu persimpangan bertingkat atau jejambat dibina di situ. ni akan membolehkan kenderaan yang datang dari arah Kuala Lumpur terus melalui ke persimpangan bertingkat atau jejambat tanpa perlu menempuh Bulatan Persiaran Sultan Ibrahim.

Saya ingin menyeru Menteri supaya mengambil perhatian berat permintaan ini kerana ini merupakan permintaan rakyat sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lumut.

6.48 ptg.

Datin Ling Chooi Sieng (Lumut): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada mukasurat 241, Butiran 20000 di bawah Program 020300, Kod 20000, Perkhidmatan dan Bekalan, (ii) Program 020400 di bawah Kod 20000 dan 50000. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Kayan Highway di kawasan saya. Saya telah meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan juga diberitahu bahawa Lebuhraya Kayan akan disiapkan pada bulan April, 1991.

Saya telah balik ke kawasan saya beberapa kali selepas penjelasan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi setiap kali saya melalui jalan tersebut, saya berasa amat hampa dan sedih apabila saya melihat hanya beberapa orang sahaja pekerja yang bekerja setiap hari.

Saya bimbang jalan sepanjang dua puluh kilometer itu tidak mungkin disiapkan pada bulan April tahun ini jika keadaan sedemikian berterusan. Saya berharap Menteri dapat berkunjung ke tempat tersebut sebelum mengesahkan hari Kelengkapan Lebuhraya Kayan itu. Saya ulangi apa yang saya suarakan bulan lepas, sudah tiga tahun, Tuan Pengerusi, berlalu sejak permulaan pembinaan lebuhraya itu. Saya difahamkan tempoh tiga tahun adalah mencukupi untuk membina satu lebuhraya dari Muar ke Johor Bahru sepanjang 200 kilometer dan saya juga tahu Penang Bridge, dengan izin, dibina dalam tempoh dua tahun sahaja dan kini seorang kontraktor telah mengambil masa tiga tahun untuk membina sebuah lebuhraya sepanjang 20 kilometer. Saya berharap tindakan yang sewajarnya diambil terhadap kontraktor yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, lebih teruk lagi, pembinaan lebuhraya tersebut yang lebih tinggi dari kawasan sekeliling telah menyebabkan banjir di kawasan sekitar

akibat dari ketiadaan longkang. Penduduk-penduduk di kawasan tersebut telah menderita selama tiga tahun akibat daripada banjir dan habuk ekoran daripada pembinaan lebuhraya tersebut yang sepatutnya memberi kemudahan kepada mereka. Saya juga berharap kesusahan dan penderitaan penduduk-penduduk di sekitar tempat itu dapat diselesaikan oleh Menteri secepat yang mungkin. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan untuk mempercepatkan projek ini kerana saya tidak mahu berdiri di Dewan yang mulia ini apabila Parlimen bersidang lagi dalam bulan Jun dan meminta penjelasan lagi daripada Menteri mengenai lebuhraya ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

6.53 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud Pembangunan P.52, mukasurat 248, Butiran 074000—Rancangan Bekalan Air Negeri Melaka di mana sebanyak \$13 juta diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin melahirkan perasaan yang amat kesal dan marah juga ke atas bencana ketiadaan air di negeri Melaka yang kini melanda negeri Melaka lebih dari dua minggu. Satu peristiwa memalukan yang pertama sekali berlaku di negara kita. Kesal dan marah kerana kelalaian, ketidakcekapan dan ketidak bertanggungjawabnya Kerajaan Barisan Nasional negeri Melaka mengakibatkan ketiadaan air. Bukan kerana kemarau seperti yang didakwa oleh Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, tetapi kerana kemarau buatan manusia, khususnya buatan Ketua Menteri Melaka—buatan Barisan Nasional.

Ini boleh ditunjukkan dalam kenyataan Jabatan Kajicuaca pada 9hb Januari 1991 di semua suratkhbar bahawa musim kemarau bermula sejak 18hb Disember tahun lepas di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, utara Perak dan Pahang Barat, manakala musim kemarau hanya bermula di Melaka sejak 4hb Januari tahun ini.

Tuan Pengerusi, mengapakah negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak menghadapi musim kemarau yang jauh lebih awal dari negeri Melaka, tetapi mereka tidak mengalami bencana ketiadaan air, tetapi di negeri Melaka, “special”, dengan izin, yang menghadapi musim kemarau lebih lewat lagi, tetapi tidak ada setitik air pun.

Apakah teruk sangat ini, pengurusan air oleh Lembaga Air Melaka dan pihak Kementerian yang mengawalnya? Seperti yang dinyatakan oleh lidah pengarang *New Straits Times* hari ini, banyak negeri pernah menghadapi musim kemarau dengan berjaya seperti Perlis dan Kedah, tetapi tidak seperti negeri Melaka yang hanya cuba mencatu air apabila empangan air Durian Tunggal sudah kering kontang. Mengapakah pihak yang berkuasa yang sudah tahu mengenai masalah yang begitu kritikal ini tidak terlebih awal mencari sumber-sumber air yang lain untuk menghadapi masalah ini? Sumber-sumber lain seperti kolam-kolam air dan sungai-sungai, tetapi hanya berusaha berbuat demikian apabila sudah ketiadaan air. Ini telah menyebabkan rakyat Melaka ketiadaan air langsung dua minggu.

Cuba ingat, kalau di Iraq ibu kota Baghdad sudah ketiadaan air, di negeri Melaka seperti satu kawasan perang, tidak ada air. Kita boleh tahu bagaimana susahnya penderitaan yang dialami oleh rakyat dan apakah pihak Kementerian sedar bahawa terdapat banyak penderitaan

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kota Melaka, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak! Kerana kecederaan tulang belakang, kes-kes typhoid dan juga kematian berlaku kerana mengangkut air ini. Satu kes kematian yang pertama di kawasan saya sendiri di Lorong Pandan, seorang budak yang berumur dua tahun, Mohd. Fairuz bin Mohd. Raslan mati lemas di air perigi yang digali oleh bapanya kerana tidak ada air dan ini secara tidak langsung adalah tanggungjawab Kerajaan. Dua darah sudah ditumpah. Ini akibat ketidakcekapan dan tidak bertanggungjawabnya negeri Melaka.

Kedua, seorang budak yang mengangkut air dilanggar oleh sebuah lori dekat Cheng, bukan kawasan saya, tetapi berhampiran dengan kawasan saya. Ketiga, seorang perempuan mati sakit jantung

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tak kasi! sakit jantung kerana mengangkut air. Sehingga hari ini, keadaan masih tidak bertambah baik terutama sekali kepada mereka yang tinggal di kawasan tinggi. Sejak beberapa hari yang lepas, rakyat Melaka dibenarkan, atau mempunyai peluang mendapat air paip selama lapan jam, tetapi sebenarnya hanya empat jam atau lima jam dan di kawasan tinggi seperti di rumah pangsa, tidak dapat air langsung dan air yang dibekalkan oleh tangki-tangki lori ialah air kotor, air yang tidak boleh digunakan langsung—air yang tercemar.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, ini adalah kegagalan sistem kejuruteraan, kawalan, perancangan, rekaan dan nasihat teknik yang berlaku di negeri Melaka, dan Tuan Pengerusi, saya amat marah—amat marah kerana apabila bencana ketiadaan air berlaku pada minggu pertama, tangki lori pun tak cukup. Tujuh buah sahaja untuk seluruh negeri dan pihak Kerajaan tidak boleh menempah lebih banyak tangki lori untuk memberikan air kepada rakyat. Selain daripada kesan-kesan ini, maruah dan prestasi negeri Melaka terjejas. Banyak kilang sudah menyatakan bahawa mereka hendak pindah ke negeri lain dan ada juga mereka yang tidak boleh bekerja kerana kilang tidak mahu beroperasi dengan sepenuhnya.

Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian. Kerajaan Negeri Melaka tidak payah cakup, sudah tidak guna langsung, Kerajaan Negeri Melaka BN sudah tidak guna langsung. Ketua Menteri sebagai Pengerusi Lembaga Air Melaka juga tidak guna langsung. Tidak mengambil kira, hirau masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Dan saya hendak bertanya, mengapakah keadaan sebegini boleh berlaku dan saya difahamkan bahawa ada seorang pegawai Kementerian Kerja Raya yang bertugas dalam penal Lembaga Air Melaka untuk memberikan nasihat teknik atau untuk mengawal selia apa yang dijalankan oleh LAM. Saya hendak bertanya mengapa kalau dia ditugaskan untuk berbuat demikian keadaan seperti ini boleh berlaku, dan saya tidak mahu dengar kerana air tidak turun di kawasan ampangan, kawasan tadahan air, ini tidak mungkin berlaku, tengok di negeri-negeri lain yang

menghadapi kemarau yang lebih awal, mengapa mereka tidak menghadapi masalah yang sama. Ini tidak masuk akal langsung.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol (Alor Gajah): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Point of order 36 (6).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order berapa itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: 36 (6), seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa Ahli lain.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, 36 (6)—sangkaan jahat.

Tuan Lim Guan Eng: Kepada siapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Kepada Ketua Menteri Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan sangkaan jahat, ini sangkaan tepat. Dia tidak ambil kira apa yang berlaku. Dia sebagai seorang Pengerusi Lembaga Air Melaka mesti bertanggungjawab. Sekarang Negeri Melaka menjadi bahan ketawa seluruh negara Malaysia. Tetapi kepada mereka yang tahu penderitaan, ini bukan satu bahan ketawa.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak mahu, saya tidak ada masa. Kalau Yang

Berhormat mahu, Yang Berhormat pulang ke kawasan sendiri dan tengok dengan mata sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar. Selepas ini Menteri menjawab. Kita ada satu lagi Kementerian untuk hari ini.

7.02 mlm.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memang berterima kasih banyaklah, oleh kerana memberi peluang kepada saya kerana saya ini datang daripada Sarawak. Di Sarawak itu tidak ada jalan, jadi itu sebabnya orang Sarawak diberi banyak peluang. Terima kasih.

Yang pertama, biarlah saya memberi satu soalan kepada Menteri. Pada tahun 1988, pihak JKR Sarawak pernah menulis kepada Kementerian untuk minta ditambahkan pegawai dalam Jabatan Kerja Raya dan permintaan mereka ialah termasuk jurutera-jurutera, surveyor, system analyst, statistician, work suprintendent, clerk dan clerical staff, typist dan semua sekali 19 orang anggota.

Dalam surat yang sama juga mereka menggesa iaitu diadakan maintenance unit di Jabatan JKR Sarawak yang mana mengikut laporan mereka tidak ada mempunyai unit maintenance, bahkan di negeri-negeri yang lain, unit ini telah diadakan beberapa tahun seperti di Sabah telah diadakan selama 10 tahun, kerana pada masa sekarang hal maintenance ataupun baikpulih

jalanraya telah dikendalikan oleh Cawangan Jalanraya itu sendiri. Dalam unit ini juga disyorkan untuk mengadakan beberapa orang jurutera-jurutera dan ahli-ahli yang lain. Dengan itu saya bertanya kepada pihak Menteri, apakah jawapan Kementerian dan apakah keputusan Kementerian untuk menunaikan permintaan yang begitu wajar dan tepat sekali. Memandangkan keadaan-keadaan jalanraya ataupun jalan yang hendak dibina sebagai jalanraya di Sarawak.

Percakapan saya ini adalah berbangkit daripada Maksud Bekalan 52—Kementerian Kerja Raya, Butiran 010000—Pengurusan JKR. Minta maaf, ini disebutkan kemudian, patut disebut dahulu tadi.

Daripada itu biarlah berpindah ke tempat lain, oleh kerana 10 minit sahaja. Biarlah saya berpindah kepada mukasurat 247 iaitu Butiran Projek 040000—Pembinaan Jalan Raya Besar di Sarawak. Di bawah tajuk 01—Jalan Besar Utama. Biarlah saya rangkumkan sekali dengan 02 iaitu Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Pengerusi, bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan para hadirin sekalian, biarlah saya menjelaskan iaitu Sarawak terbahagi kepada dua, iaitu jalanraya besar yang dijangkakan siap yang dirancangkan daripada Sematan sampai ke Miri sepanjang 927 kilometer dan satu lagi jalan iaitu dipanggil Pan Borneo Highway yang kadang-kadang disalah anggapkan sebagai jalanraya daripada Sematan ke Lawas iaitu Pan Borneo Highway sepanjang 153 kilometer.

Tuan Pengerusi, satu ketika dahulu rakan saya daripada Bukit Mas mencadangkan supaya Datuk Jins Shamsuddin dipanggil untuk mengarah satu legenda jalanraya di Sarawak. Cerita legenda tetapi ini telah jadi legenda jalanraya Sarawak ini. Jalanraya Sarawak ini telah dirancang di

zaman British dahulu, zaman colony tahun 1962/1963, sepanjang 927 kilometer, sampai sekarang jalanraya ini belum siap lagi. Pada tahun 1963 jalanraya ini telah disiapkan sebanyak kurang lebih 200 kilometer iaitu daripada Kuching ke Sri Aman. Dahulu dipanggil Simanggang. Jadi, pada 27 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia, kita telah siap membinakan jalanraya sepanjang 430 kilometer kurang lebih, iaitu dengan hitung panjang iaitu 15 kilometer dalam setahun, maknanya kita boleh membina jalan 1/4 kilometer sebulan. Ini satu rekod yang handal sekali. Dengan itu juga, biarlah saya menyebutkan iaitu jalanraya yang belum terbina dan belum disurface sekarang ialah 297 kilometer. Dan jalanraya ini kalau diikuti rekod yang kita ada pada masa sekarang mungkin akan siap 19 tahun lagi. Dengan itu insya Allah jalanraya Sarawak dalam masa 46 tahun akan siaplah dia nanti. Mungkin saya pun tidak ada lagi di sini.

Kawasan yang 297 kilometer yang belum disiapkan itu pada masa sekarang, saya menjemputlah kalau EON hendak membina kereta baru datanglah ke Sarawak untuk menguji-kan kereta itu tahan/tidak tahan. Sebab tahun 1988 dia datang ke Sarawak menguji kereta Proton Saga, sekarang ada satu lagi Proton Limousine itu boleh datang mengujikan lagi kuat/tidak kuat kereta itu. Jadi, semua kawasan ini dibahagi kepada beberapa bahagian yang telah ditenderkan dan tendernya saya telah difahamkan sudah ditandatangani di antara kontraktor-kontraktor dengan pihak JKR. Dan cuma tinggal dua lagi, iaitu jalanraya Miri/Bintulu ke Sungai Suai daripada Niah—27 kilometer. Tender ini dikatakan akan pupus pada 28/9/90 dan satu lagi di Ulu Batang Oyak—Ulu Batang Mukah—28.8 kilometer, tender validity pun sampai 26/8/90. Tender ini telah diterima oleh pihak Perbendaharaan tetapi belum dilulus ataupun authorisation letter belum lagi

diberi oleh pihak Kementerian. Soalan saya kenapakah authorisation letter ini dilambat-lambatkan sangat, sudahlah kita mempunyai rekod 27 tahun tidak siap jalan, ini tender pun dilambat-lambatkan, soalan saya kenapa. Soalan kewangan dan berapa perbelanjaan telah dibangkit oleh kawan saya daripada Batang Sadong tadi, Batang Lupar buat cerita lain.

Jadi, berbalik saya kepada 041000—Memperbaiki lain-lain jalan besar. Peruntukan ini telah disediakan di sini \$3.1 juta, untuk memperbaiki jalan di sana, jadi jalan ini saya patut membangkit cerita ini Kementerian lain tetapi masalahnya banyak sangat sangkut menyangkutnya, ikat mengikat di sana-sini. Masalah kerosakan jalanraya di Sarawak ialah oleh kerana tidak penguatkuasa undang-undang oleh pihak polis, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan tidak ada way bridge untuk menyukat dan adakah masalah pengangkutan, keberatan kayu diangkat oleh kayu balak, by metrik tonne, belum lagi diselesaikan oleh pihak Kementerian, yang tertentu. Jadi, jalanraya yang dibina pada hari ini akan rosak pada hari besok.

Jadi saya menyerulah pihak Kementerian ini untuk mengkoordinatkan masalah-masalah ini supaya jalan raya yang dibina pada hari ini tidak dirosakkan oleh kayu balak pada hari esoknya, dan ini juga akan merugikan pihak Kerajaan

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sila gulung.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau hendak gulung itu saya tidak ada masalah, saya minta maaf, sedikit sahaja lagi.

Berpindah saya ke tempat lain iaitu Butiran 04300—Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak. Di sini diperuntukkan \$28,200,000 jadi jalan-

jalan pembangunan itu banyak sekali oleh kerana Sarawak memang tidak ada jalan langsung. Apa yang dikatakan lebuhraya di Sarawak itu sebenarnya “labuhraya”, cakap Iban “labuhraya” maknanya “jalan jatuh”, itu dia, tidak ada lebuhraya, tetapi labuhraya. Jadi jalan pembangunan di Sarawak ini banyak yang dibuat, tetapi tidak siap dibuat dengan laterite, hari ini hujan turun besok semua laterite itu hilang, jadi hutan belukar semula. Jadi tolonglah buat jalan raya yang baik sedikit.

Pembangunan di kawasan saya ada satu jalan daripada Sebangon pergi ke Sebuyong tidak panjang, barangkali 5 kilometer sahaja, sampai sekarang tidak jadi, hutan itu sudah tumbuh semula di tempat itu, bukan menjadi kemudahan bahkan menjadi satu kesukaran kepada orang di kawasan itu. Dengan itu saya menyeru kepada Kementerian supaya jalan raya-jalan raya di Sarawak biarlah disiapkan dengan seberapa cepat yang boleh, tak ada lain permintaan saya, itu sahaja. Pada 3 hari yang lepas ada seorang pemandu Limousine membawa saya datang ke sini, “Sir”, dia kata kalau

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit. Kalau jalan raya di Sarawak itu siap dibina “boom”, kata dia, pembangunan Sarawak berlaku. Kementerian sepatutnya tahu juga “boom” mungkin berlaku kalau pembinaan jalan raya disiapkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri sila menjawab, sudah bagi notis tadi ya.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap di waktu membahaskan peruntukan Kementerian Kerja Raya.

Terlebih dahulu saya suka menyentuh soal-soal jalan di negeri Sarawak sendiri yang telah disuarakan oleh tiap-tiap Ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak, bukan sahaja di waktu perbahasan pada petang ini, tetapi juga di tiap-tiap perbahasan Parlimen memanglah kita mendengar aduan-aduan yang telah dikemukakan oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya sendiri pun berasal juga dari negeri Sarawak dan juga memahami keadaan bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan saya sendiri pun juga bersetuju dengan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa jalan raya di negeri Sarawak kedudukannya sekarang memang kurang memuaskan. Begitu juga, Tuan Pengerusi, bagi jalan raya di negeri Sabah, jalan raya bagi negeri Tuan Pengerusi sendiri. Walau bagaimanapun seperti memang lazim dalam urusan Kerajaan tiap-tiap tahun atau tiap-tiap 5 tahun kita mengadakan plan dan peruntukan untuk membina termasuk juga pembinaan jalan-jalan raya dan peruntukan juga diagih bagi membina banyak juga jalan di negeri Sarawak yang kurang memuaskan.

Pada pengalaman saya sendiri semenjak saya menjadi Menteri Kerja Raya dalam lebih setahun yang lepas, peringkat pelaksanaannya kurang memuaskan. Pada ketika dahulu kekurangan-kekurangan ini oleh kerana

kedudukan pihak kontraktor sendiri yang telah diamanahkan dalam kontrak kurang mempunyai pengalaman dan kurang mempunyai kedudukan kewangan dan sebab itu mereka kebanyakan juga gagal untuk melaksanakan kontrak dengan jayanya. Disebabkan itu beberapa kontrak yang telah dilaksanakan dahulu terpaksa ditamatkan dan setelah ianya ditamatkan memerlukan cara prosidur untuk memilih bakal-bakal kontraktor-kontraktor yang baru. Ini kedudukan kebanyakan bahagian jalan-jalan di negeri Sarawak sekarang, lebih-lebih lagi jalan-jalan utama yang sepatutnya memang sudah diturap.

Sekarang memang masih ada beberapa bahagian belum diseal lagi dan kita berharap ianya dapat diseal semula atau semuanya pada tahun 1993. Kita berharap pelaksanaan ini dapatlah dijayakan dalam setahun dua tahun yang akan datang ini dan bagi tujuan ini suatu Jawatankuasa bersama untuk mengawasi pembinaan jalan di negeri Sarawak, bukan sahaja jalan termasuk juga rancangan-rancangan Kerajaan Persekutuan di negeri Sarawak yang diuruskan oleh Kementerian Kerja Raya, akan diurus bersama oleh suatu Jawatankuasa bersama di antara Kementerian dan juga wakil-wakil Kerajaan Negeri Sarawak sendiri sebagai satu langkah untuk kita mencari jalan mempercepatkan pelaksanaannya.

Dua kontrak yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong tadi, anehnya oleh kerana kita masih memerlukan kajian bagaimana-pilih pemilihan kontraktor ini dilakukan dan sekarang ini kita masih mengkaji kedudukan itu. Walaupun kita hendak mempercepatkan pelaksanaan mana-mana satu projek, kita berharap dapat menentukan bahawa kontraktor yang dipilih, dipilih mengikut cara-cara yang biasa prosidur-prosidur yang betul, yang baik dan sebagainya. Jadi, sekarang kita hendak menentukan ianya prosidur yang

memang diamalkan oleh Kerajaan tepat dipilih dengan betul sebelum Kerajaan dapat membuat keputusan. Itu sebagai ulasan saya bagi soalan-soalan yang dikemukakan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong ada juga menyeru bahawa peruntukan patut disalurkan awal-awal lagi. Memang ini suatu masalah yang timbul bukan dalam Kementerian Kerja Raya, timbul juga dalam Kementerian-kementerian yang lain dan Kerajaan memang sedar kedudukan ini berlaku. Bagi pembinaan jalan di negeri Sarawak, walau bagaimanapun saya berpendapat sebenarnya masalahnya bukan dari kelewatan peruntukan itu disalurkan akan tetapi berasaskan punca-punca kontraktor-kontraktor yang kurang mempunyai keyakinan, kurang mempunyai kepakaran dahulu, itulah sebabnya kelewatan dalam itu melaksanakan banyak projek.

Yang Berhormat dari Lumut ada juga menyentuh kelewatan pelaksanaan jalan di Lumut. Saya sukalah memberi penerangan memang ada kelewatan juga timbul dari masalah kontraktor dan pihak Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya sendiri sedar kedudukan ini dan kita berharap ianya dapat disiapkan sebelum akhir tahun ini pembinaan jalan itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Klang ada menyentuh bersabit dengan soalan pembinaan jalan, asasnya beliau mengatakan sekiranya dia ditanya adakah pembinaan jalan patut diswastakan atau tidak, beliau mengatakan pandangan dia tidak patut, lebih baik dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Saya sukalah menjelaskan, Tuan Pengerusi, peruntukan atau kewangan seperti yang saya sebut di waktu perbahasan atas Usul yang dibahas awal pada petang ini memang memerlukan perbelanjaan yang besar. Kalaulah kita menunggu peruntukan yang boleh

diagihkan oleh Kerajaan semata-mata, saya fikir cara atau kemampuan kita untuk membina jalan yang diperlukan di negara ini tidak akan dapat dicapai. Oleh itu kita terpaksa meminta bantuan dan menerima bantuan dari pihak swasta yang mempunyai modal wang, yang mempunyai kepakaran untuk melaksanakan projek itu. Kalaulah mereka melaksanakannya mereka juga terpaksa mendapat pulangan hasil dari pelaburan yang telah disalurkan, sedikit sebanyak kita juga memerlukan itu untuk membenarkan bagi membantu mereka membina jalan. Pendek kata saya memikirkan saya memikirkan privatisation ini ialah suatu polisi pembinaan jalan yang Kerajaan bercadang akan meneruskan dan bukan sahaja kita melaksanakan jalan-jalan yang telah diswastakan bahkan jalan-jalan yang lain yang mungkin sesuai untuk diswastakan boleh juga dipertimbang untuk diswastakan kelak. Jadi soalan sama ada diswastakan ataupun tidak itu saya sukalah memberi penjelasan iaitu Kerajaan memanglah berpendapat bahawa penswastakan jalan akan diteruskan.

Bersabit dengan kesesakan lalulintas yang timbul setelah dibuka kepada lalulintas New Klang Valley Express way, itu memang berlaku. Saya sendiri pun mengaku dan Kerajaan juga mengaku yang menyebabkan jalan di Damansara mendapat kesesakan. Kementerian Kerja Raya bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang meneliti untuk merancang memperluaskan lebar jalan dari Damansara ke Bukit Kiara dan sesudah itu siap nanti, kita berharap akan dapat mengurangkan kesesakan. Sebaliknya dari itu sekiranya New Klang Valley Express way ini siap sampai ke Sungai Buluh Interchange dan sebagainya, sudah tentu lalulintas dari Kelang ke utara tidak akan masuk ke Bandar Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mengambil peluang untuk memberi penerangan sedikit bersabit dengan kedudukan air di negeri Melaka yang memang menjadi suatu masalah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi. Sebenarnya kekurangan air ini memang kita sudah tahu dalam beberapa minggu yang lepas. Saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan juga memandang berat kedudukan yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, kedudukan air selaras dengan Peruntukan Perlembagaan Persekutuan ialah memang di bawah bidang tugas Kerajaan Negeri. Oleh itu, kita terpaksa berhubung dengan Kerajaan Negeri Melaka dan susah bagi Kerajaan Persekutuan untuk secara unilateral mengambil tindakan yang mungkin kita cadangkan.

Apa yang kita telah buat ialah membantu Kerajaan Negeri. Dalam dua minggu yang lepas Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak \$8 juta sebagai tindakan "emergency step" untuk membantu Kerajaan Negeri menghadapi kedudukan bekalan air yang kurang sekarang. Itupun memang kita mengakui kurang memuaskan dan tidak akan dapat menghadapi masalah yang timbul di sana. Oleh itu, di waktu Kabinet bermesyuarat pagi tadi, perkara ini juga dipersoal dan dipertimbangkan semula. Saya suka memberi keterangan bahawa dalam mesyuarat itu Kabinet bersetuju bahawa Kerajaan Negeri Melaka diminta membuat siasatan yang rapi atau membuat investigation, dengan izin, apakah sebab kedudukan bekalan air itu berlaku dan apakah alasan yang boleh mereka terima yang mengatakan keadaan itu berlaku sehingga sekarang dan saya sendiri telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya untuk berhubung dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

untuk meminta Kerajaan Negeri Melaka mengadakan investigation yang rapi bersabit dengan kedudukan bekalan air ini.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pihak Kementerian mempunyai kuasa atau ada satu panel untuk mengawalselia tugas-tugas yang dijalankan oleh LAM dan kalau ada mengapakah keadaan yang begitu teruk ini tidak boleh dielakkan.

Kedua, adalah jelas bahawa LAM dijalankan dengan secara tidak profesional dan tidak bertanggung-jawab. Saya hendak mencadangkan bahawa pihak Kementerian mengambil-alih tugas-tugas LAM kerana ia diketuai oleh pemimpin-pemimpin politik seperti Ketua Menteri Melaka yang tidak tahu fasal air. Sepertimana yang ditunjukkan bahawa catuan air patut sudahpun dibuat pada tahun yang lepas kerana air di ampangan air sudah sampai ke satu paras yang merbahaya. Tetapi beliau enggan berbuat demikian kerana untuk tujuan politik kerana ada pilihanraya umum pada tahun yang lepas. Saya harap pihak Kementerian mengambil-alih tugas pembekalan air untuk rakyat Melaka supaya keadaan yang amat menyedihkan ini tidak akan berlaku lagi.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk campur-tangan dengan apa yang berlaku di antara politik Ahli Yang Berhormat dari Melaka dengan politik Ketua Menteri Melaka atau Kerajaan Negeri Melaka. Biarlah saya terus jawab, itu preliminary sedikit.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri Melaka menunaikan tanggungjawabnya dengan baik tetapi apa yang berlaku, kita janganlah membuat anggapan yang tidak-tidaknya sebelum kita mendapat keterangan yang lebih teliti dan lanjut. Oleh sebab itu perlu investigation yang kita cadangkan Kerajaan Negeri buat itu dilakukan dahulu. Hasil dari investigation itu mungkin kita boleh mendapat lebih tepat lagi apa sebenarnya kedudukan yang telah wujud itu.

Tuan Pengerusi, soalan bekalan air ini seperti yang saya sebutkan tadi memanglah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan memang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan tindakan itu dan oleh kerana kita ada menyalurkan beberapa bantuan kewangan secara pinjaman, kita juga merasa ada baik kalau kita mendapat report dan laporan dari Kerajaan Negeri selepas mereka mengadakan investigation yang kita cadangkan itu.

Tuan Pengerusi, sebagai satu langkah yang membantu kedudukan bekalan air dalam tahun yang akan datang di Negeri Melaka, Kabinet pagi ini juga meluluskan cadangan bahawa suatu projek untuk membangunkan suatu apa yang dikatakan banded storage di antara barat dan Endik di Bertam dibina dan selepas itu air dipam dari Sungai Melaka ke banded storage itu dan dibawa menerusi paip kepada empangan Durian Tunggal untuk membantu menakung air dalam empangan Durian Tunggal. Sekiranya kita membenarkan takungan itu berasaskan dari hujan sahaja, mungkin mengambil masa dua tiga tahun. Oleh itu kita bercadang supaya projek ini dibina dan Kabinet pagi tadi meluluskan pinjaman Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk membantu Kerajaan Negeri dan membangunkan projek ini.

Bukan setakat itu sahaja, kita juga merasa bahawa dalam jangka masa panjang suatu kajian atau suatu lagi punca air perlu dipertimbangkan dan Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Melaka dan juga Kerajaan-Kerajaan Negeri lain yang mungkin terlibat akan meneliti manakah satu projek yang boleh menampung keperluan air dalam masa panjang kepada negeri Melaka.

Tuan Pengerusi, saya fikir itulah sahaja bagi jawapan saya, tak payahlah kita . . .

Tuan Lim Guan Eng: Bilakah keadaan bekalan air akan dibaik pulih supaya bekalan air dapat disambung seperti biasa, bila? Satu bulan, satu minggu atau satu tahun? Itu yang rakyat negeri Melaka hendak tahu.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa menjelang Tahun Baru Cina bekalan air yang mencukupi boleh diberikan. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Pengerusi, kita memang sedar tidak ada siapa yang suka hendak menyusahkan rakyat. (*Tepuk*) Kerajaan akan sentiasa mencari jalan untuk meringankan beban yang telah dihadapi oleh penduduk-penduduk di negeri Melaka. Kerajaan Negeri Melaka sendiri telah mengambil beberapa langkah yang tepat untuk membantu mengadakan kedudukan air itu baikpulihan, tetapi kita tidaklah dapat menjamin bahawa kekurangan air yang berlaku itu dapat diatasi seratus peratus, itu memang tidak, kekurangan itu memang masih lagi berlaku. Oleh sebab itu, kita telah meluluskan pembinaan satu projek untuk mengurangkan kekurangan yang mungkin berlaku juga tahun hadapan. Itu penjelasan. Jadi, saya fikir sudahlah bagi kita menentukan bahawa bukan . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Kalau ditanya kepada saya sama ada setuju atau tidak projek-projek jalan raya diswastakan oleh Kerajaan dan kemudian pihak Kerajaan membenarkan syarikat swasta mengutip wang, menerusi kutipan tol untuk jangkamasa yang panjang, saya sama sekali tidak akan bersetuju. Ini kerana Kerajaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas termasuk pembinaan jalan raya yang merupakan tanggungjawab yang tidak boleh dipertikaikan lagi.

Tuan Pengerusi, walau apapun bantahan saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bantahan itu tidak akan memberi kesan kepada ketamakan pihak berkuasa untuk mengaut keuntungan menerusi perangkap plaza toll yang dibina merintang jalan raya atau lebuhraya seluruh negara. Apa tidaknya, setakat ini berapa banyak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menswastakan projek-projek jalan dan lebuhraya kepada UEM, PLUS, sehinggakan projek Tambak Kedua Johor—Singapura pun diserahkan kepada UEM tanpa memberi kesempatan kepada syarikat-syarikat lain.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan Lebuhraya Bukit Raja—Damansara yang dibina untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di Lebuhraya Persekutuan Kuala Lumpur—Kelang dan untuk mempercepatkan perjalanan antara Kelang atau Pelabuhan Kelang dan Kuala Lumpur.

Kerajaan sekali lagi membenarkan UEM memasang jerat dengan menekankan bayaran tol yang tinggi bagi kenderaan yang melalui jalan tersebut. Tuan Pengerusi, kutipan tol yang dikuatkuasa bermula pada 1hb Januari, 1991 mengenakan bayaran yang berbeza, yang tinggi berdasarkan kelas kenderaan. Misalnya:

- (1) Jarak antara Bukit Raja—Subang dikenakan antara 60 sen—\$3.00.

- (2) Jarak antara Subang—Damansara dikenakan antara 20 sen hingga 90 sen.

- (3) Jarak antara Damansara—Bukit Raja dikenakan antara 70 sen hingga \$3.60 sen.

Apa yang berlaku sekarang kebanyakan kenderaan masih menggunakan Lebuhraya Persekutuan untuk mengelakkan bayaran tol dan Lebuhraya Damansara—Bukit Raja menjadi lengang kerana tidak banyak kenderaan yang melalui jalan itu. Dari banyak kaunter kutipan di plaza tol hanya sebuah kaunter sahaja dibuka. Ini menggambarkan lebuhraya ini tidak mendapat sambutan. Kesesakan Lebuhraya Persekutuan yang berlaku saban hari patutlah diatasi segera. Caranya mudah sahaja iaitu sama ada Kerajaan membatalkan kutipan tol di lebuhraya itu dan Kerajaan sendiri menanggung kos pembinaan ataupun mengurangkan kadar bayaran tol kepada kadar yang disenangi oleh para pengguna kenderaan.

Tuan Pengerusi, untuk melaksanakan cadangan pertama, saya kira tidak mungkin dibuat oleh Kerajaan kerana Kerajaan mempunyai alasan sendiri, melainkan cadangan kedua sahaja yang patut diberikan pertimbangan. Oleh itu, sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai penyelenggaraan jalan raya di negara ini saya menyeru supaya pihak Kerajaan/UEM membincangkan dan menimbang semula supaya kadar-kadar itu dikurangkan lagi dan dapat dibayar oleh pengguna. Lebih murah kadar tol itu maka lebih banyak kenderaan yang akan melalui lebuhraya baru itu dan kesesakan di Lebuhraya Persekutuan dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, pada kesempatan membincangkan Lebuhraya Persekutuan Kuala Lumpur—Kelang iaitu di bawah Butiran 020000 Maksud P.52—Jalan dan Jambatan, mukasurat 241. Saya kira Lebuhraya Persekutuan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kota Melaka.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya fikir sudah, dia hendak mengulangi . . .

Tuan Lim Guan Eng: Dia hendak ambalalih Lembaga Air Melaka, saya setuju.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan mencelah dengan begitu sahaja, tertib.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Saya fikir soalan itu sudah saya jawab pun, Tuan Pengerusi, jadi tidak payah kita jawab itu lagi. Apa yang perlu dan apa yang saya suka jelaskan ialah tindakan untuk mengurangkan kesan kepada pengguna-pengguna atau penduduk-penduduk negeri Melaka sedang diuruskan dan mana-mana tindakan yang perlu untuk membaikpulih kedudukan itu akan juga diteruskan.

Jadi, dengan hujah-hujah serupa itu, saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$407,521,300 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$407,521,300 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,024,760,940 yang disebutkan dalam Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,024,760,940 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.53 (Jadual)—

Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.53 dan Kepala Pembangunan P.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas sekarang. Sepang.

7.33 mlm.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Maksud Bekalan 53 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Butiran 050000 Pembangunan Koperasi, dan juga saya ingin sekali gus bercakap mengenai Kod/Objek Am 10000 Emolumen, 20000 Perkhidmatan dan Bekalan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mewujudkan suatu Kementerian khusus bagi pembangunan koperasi yang disatukan sekali dengan Kementerian Tanah. Ini menunjukkan betapa keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada pembangunan koperasi masa kini dan juga pengembangannya di masa-masa akan datang. Saya percaya dengan mewujudkan suatu Kementerian Pembangunan Koperasi ini akan memberikan banyak usaha lagi memaju dan mengembangkan koperasi, lebih-lebih lagi dalam memberikan pemahaman serta sambutan rakyat terhadap pembangunan koperasi, khususnya di luar bandar.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui Pembangunan Koperasi telah mewujudkan pemaju-pemaju koperasi di daerah-daerah. Sepertimana yang pernah saya jelaskan di Dewan ini juga, pemaju-pemaju koperasi yang telah diwujudkan atau yang telah dilantik oleh Jabatan Pembangunan Koperasi masih lagi terlalu kecil bilangannya memandangkan tugas ataupun tanggungjawab pemaju-pemaju koperasi ini tentulah agak banyak dan besar melingkupi ruang pemahaman dan juga kempen kesedaran dan juga bukan sahaja sekadar mengahlikan atau meminta rakyat luar bandar menganggotai mana-mana koperasi, malahan di dalam konteks kita hendak melihat seberapa banyak pelaburan-pelaburan rakyat di luar bandar menerusi dan melalui koperasi dapat digerakkan. Sehingga ini memanglah umum mengetahui bahawa sambutan rakyat luar bandar terhadap koperasi ini masih lagi berkurangan, masih lagi belum sampai ke tahap yang menggalakkan. Saya sendiri dapat melihat setengah-setengah koperasi di mana ahli-ahlinya telah menjadi ahli sekian lama sehingga 10-15 tahun tetapi sahamnya kadangkala tidak bertambah, kalau \$5 daripada awalnya, \$5 lah sampai sekarang ini. Ini tentulah ada usaha untuk kita menggerakkan dan memberikan kesedaran kepada mereka supaya dapat mereka terlibat, ada semangat menyimpan dan melabur kepada koperasi.

Saya juga ingin menyarankan supaya elaun yang diberikan kepada pemaju koperasi ini dapat dipertimbangkan, ditambah sedikit lagi supaya dapat juga menjalankan tugas, serentak dengan itu kalau menggunakan kenderaan tidak pula menjadi beban kepada pemaju-pemaju koperasi ini untuk menjalankan tugas.

Selain daripada itu, pihak Pembangunan Koperasi yang dahulunya Jabatan Pembangunan Koperasi juga telah memberikan sedikit bantuan ataupun bantuan elaun kepada pengurus koperasi di peringkat daerah ataupun Koperasi Pembangunan Daerah sebanyak \$375. Saya juga menyarankan oleh kerana tugas-tugas pengurus atau hendak mencari seorang pengurus yang berpengalaman, yang berkelulusan, yang berdaya maju, yang cekap dan sebagainya dengan belum bantuan permulaan sebanyak \$375 ini tentulah agak terlalu kecil. Saya percaya tidak sukar untuk kita hendak mendapat seorang pengurus koperasi yang cekap atau yang lebih-lebih lagi berpengalaman dan sudi menerima tawaran gaji sedemikian sebanyak \$375. Walaupun ini dalam bentuk bantuan daripada Jabatan Koperasi, tetapi saya percaya setengah-setengah koperasi atau KPD belum mampu dan belum berupaya untuk hendak menggaji seorang pengurus tetap yang mempunyai gaji yang agak baik dan dengan tugas-tugas tanggungjawab mengembang dan memajukan koperasi. Maka dengan itu juga saya mencadangkan supaya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dapat mengkaji semula bantuan-bantuan elaun pengurus koperasi melalui KPD ini daripada \$375 dinaikkan sekurang-kurangnya \$500.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi di dalam usaha kita hendak memajukan koperasi, saya percaya penubuhan-penubuhan koperasi tidak terhad kepada sebuah koperasi sahaja di daerah-daerah walaupun koperasi yang diiktiraf terus oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ialah KPD, tetapi juga kita mesti menggalakkan pembangunan ataupun penubuhan-penubuhan koperasi di daerah-daerah atau di tempat-tempat tertentu.

Saya suka hendak memberikan satu specific case, kes tertentu, di mana sebuah Majlis Belia Daerah iaitu Majlis Belia Daerah Sepang telah berhajat dan

bercita-cita hendak menubuhkan koperasi. Malangnya, Majlis Belia Daerah tersebut yang dianggarkan mempunyai ahli berbakat di dalam koperasi seramai lebih 200 orang, ingin menubuhkan sebuah koperasi yang dinamakan Koperasi Belia Daerah. Tetapi malangnya penubuhan koperasi ini telah ditolak oleh dahulunya Jabatan Pembangunan Koperasi dengan alasan bahawa sudah ada suatu koperasi di daerah itu, iaitu KPD maka bolehlah digalakkan ahli-ahli belia tersebut menjadi ahli kepada KPD (Koperasi Pembangunan Daerah).

Pada hujah saya, Tuan Pengerusi, kita sepatutnyalah tidak boleh menyekat penubuhan koperasi sedemikian, kerana tentulah dengan belia-belia ini masuk menjadi ahli kepada KPD maka pengenalan sesuatu badan itu sendiri, saya rasa, tidak ada lagi. Malahan diharapkan dengan penubuhan koperasi di peringkat tertentu atau di peringkat Majlis Belia Daerah ini akan menjadikan suatu sayap ekonomi kepada Majlis Belia Daerah tersebut. Jadi, oleh hal yang demikian, saya ingin merayu supaya selain daripada usaha kita, usaha Kementerian untuk hendak memajukan koperasi-koperasi yang sudah sedia ada, maka adalah baiknya juga digalakkan penubuhan koperasi yang difikirkan sesuai dan berdaya maju.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah KPD yang sekarang ini di bawah kelolaan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi telahpun dianugerahkan lesen pemborong Kelas F di setiap KPD. Oleh kerana kadangkala di peringkat daerah kita sudah sedia maklum memang banyak ada pemborong khususnya pemborong bumiputera yang memiliki lesen pemborong Kelas F, tetapi dengan adanya lesen pemborong Kelas F bagi KPD, sudah pasti KPD terpaksa bersaing dengan pemborong-pemborong yang jumlahnya begitu ramai di daerah-daerah.

Selain daripada itu, saya berharap Kementerian akan dapat menggunakan jasa baik dan budibicaranya meminta Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di peringkat Negeri dan juga Daerah malahan Kementerian-kementerian lain supaya dapat memberi peluang-peluang kepada KPD memperoleh pekerjaan-pekerjaan ataupun mendapatkan projek-projek kerja di peringkat-peringkat tertentu. Dengan jasa baik daripada Kementerian hendaklah dimaklumkan kepada agensi-agensi Kerajaan atau Jabatan-jabatan supaya memberi perhatian dan memberikan sedikit keutamaan kepada KPD di dalam mendapatkan projek-projek kecil di peringkat-peringkat tertentu. Untuk jangan terlalu kita bersaing dengan pemborong-pemborong bumiputera di daerah-daerah, maka saya suka mencadangkan supaya lesen pemborong Kelas F yang diberikan kepada KPD ini dinaikkan tarafnya sekurang-kurangnya kepada Kelas D. Dan ini sudah pasti akan dapat mengurangkan persaingan di antara pemborong KPD dengan pemborong-pemborong Kelas F yang lain di daerah-daerah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya sukalah merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dapat memikir dan menimbangkan mewujudkan suatu pejabat koperasi daerah Sepang tersendiri yang sekarang ini terpaksa masih lagi di bawah kelolaan Pegawai Koperasi dari Daerah Hulu Langat. Sepang ini memanglah satu daerah yang semuanya berkongsi dan termasuklah Pejabat Koperasinya. Saya percaya sudah sampai masanya untuk mengerakkan pembangunan koperasi ini secara menyeluruh, maka pegawai-pegawainya juga kalau dapat dipertambahkan lagi dan termasuklah menambahkan pegawai dan seterusnya mewujudkan pejabat koperasi di peringkat Daerah Sepang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

7.45 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada mukasurat 255, Butiran 020000 Pengurusan dan Perundangan Tanah dan Kertas Perintah 20, mukasurat 7, Program Pengurusan dan Perundangan Tanah, yang tujuannya ialah untuk mewujudkan perundangan yang seragam dan sistem tanah yang cekap bagi memenuhi kehendak pembangunan dan pengurusan tanah yang moden. Di antara aktiviti kemajuan pengurusan dan penyelidikan tanah termasuklah mengkaji, meminda dan membuat pembaharuan terhadap Kanun Tanah Negara dan undang-undang yang berkaitan dan penyelidikan ke atas dasar-dasar pembangunan dan undang-undang tanah.

Tuan Pengerusi, menjamin kedudukan tanah di antaranya termasuklah tanah-tanah wakaf yang dimiliki oleh orang Islam turun-temurun terutama sekali tanah-tanah wakaf yang berada di bandar-bandar. Misalnya, baru-baru ini berlaku kes Masjid Simpang Enam, Pulau Pinang di mana pihak swasta ingin memajukan tanah tersebut dan kes itu sekarang ini berlarutan hingga ke Mahkamah. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam mengemukakan pembaharuan terhadap Kanun Tanah Negara, perkara hal tanah wakaf ini hendaklah diambil berat supaya tanah-tanah wakaf ini dijamin berlangsung tanah itu dari segi tujuan wakafnya tidak diselewengkan. Misalnya bila orang hendak mengakad wakaf, ia akan sebut tanah itu sama ada ia akan digunakan untuk sekolah, masjid ataupun surau. Akad wakaf ini tidak boleh diubah begitu mudah, melainkan pihak penggubal undang-undang nanti berbincang dengan alim-ulama dalam perkara yang begini serius yang berlaku terutama di Pulau Pinang sekarang ini. Sekarang ini kes ini berada di Mahkamah Tinggi. Andainya kes ini

dimenangi oleh pihak swasta, maka tanah wakaf tersebut, tanah wakaf di Simpang Enam yang ada masjid di situ akan jatuh ke tangan swasta dan tujuan asal wakaf untuk membina masjid akan terseleweng. Kita perlu mengambil perhatian bahawa negeri kita berada di dalam Komenwel. Sebarang keputusan Mahkamah dibuat berdasarkan kepada undang-undang yang digubal oleh Kerajaan, ianya akan menjadi precedence kepada lain-lain negeri yang berada di dalam Komanwel. Misalnya masjid-masjid di Singapura, Sri Lanka dan India kebanyakannya didirikan di atas tanah wakaf.

Jadi, kes Mahkamah Tinggi Pulau Pinang nanti, andainya dimenangi oleh pihak swasta, maka ianya akan menjadi bahan rujukan pihak Singapura, Sri Lanka dan India, misalnya dalam usaha mereka untuk merampas tanah-tanah wakaf untuk digantikan dengan pusat perniagaan. Amat malang jika precedence keputusan mahkamah itu datangnya daripada Malaysia. Inilah yang perlu kita mengambil perhatian dalam menggubal undang-undang Kanun Tanah nanti supaya ianya tidak menjadi satu precedence kepada negeri-negeri Komenwel yang lain terutama dalam negeri yang umat Islamnya minoriti, yang mana kebanyakan sekolah-sekolah agama dan masjid berada di tanah wakaf. Jadi, ini hendaklah diambil perhatian kerana walaupun British telah memerintah negara kita begitu lama, satu perkara yang mereka tidak berani sentuh ialah masalah tanah wakaf kerana ianya amat sensitif kepada umat Islam. Tambahan pula, di dalam Hadis Rasulullah s.a.w. di antaranya bermaksud, mempertahankan tanah wakaf, kalau mereka mati maka mati mereka di jalan Allah. Inilah yang pihak British amat sensitif menyebabkan Pulau Pinang yang diperintah oleh British lebih awal tidak berani mengganggu tanah wakaf. Begitu juga yang ianya terdapat di Kuala Lumpur, Ipoh, Singapura dan juga Melaka.

Kita harap usaha pihak swasta yang hendak mengambil tanah ini kita harap ianya dapat menjadi perhatian pihak Kementerian Tanah.

Seterusnya di bawah Butiran yang sama saya ingin menyentuh juga soal rampasan tanah wakaf Muassasah Darul'Ulum di Kedah. Ini juga amat merbahaya kerana ia boleh jadi precedent. Sekarang ini kedudukan negeri-negeri misalnya Pulau Pinang boleh. Misalnya, orang-orang Melayu amat takut kepada DAP, Pulau Pinang boleh jatuh kepada DAP seperti Sabah jatuh ke PBS. Sekarang kalau Kerajaan Negeri Kedah boleh merampas tanah-tanah wakaf bagaimana Kerajaan-kerajaan Negeri itu merampas tanah-tanah wakaf kepunyaan orang Islam, sedangkan precedentnya dibuat di negeri Kedah. Perkara-perkara seperti ini, kepentingan umat Islam jangka panjang, Kementerian Tanah hendaklah mengambil perhatian betul-betul di dalam mengkaji pembaharuan terhadap Kanun Tanah Negara. Ini pandangan-pandangan sebab ada tuduhan-tuduhan mengatakan kalau DAP perintah, habis tanah wakaf. Ini ugutan-ugutan ataupun cita-cita yang dibuat menjelang pilihanraya. Sama ada benar atau tidak, ianya

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat itu cakap dasar.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan dasar. Ini masuk. Ini pembaharuan terhadap Kanun Tanah Negara.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya kata tidak masuk.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak apalah. Saya patah balik, bagi masuk. Jadi perhatian ini kita hendaklah ambil supaya dalam merangka hal-hal tanah wakaf ini, kepentingan umat Islam minoriti di mana-mana di negeri

Komanwel ini hendaklah diambil perhatian dan Malaysia janganlah dijadikan precedent. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau.

7.52 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Mula-mulanya, sebab ini penting yang disentuh, Butiran 05000 Pembangunan Koperasi.

Walaupun Kementerian ini telah diperkecilkan sedikit tetapi dilihat dengan bertambahnya pembangunan koperasi saya percaya tugasnya akan menjadi besar.

Yang pertama, saya bersetuju dengan rakan saya dari Sepang berhubung dengan peranan Koperasi Pembangunan Daerah. Iaitu dia minta supaya dinaikkan dari Kelas F ke Kelas D. Saya bersetuju dinaikkan, tetapi saya tidak bersetuju dinaikkan ke Kelas D. Sebab kalau dia masuk Kelas D, Kelas D juga ramai orang di dalam pasaran sekarang yang tidak mendapat kerja. Kalau boleh dinaikkanlah ke Kelas A supaya senang kalau dia hendak masuk pertandingan pun betul-betul dia masuk pertandingan yang tidak mengganggu termasuk ahli-ahli koperasi sendiri yang sekarang ini berada dalam pasaran tetapi tidak mendapat kerja.

Sebagai contohnya, kita ada satu koperasi di Perlis. Saya isytiharkanlah, saya cuma jadi ahli sahaja. Bukan jadi apa, cuma jadi ahli. Kita ada 300 lebih pemegang-pemegang Kelas F. Jadi apabila koperasi ini diberi pula peluang untuk masuk bersama mendapatkan tender-tender Kelas F yang dirundingkan, ini bermakna peluang untuk Kelas F lain untuk mendapat kerja adalah berkekurangan. Kalau tidak jangan beri langsung. Pergilah berniaga yang lain. Jangan pergi masuk pasaran yang

sememangnya kecil, yang mana ini boleh merosakkan keadaan. Dan saya bersetuju supaya ianya dinaikkan dari Kelas F ke kelas yang lebih tinggi misalnya BX, B, A dan sebagainya.

Kemudiannya pasal koperasi, kita tahu bahawa koperasi ini satu pertubuhan yang penting kerana matlamat utamanya ialah untuk membantu ahli-ahli. Tetapi kalau sekiranya tidak dikawal, yang kita takut ialah ahli-ahli akan menjadi mangsa kepada pengurusan yang tidak betul.

Kita telah ada bukti. Kita tidak payah sebut di sini bermacam-macam. Ada koperasi yang ditaja oleh MCA menghadapi masalah, yang DAP sendiri taja pun ada menghadapi masalah, dan berbagai-bagai. Ini adalah soal pengurusan.

Kemudian saya hendak sebut ada satu koperasi namanya KOPONAS—Koperasi Pos Nasional. Majoriti ahli-ahlinya ialah posmen, Beribu-ribu ahli yang menjadi ahli KOPONAS. Tetapi adalah dilihat bahawa pengurusan ini; saya tidak kiralah, saya ini bukan ada prejudice pula kepada wanita dan sebagainya. Saya pun gembira juga kalau melihat wanita naik. Malah Menteri Kewangan pun memberi penekanan supaya wanita ditonjolkan ke hadapan. Tetapi kita tidak mahu kalau sekiranya mereka yang memegang jawatan yang terpenting itu dipengaruhi oleh anasir-anasir luar.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, saya menghadiri satu upacara yang dianjurkan koperasi ini. Saya tidak dijemput, tetapi saya terlalu sahaja di tempat itu. Saya lihat ada seorang ahli perniagaan yang saya rasa bukan ahli KOPONAS yang seolah-olah dia menguasai majlis tersebut. Dan saya dimaklumkan oleh ahli-ahli KOPONAS dia kata sekarang ini pengurusan sebenarnya dikawal oleh ahli perniagaan ini, yang namanya saya tidak payah sebut. Saya pun terkejut juga tengok

ahli perniagaan ini, bukan ada apa, tidak ada apapun; badannya gemuk tetapi macam mana dia boleh menguasai pengurusan koperasi itu, seolah-olah pihak pengurusan mesti mendengar cakupnya. Dan kita minta disiasat kalau-kalau berlaku salahguna dan sebagainya. Kerana ini yang menanggung beban dan siksanya ialah ahli-ahli yang terdiri dari posmen-posmen kita yang berjemur panas, bekerja memberi sumbangan (contribution) untuk menaikkan nama KOPONAS tetapi akhirnya ianya dikawal oleh orang luar yang bukan ahli KOPONAS, tetapi ahli perniagaan yang terbukti ditunjuk semasa majlis tersebut seolah-olah yang ia menguasai KOPONAS. Saya minta dilihat, bukan ada apa cuma saya tertarik dengan pengurusan yang ada sekarang ini khususnya di peringkat Eksekutif, Ketuanya itu. Tetapi kena dilihat sejauh mana beliau tidak terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang kita takut boleh merosakkan pengurusan koperasi yang berkenaan.

Contoh KOPONAS ini saya ambil ialah untuk Yang Berhormat Menteri kalau boleh, perhatian yang sama diberikan kepada semua sekali koperasi-koperasi lain yang melibatkan ahli-ahli yang tidak hanya tahu mencarum tetapi tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku di peringkat pengurusan. Dan ada di setengah tempat yang pengurusannya mengambil kesempatan untuk kepentingan masing-masing.

Yang kedua terakhir, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana saya lihat ada kemajuan yang begitu baik terutama Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah yang saya lihat ada kemajuan dicapai dalam usah-usaha untuk membangunkan hartanah dan juga mempertingkatkan lagi undang-undang tanah supaya selaras dengan keadaan zaman sekarang supaya tanah itu bukan dia statik atau beku tetapi dia bergerak mengikut zaman. Kalau zaman

sekarang memerlukan tanah supaya boleh diperniagakan atau dijual kepada orang luar maka kita pun up-datekan, dengan izin, undang-undang kita ke arah tersebut. Dan saya ucap tahniah kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat kerana usaha gigih mereka untuk mempertingkatkan perundangan dan juga Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan.

Cuma saya hendak sentuh di sini, Tuan Pengerusi—saya berkata ini bukan bab pegawai Kementerian itu, tetapi saya tahu sekarang ini ada improvement.

Bahagian Pemetaan. Dulu saya ada timbulkan tetapi saya di beri amaran oleh pihak Kerajaan bahawa tidak boleh timbulkan perkara ini. Tetapi saya mintalah, sebab apa yang berlaku dalam hutan di sempadan, Tuan Pengerusi pun tidak tahu. Saya pun tidak tahu. Tetapi saya lebih tahu sedikit sebab saya ini adalah jungle trekker, saya selalu masuk hutan dan saya selalu panjat gunung. Apabila saya masuk ke hutan kadang-kadang sampai ke sempadan, saya tengok batu sempadan. Semasa kita membuat pemetaan, kita menandakan batu sempadan. Walaupun ada ukuran didasarkan perkiraan yang katanya tepat di pihak kita dan dipihak mereka, tetapi di pihak saya, saya kata tidak tepat.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Kenapa dia berubah dari masa ke semasa. Saya pernah memanjat gunung dalam tahun 1977

Tuan Pengerusi: Banyak kali sudah dengar fasal panjat gunung itu—banyak kali dah! (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi saya tak memburu, Tuan Pengerusi. Tahun 1977, saya lihat ada perubahan dari segi sempadan, tetapi pada tahun 80an, saya ingat pertengahan 80an dan saya panjat kawasan yang sama, saya

lihat batunya sudah berlainan dan apabila berlaku pemetaan baru yang kita buat, banyak, Tuan Pengerusi, dituduh orang kita yang di sebelah sana, di sebelah sempadan sana, sudah tak boleh pakai lagi, bukan jadi hak kita. Jadi, secara automatis kita sudah hilang hak. Jadi, orang-orang Thai, dia mari-mari dia kata dia tak payah, dia mari basuh tangan, dia kata ini hak dia, durian dia dan sebagainya.

Jadi, saya rasa perkiraan itu walaupun tepatlah, sebab saya sudah tanya tadi dia kata ini perkiraan memang tetap tetapi bagaimana rundingan dalam hutan ini dibuat sehingga terjadi macam ini. Dulu saya timbulkan fasal Pulau Berasmana di Perlis, tetapi sudah diminta, bawa keluar agreement tahun 1840, saya kata agreement itu yang mana ada dalam dunia agreement kata selagi ada bulan dan matahari, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sebagai bekas orang undang-undang

Tuan Pengerusi: Ya, Pulau Pinang dengan Kedah ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Adalah. Dalam Kedah, undang-undang Kedah, saya tahu sebab saya Pegawai Perbendaharaan dulu yang membayar kepada Kedah bagi pihak Pulau Pinang \$10,000 setahun selagi ada bulan dan matahari.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Undang-undang ini tak boleh pakai sekarang, Tuan Pengerusi. Jadi, demikian juga undang-undang berhubung dengan Pulau Berasmana. Bagi orang Perlis dengan orang Siam percaya bahawa pulau itu sebelah-menyebalah, sebelah Perlis, sebelah Thailand, tapi bila buat pemetaan baru semua dia dapat. Tapi saya tak mahulah kata apa sebab kalau tidak nanti seluruh Perlis pun. Jadi, saya kata tak payahlah, okaylah Tapi hendak tunjukkan, saya minta satu garispanduan diberikan

supaya boleh saya faham. Tetapi walau bagaimanapun, saya memberi tabik-hormat kepada pekerja-pekerja pemetaan ini kerana mereka sanggup merisikokan diri mereka. Ada yang dulu kena perangkap samar dan sebagainya, tetapi ini cuma untuk pemahaman kami-kami semua ini bagaimana pemetaan itu dibuat, bagaimana rundingcara dalam hutan itu dibuat, siapa yang mengawasi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Walau bagaimanapun saya ucapkan tahniah, sebab

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab bahagian ini telah mencapai kejayaan yang sungguh cemerlang, Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kemudian akhir sekali, Tan Sri

Tuan Pengerusi: Sudah cukuplah, masa Yang Berhormat itu sudah lebih dua minit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja fasal kemajuan wilayah, saya hendak gulung.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tan Sri

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan kemajuan wilayah, ini saya harap pihak Kementerian beri perhatian yang serius kepada kemajuan wilayah. Kalau dilihat dari segi

peruntukan Tan Sri Pengerusi, Tan Sri pun bersetuju seolah-olah memberi Lembaga Kemajuan Wilayah hidup segan mati tak mahu, peruntukan yang tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu boleh panjang sikit.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Soal pembangunan wilayah ini bukan di bawah Kementerian ini lagi—di bawah Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Ya, betul. Betul.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya pun tahu, tetapi saya tak sempat bercakap Kementerian yang berkenaan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Tak boleh, tak boleh, Yang Berhormat, kerana Menterinya pun tak ada untuk menjawab.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tak sempat cakap, sebab saya hendak dia jawab lepas ini, lepas ini mintalah dia sampaikan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Habiskanlah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab pada hari tersebut, Tan Sri semua orang berebut hendak bercakap. Jadi, saya tak dapat cakap, jadi saya timbulkan di sini, janganlah biarkan Lembaga ini jadi hidup segan mati tak mau.

Tuan Pengerusi: Jadilah, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong.

8.05 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mukasurat 255, 010000—Pentadbiran dan Pembangunan; 020000—Pengurusan dan Perundangan Tanah dan juga 030000—Ukur Tanah, dengan sekali gus, Tuan Pengerusi.

Menurut apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai ura-ura untuk meminda Akta Pengambilan Tanah. Sukalah saya menerangkan di sini bahawa sebagai warganegara Malaysia, kita memang hendak menyaksikan pembangunan dan kemajuan di dalam negara ini, terutamanya dari segi industri dan perumahan, tetapi apabila kita menguruskan hal pembangunan dan perindustrian dan juga perumahan, kita mestilah meninjau dan menyelidik serta menyasiat dengan teliti apakah yang diperlukan dengan pindaan ke atas Akta tersebut. Yang penting sekali Akta yang ada sekarang membolehkan pihak Kerajaan mengambil tanah untuk maksud atau tujuan-tujuan kepentingan orang ramai, termasuk pengambilan tanah untuk sekolah, untuk lebuhraya dan juga untuk taman rekrasi dan sebagainya untuk kepentingan orang ramai, tapi bagi pengambilan tanah untuk tujuan-tujuan komersial memang pihak pemilik tanah boleh mencabar tindakan Kerajaan di dalam mahkamah.

Saya percaya cara ini adalah baik untuk mengelakkan daripada berlakunya keputusan atau pengambilalihan tanah dengan sewenang-wenangnya. Dan saya di sini merayu kepada pihak Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengumumkan isi kandungan pindaan ke atas Akta tersebut supaya pihak orang ramai dapat meneliti apakah tujuan yang sebenarnya yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali ialah kita hendak mengelakkan daripada berlakunya pengambilan dengan sewenang-wenangnya tanah untuk tujuan yang tidak kena-mengena dengan kepentingan orang ramai dan untuk tujuan ini, saya berharap pihak Kerajaan boleh memberi penakrifan dengan teliti apakah yang dimaksudkan sebagai maksud awam, dengan izin, Tuan Pengerusi, "public purpose", kerana inilah yang penting.

Dan yang kedua, memang penyiasatan dan kajian yang penuh teliti mengenai keadaan tanah dan kedudukan para pemilik perlu diadakan sebelum Akta ini dicadangkan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tak eloklah Yang Berhormat tunggu supaya masa Akta itu keluar, pindaan itu keluar

Dr Tan Seng Giaw: Memang, Tuan Pengerusi, kerana

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap masa itu.

Dr Tan Seng Giaw: Sekarang ia mewujudkan satu kekeciwaan di kalangan orang ramai.

Tuan Pengerusi: Ya, yang saya cakap ini, bercakaplah pada masa itu.

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi: Masa sekarang ini cakaplah point lain.

Dr Tan Seng Giaw: Point, saya ada point banyak lagi, Tuan Pengerusi. (*Disampuk*) Ada point yang banyak, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, cakaplah point yang

Dr Tan Seng Giaw: Daripada melakukan pindaan ke atas Akta tersebut, memang kita hendak kaji,

memang ada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli dari Arau juga yang mengatakan bahawa (*Ketawa*) banyak orang asing yang mengambillah, yang memiliki tanah di negara kita, terutama di Johor dan juga di sekitar negeri Selangor dan saya tak tahulah sama ada di Perlis ada ataupun tidak kerana Perlis itu negeri yang terkecil di dalam

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Menyampuk*)

Dr Tan Seng Giaw: . . . yang sangat terkecillah. Jadi, kalau ada orang asing yang memiliki tanah di situ habislah, Arau pun habis. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, masalah orang-orang asing yang memiliki tanah di Semenanjung, termasuk di Johor dan juga negeri Selangor adalah sangat serius dan daripada memindakan Akta Pengambilan Tanah, kita perlulah mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Kanun Tanah Negara. Itu yang lebih penting untuk memelihara kepentingan warganegara-warganegara Malaysia dan bukan sahaja di Johor Bharu, di Selangor ada pembukaan tanah yang banyak dan juga tanah-tanah yang diemark, dengan izin, Tuan Pengerusi, untuk maksud perindustrian dan banyak orang-orang asing daripada Singapura, daripada Taiwan yang membeli tanah di negeri Selangor juga. Mungkin tidak di Perlis, saya pun tak tahulah, tak pernah dengar di Perlis ada perindustrian di situ atau tidak, cuma buah-buah mangga sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat berjalan ya. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Adalah perlu bagi pihak Kementerian untuk meneliti hal pemilikan tanah oleh orang-orang asing di negara ini. Satu perkara lagi yang penting kerana pada masa ini pihak

Kementerian sudah memperuntukkan wang bagi sistem komputer. Saya diberitahu bahawa sekarang pihak Kementerian telah membelanjakan lebih \$9 juta untuk komputer di Jabatan Tanah di seluruh Semenanjung di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan nampaknya sistem ini telah memperbaiki efficiency pungutan cukai tanah dan sebagainya dan dianggarkan pihak Kementerian akan memperuntukkan ataupun meminta \$30 juta untuk Rancangan Malaysia Keenam bagi mengkomputerkan semua Jabatan Tanah di seluruh Semenanjung.

Sungguhpun ini satu usaha yang baik, tetapi nampaknya usaha untuk memproseskan geran bertingkat, iaitu strata title, dengan izin, Tuan Pengerusi, adalah masih lemah kerana nampaknya jawapan daripada pihak Kementerian ialah kita memerlukan hampir tujuh bulan (211 hari) untuk memproseskan strata title. Ini satu jangkamasa yang agak panjang.

Tuan Pengerusi: Minta gulung, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Ini pun, Tuan Pengerusi, misalnya proses ini memerlukan 12 langkah (twelve steps)—12 langkah untuk melalui Jabatan Tanah dan juga untuk Jabatan Ukur, Pengarah Tanah dan Galian dan sebagainya. Misalnya, daripada Jabatan Ukur kepada Pengarah Tanah dan Galian memerlukan 52 hari dan daripada Jabatan Ukur kepada Jabatan Tanah memerlukan 33 hari dan sebagainya. Jumlah 211 hari ini sangat panjanglah. Kalau kita hendak minta \$30 juta untuk mengkomputerkan semua urusan komputer ini, terutama dengan pendaftaran transaksi tanah dan juga pungutan cukai tanah, maka kita hendaklah mengemaskinikan proses untuk permohonan strata title ini kerana kalau kita tidak berbuat demikian, maka perbelanjaan yang begitu banyak untuk komputer itu adalah sia-sia sahaja.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka. Selepas itu menteri menjawab.

8.15 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud Bekalan B.53, mukasurat 255, Butiran 020000—Pengurusan dan Perundangan Tanah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan ingin membentangkan pindaan Akta Pengambilan Tanah.

Tuan Pengerusi: Sudah bercakap, Kepong sudah bercakap tadi ini.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, mengulas sekali lagi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, Yang Berhormat, saya ada kuasa jika benda itu diulang-ulangkan, saya berkuasa hendak menegakkan. Berucaplah benda yang lain ya.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, kerana tadi saya tidak ada semasa dia berucap. Tidak apa, tetapi saya ingin mengambil peluang untuk menegaskan pendirian parti DAP menentang dengan sekeras-kerasnya pindaan sebegini yang bukan sahaja

Tuan Pengerusi: Bila tiba masa perbahasan Rang Undang-undang itu, silalah berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, dan saya harap pihak Kerajaan akan mengambil kira kepentingan orang ramai supaya sebarang pengambilan tanah tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 040000—Pemetaan dan hendak bertanya mengenai light house di Selat Tebrau kerana saya terkejut dengan beberapa tuntutan yang disiarkan

disuratkhbar yang menyatakan bahawa ada sebuah dua pulau di Selat Tebrau di mana adalah milikan Singapura. Saya difahamkan bahawa semasa Singapura dipecat keluar daripada Malaysia dalam tahun 1965, semua pulau yang berhadapan dengan Singapura adalah milikan negara Malaysia dan saya hendak bertanya sama ada inilah keadaan sekarang terutama sekali sama ada light house di Selat Tebrau yang diungkit-ungkit dalam suratkhbar adalah milikan Kerajaan Malaysia atau Singapura?

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada Butiran 050000—Pembangunan Koperasi.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya apakah hasil siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi terhadap penjualan harta benda KSM atau Koperasi Serbaguna Malaysia dalam Multipurpose Holdings Berhad kepada Kamunting? Saya difahamkan bahawa satu laporan telah dibuat kepada JPK mengenai perkara ini yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebagai Presiden MCA. Saya hendak bertanya sama ada JPK menyokong penjualan harta-benda KSM tersebut, atau oleh kerana ia dalam receivership, dengan izin, ia tidak ingin mengambil tahu tentang sebarang urusan yang dijalankan dalam penjualan harta benda Koperasi Serbaguna Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya tentang kedudukan koperasi-koperasi Majujaya dan NESAs, keduanya ialah kepunyaan pemimpin-pemimpin MIC, kepunyaan kedua-dua puak, kedua-dua faction dalam MIC—satu yang diketuai oleh Prisedan MIC, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, dan satu lagi yang diketuai oleh Timbalan Menteri Pertanian yang baru, iaitu Yang Berhormat Senator Dato' S. Subramaniam. Bilakah pendeposit-pendeposit boleh mendapat deposit-

deposit mereka dalam kedua-dua koperasi ini kerana sudah lama, tetapi sehingga ini mereka masih belum menerima wang deposit mereka.

Tuan Pengerusi, juga mengenai CCB sama ada JPK telah membuat cadangan supaya deposit ini boleh dibayar kepada pendeposit-pendeposit.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak bertanya tentang kedudukan koperasi pengambil deposit yang dibekukan dalam tahun 1986 iaitu 8hb Ogos 1986 terutamanya kedudukan KUMB atau Kewangan Usaha Makmur Berhad, sebuah syarikat yang ditubuh untuk mengambil alih semua harta-harta koperasi-koperasi yang dibekukan atau KPD-KPD yang dibekukan dalam tahun 1986.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa KUMB akan disenaraikan dalam BSKL dalam tahun 1990 tetapi kita sudah masuk ke tahun 1991 dan KUMB ini masih belum disenaraikan dalam BSKL. Saya hendak bertanya juga bilakah KUMB boleh disenaraikan supaya pendeposit-pendeposit dalam kooperatif tersebut yang diambil alih oleh KUMB boleh mendapat wang deposit mereka kerana sehingga kini mereka hanya memiliki ekuiti 50% yang tidak mempunyai sebarang nilai pun. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.22 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Pengerusi, pertama sekali suka saya mengucapkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini. Saya akan

cuba memberikan penjelasan setakat yang dibolehkan secara am dan juga secara spesifik.

Pertama sekali, dari segi usaha-usaha hendak mempertingkatkan lagi usaha-usaha memajukan gerakan koperasi di negara kita ini. Saya berterima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan juga Arau yang akan saya rangkum sekali jawapan ini. Kerajaan mengakui bahawa banyak lagi perkara yang perlu kita ambil untuk hendak mempertingkatkan kefahaman, bukan sahaja di kalangan masyarakat kita supaya bersama-sama dalam gerakan koperasi ke arah membaiki nasib mereka tetapi dalam masa yang sama kita juga perlu memberikan dan mempertingkatkan kefahaman tersebut di kalangan pemimpin-pemimpin koperasi juga, sebab bagi memastikan kemajuan satu-satu koperasi itu, seluruh tenaga yang ada perlu betul-betul faham bagaimana caranya dan tindakannya mesti diambil. Oleh kerana itu kita telahpun memperkemas jentera penerangan di peringkat Kementerian dan juga jabatan ini secara menyeluruh bagi memberikan penerangan-penerangan dalam bentuk kursus-kursus, dalam bentuk seminar-seminar dan perjumpaan-perjumpaan yang merangkumi penyertaannya oleh ahli-ahli koperasi, pemimpin-pemimpin koperasi dari satu masa ke satu masa.

Pengambilan 257 orang pegawai pengembang koperasi baru-baru ini merupakan salah satu daripada tindakan tegas dan positif yang diambil oleh Kerajaan untuk hendak mencapai maksud dan matlamat yang diperkatakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi. Pihak Kementerian menyelaraskan usaha-usaha mempertingkatkan penerangan di kalangan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin koperasi ini dengan bekerjasama dengan ANGKASA, Maktab Kerjasama selain daripada yang dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi sendiri.

Insyah Allah, saya percaya, dengan adanya lebih banyak lagi majlis-majlis penerangan itu diberikan, kita harap bukan sahaja ahli-ahli koperasi yang faham tetapi penting juga kefahaman itu dianuti dan dimiliki oleh pemimpin-pemimpin koperasi itu sendiri kerana ianya banyak melibatkan bagaimana caranya satu-satu koperasi itu dapat diuruskan dengan baik. Kalau kita mempunyai ramai pun ahli koperasi tetapi tidak diuruskan dengan baik seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau sebentar tadi, sudah pasti ianya akan memberi kesan-kesan yang tidak baik kepada gerakan koperasi itu sendiri. Saya suka tegaskan iaitu salah satu daripada sebab mengapa dan kenapa banyak kejadian-kejadian yang memudaratkan kepentingan ahli-ahli koperasi yang telah berlaku itu berpunca daripada soal pengurusan yang tidak cekap, pengurusan yang tidak baik dan pengurusan yang kurang berkesan itu.

Soal keadaan dan kedudukan tenaga kepegawaian dan juga pejabat-pejabat yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sepang sebentar tadi. Suka saya tegaskan iaitu sekarang ini kita mempunyai lebih daripada 2,197 buah koperasi di negara kita ini dan diuruskan oleh 88 buah pejabat wilayah ataupun pejabat-pejabat daerah mengikut keperluan sesuatu tempat itu tadi. Kita telahpun meneliti keperluan tenaga kepegawaian dan juga keperluan kemudahan-kemudahan pejabat ini dan kita telahpun mengambil tindakan untuk memadankan keperluan-keperluan dari segi tenaga kepegawaian dan juga dari segi kemudahan-kemudahan pejabat yang ada di tempat-tempat yang saya katakan itu dan insyallah kita akan cuba menokok tambah di mana yang diizinkan dari segi tenaga kepegawaiannya dan juga dari segi kemudahan-kemudahan pejabatnya.

Satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang khususnya tadi, ialah tentang halangan yang dihadapi untuk hendak menubuhkan koperasi di satu-satu daerah. Dari segi dasarnya kita memang menggalakkan supaya koperasi-koperasi ditubuhkan di merata tempat di negara kita ini. Cuma kadangkala timbul persoalan kerana di satu-satu daerah ataupun tempat itu sudah ada koperasi ditubuhkan oleh banyak pihak, ini kadangkala menimbulkan sedikit kerumitan kepada Ketua Pendaftar untuk memberikan kelulusan. Namun demikian, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat dari Sepang iaitu saya akan teliti pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dan kita akan cari jalan.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit. Penubuhan koperasi di peringkat Majlis-majlis Daerah ini seperti yang disarankan oleh pihak Pendaftar Koperasi supaya ahli-ahli belia ini memasuki koperasi KPD. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebahagian besar daripadanya sudahpun menjadi ahli KPD tetapi yang kita harapkan supaya ada pengenalan kita sendiri. Koperasi Majlis Belia Daerah, jadi ini yang tidak dapat diakui ataupun tidak dapat dibenarkan penubuhannya, kewujudannya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, saya belum selesai lagi tadi. Cuma saya suka beri jaminan kepada Yang Berhormat iaitu saya sendiri akan teliti perkara ini dan cari jalan penyelesaian. Cuma di peringkat ini oleh kerana dimaklumkan kepada kita sebentar tadi, pada masa ini memang timbul juga satu masalah di mana seseorang yang telah menjadi ahli dalam satu-satu koperasi, dia hendak menjadi ahli pula dalam sebuah koperasi yang lain.

5121

30 JANUARI 1991

5122

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat,
minta sambung esok.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat
ditangguhkan sehingga 2.30 petang
esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30
malam.*